



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

2021



Berkhidmat Memakmurkan Negara



SIDANG REDAKSI LAPORAN TAHUNAN 2021



PENAUNG

ZAIDA HUSSIN



KETUA EDITOR

SABARIAH MD YUSOF



EDITOR

MOHD IMRAN KAMIL
NADZAHARUDDIN



EDITOR

AISAH ANDI BAMBANG



EDITOR

SAFIRA NATASHA
AHMAD SHAH



EDITOR

MUHAMMAD SYAZANI
ZULKIFLI



EDITOR

FATIHAHTUL AHMAD
ABDUL MUTHALIB



EDITOR

MUHAMMAD SYAHMI
RIDZUAN



EDITOR

FARAH FATIHAH
JAMALUDIN



EDITOR

HAMIDAH BINTI
ABDUL HAMID



EDITOR

SUHALIZA
MOHD MOKHTAR



MEDIA

AL- ANAQ QURZHAM BIN
RAMLY



MEDIA

RUDY ANAK JANIN



EDARAN

SALMAWATI
SALIH HUDDIN



EDARAN

MOHD DANIAL FAIQ
SUHAIMI



ISI KANDUNGAN LAPORAN TAHUNAN 2021

IV CARTA ORGANISASI

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA 2021

MS. 13 | BAB 1

KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

VI PERUTUSAN

KETUA PENGARAH JKDM

MS.39 | BAB 2

PERANCANGAN KORPORAT

IX VISI DAN MISI

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA 2021

MS.63 | BAB 3

PERKASTAMAN

X PERANAN

KETUA PENGARAH JKDM

MS. 135 | BAB 4

CUKAI DALAM NEGERI



MS.175 | BAB 5

PERKHIDMATAN TEKNIK

MS.285 | BAB 9

PERUNDANGAN

MS.225 | BAB 6

PENGUATKUASAAN

MS.245 | BAB 7


PENGURUSAN PEMATUHAN

MS.263 | BAB 8

TEKNOLOGI MAKLUMAT

KETUA PENGARAH KASTAM

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (TURUS III)




NOTA SKIM JAWATAN :

PK	PENGUASA KASTAM
PTD	PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK
PU	PEGAWAI UNDANG-UNDANG
AKTN	AKAUNANTAN
PTM	PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT
PS	PEGAWAI SIASATAN



CARTA ORGANISASI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



2021



PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) wajar menjadi penyampai perkhidmatan yang cepat dan berkesan kepada masyarakat khususnya buat pemegang taruh dan para pelanggan jabatan. Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan merupakan dasar signifikan ke arah menzahirkan janaan pungutan hasil yang unggul serta menjamin kelangsungan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

JKDM sedar bahawa masyarakat dan komuniti perniagaan amat dahagakan perkhidmatan yang pantas khususnya dalam mendepani norma baharu dalam era globalisasi ini. Warga Kastam perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja serba baharu melalui pemerkasaan kemahiran teknologi digital dan komunikasi maklumat berlandaskan Analitis Data Raya dan Teknologi Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (A.I).

Pelaksanaan program pembangunan jabatan secara holistik berpaksikan Pelan Strategik JKDM 2020-2024, adalah menjadi teras utama pihak pengurusan dalam memacu usaha merealisasikan slogan keramat, "Berkhidmat Memakmurkan Negara", senada dengan aspirasi dan wawasan kerajaan. Mudah-mudahan warga JKDM sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat seterusnya berupaya menjulang kecemerlangan imej Kastam di persada dunia.

DATO' HAJI ZAZULI BIN JOHAN
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA



2021



VISI DAN MISI

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

VISI DAN MISI

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

VISI

Kastam Peneraju
Kemakmuran
Negara

SLOGAN

Berkhidmat
Memakmurkan
Negara

MISI

Memungut Hasil Negara,
Memberi Fasilitasi
Perdagangan Dan
Menguatkuasakan
Undang-Undang Demi
Kemakmuran Negara

ETIKA

Amanah
Berkhidmat Ikhlas
Dedikasi (A.B.I.D)



integrity . speed . professional . efficient . effective . dynamic

INTEGRITY

Integriti

SPEED

Pantas

PROFESSIONAL

Profesional

EFFICIENT

Cekap

EFFECTIVE

Berkesan

DYNAMIC

Dinamik



PERANAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

2021

PERANAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

JKDM berperanan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan memelihara keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat melalui tiga fungsi utama

Memungut Hasil Negara

- Duti Import
- Duti Eksport
- Duti Eksais
- Cukai Jualan
- Cukai Perkhidmatan
- Levi Keuntungan Luar Biasa
- Levi Pelepasan
- Levi Kenderaan
- Hasil Bukan Cukai
- Hasil Negeri / Wang Amanah
- Cukai Pelancongan

Memberi Fasilitasi Kepada Sektor Perdagangan dan Perindustrian

- Fasilitasi Perkastaman selari dengan dasar semasa kerajaan
- Kemudahan pengecualian cukai kepada Pengimport
- Pengecualian cukai terhadap bahan mentah dan mesin pengilang
- Kemudahan bayaran balik duti / cukai tuntutan pulang balik duti / cukai
- Kemudahan pelepasan dagangan import, eksport dan pelepasan penumpang

Menguatkuasakan Undang-Undang

- Menguatkuasakan akta-akta dan Perundangan Subsidiari





JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

2021

BAB 1

BAHAGIAN


KHIDMAT PENGURUSAN DAN

SUMBER MANUSIA

Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

Profil

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (KPSM) di Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diketuai oleh seorang Pengarah Bahagian (Gred JUSA C) dan dibantu oleh enam (6) orang Timbalan Pengarah (Gred 54). Bahagian ini terbahagi kepada enam (6) Cawangan seperti berikut:



Objektif Bahagian

- i. Mentadbir dan mengurus hal ehwal pengurusan sumber manusia dan kewangan Jabatan.
- ii. Membangunkan Jabatan dengan mengkaji dan merancang keperluan sumber tenaga manusia secara optimum.
- iii. Mengurus sumber manusia dari aspek pengambilan, kenaikan pangkat dan penempatan anggota Jabatan.
- iv. Mengurus penilaian prestasi kakitangan Jabatan dari segi Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia.
- v. Mengurus perancangan perolehan Jabatan.
- vi. Mengurus perancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia dan pelaksanaan projek pembangunan Jabatan.
- vii. Mengurus perancangan bajet dan peruntukan kewangan bagi perbelanjaan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Jabatan.
- viii. Mengurus perakaunan Jabatan.
- ix. Menggubal dan mengemas kini perintah-perintah dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan hal ehwal manusia, pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan.
- x. Melaksanakan naziran berprogram ke negeri-negeri dan memberi khidmat nasihat mengenai hal ehwal sumber manusia dan kewangan.

Pencapaian | Cawangan Khidmat Pengurusan

Pengiktirafan Pingat Jabatan Kepada Pegawai

Penganugerahan Pingat kepada Pengurusan Tertinggi telah diberikan pada satu Majlis Pemakaian Pingat yang telah diadakan pada 24 Mac 2021 di Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat. Senarai penerima adalah seperti berikut:

Pingat Cemerlang Kastam (P.C.K)

- YBhg. Dato' Radzi bin Muhamad
- Puan Wan Saadah binti Mohamed Muhibbuddin.
- Puan Siti Zaleha binti Mohd Said
- Puan Norizan binti Ramli
- Tuan Saman bin Musli
- Tuan Wan Zainal Abidin bin Wan Nilam
- Tuan Misbahudin bin Parmin
- Tuan Herman Shah bin Abdullah Dol Ragin

Pingat Kastam Antarabangsa (P.K.A)

- Tuan Wan Jamal Abdul Salam bin Wan Long
- Tuan Abdul Ghafar bin Mohamad
- Puan Aspalila binti Awang Tuah

Seramai 19 orang pegawai Cawangan Narkotik, Bahagian Penguatkuasaan telah dianugerahkan Pingat Kastam Berjasa (P.K.B) di atas kejayaan menumpaskan sindiket dadah antarabangsa bernilai RM5.2 bilion dalam Majlis Perhimpunan Setia dan Mesra yang diadakan pada 12 April 2021 bertempat di Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat.

Penganugerahan **Pingat Perkhidmatan JKDM** Peringkat Ibu Pejabat telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan dalam Mesyuarat Pingat Perkhidmatan JKDM yang telah diadakan pada 22 Julai 2021. Seramai 35 pegawai telah dianugerahkan dengan Pingat Perkhidmatan yang dimohon.

Pencapaian | Cawangan Khidmat Pengurusan

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Ibu Pejabat

Pada tahun 2021, JKDM Ibu Pejabat telah berjaya mengadakan tiga (3) kali mesyuarat MBJ Peringkat Pusat seperti berikut:

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
1.	Bil.1 Tahun 2021	9 Februari 2021
2.	Bil.2 Tahun 2021	8 Oktober 2021
3.	Bil.3 Tahun 2021	19 November 2021

Pengurusan Majlis Jabatan

Pada tahun 2021, Bahagian KPSM telah menganjurkan beberapa majlis utama seperti berikut:

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis ini telah diadakan pada 18 Mac 2021 bertempat di Zenith Hotel Putrajaya bertemakan Batik Malaysia. Majlis diadakan bagi meraikan pegawai-pegawai yang telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020. Seramai 115 penerima yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang bertugas di Ibu Pejabat telah diraikan pada majlis tersebut.



Majlis Paluan Berundur Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Majlis ini telah berjaya diadakan pada 24 Mac 2021 bertempat di Dewan Semarak Jati dan Perkarangan Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia.



Majlis Meraikan Pelantikan Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Majlis ini telah berjaya diadakan pada 1 April 2021 bertempat di Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia.



Pencapaian | Cawangan Khidmat Pengurusan

Majlis Perhimpunan Setia dan Mesra Warga Kastam

Majlis ini telah berjaya diadakan sebanyak dua (2) kali pada 12 April 2021 dan 12 November 2021 bertempat di Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia.



Majlis Berbuka Puasa

Majlis ini telah berjaya diadakan pada 7 Mei 2021 bertempat di Perkarangan Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia.



Majlis Persaraan Tahun 2021 Peringkat Ibu Pejabat

Majlis Persaraan Tahun 2021 Peringkat Ibu Pejabat telah diadakan pada 12 November 2021 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Seramai 21 pesara yang hadir pada majlis tersebut.



Pencapaian | Cawangan Perkhidmatan dan Latihan

Perjawatan

Pada Januari 2021, bilangan pengisian jawatan di JKDM adalah sebanyak 13,537 berbanding dengan bilangan perjawatan yang diluluskan sebanyak 14,872 perjawatan. Dalam tempoh tahun 2021, bilangan pengisian telah menurun sebanyak 232. Ini menjadikan pengisian perjawatan di JKDM sehingga 31 Disember 2021 adalah berjumlah 13,305 berbanding dengan bilangan perjawatan yang diluluskan iaitu sebanyak 14,872 perjawatan.

Perkara	Tahun 2021	
	Januari	Disember
Perjawatan	14,872	14,872
Pengisian	13,537	13,305

Jadual 1: Perbandingan Pengisian dan Perjawatan bagi bulan Januari dan Disember 2021


Pengambilan

Pada tahun 2021, JKDM telah melaksanakan satu (1) urusan pengambilan pegawai lantikan baharu dengan jumlah calon seramai 10 orang seperti di **Jadual 2**.

GRED JAWATAN	Bil. Urusan Pengambilan	Bil. Calon
Pembantu Penguin Kastam WK19	1	10
JUMLAH	1	10

Jadual 2: Bilangan Urusan Pengambilan JKDM Tahun 2021

Pelaksanaan urusan pengambilan pada tahun 2021 berkurang berbanding tahun sebelumnya disebabkan penularan pandemik Covid-19 di dalam negara. Perbandingan urusan pengambilan lantikan baharu untuk tahun 2018 hingga tahun 2021 adalah seperti di **Carta 1**.




Carta 1: Perbandingan Urusan Pengambilan Pegawai Lantikan Baharu untuk Tahun 2018 hingga Tahun 2020

Pasca Perkhidmatan

Bagi tahun 2021, Unit Pengambilan dan Perkhidmatan telah memproses 245 urusan persaraan pegawai dari semua gred yang berkhidmat di JKDM. Dalam usaha menghargai jasa dan sumbangan pegawai yang bersara tersebut, Ibu Pejabat telah meraikan seramai 21 orang pegawai dari Ibu Pejabat dalam Majlis Persaraan bertemakan "Jasamu Dikenang" yang telah diadakan di Pulse Grande Hotel, Putrajaya pada 12 November 2021. Manakala 158 pesara bagi negeri lain diraikan di peringkat negeri masing-masing. Kedudukan pegawai bersara tahun 2021 adalah seperti Jadual 3 dan perbandingan jumlah pesara untuk tahun 2018 sehingga 2021 adalah seperti di **Carta 2**.

JENIS PERSARAAN	PENGURUSAN TERTINGGI	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN & GUNASAMA	JUMLAH
Wajib (Paksa)	10	47	101	158
Pilihan	-	14	32	46
Meninggal Dunia	-	3	35	38
Atas Sebab Kesihatan	1	1	1	3
JUMLAH	11	65	169	245

Jadual 3: Bilangan Pasca Perkhidmatan JKDM Tahun 2021



Carta 2: Perbandingan Jumlah Pesara bagi Tahun 2018 – 2021


Urusan Menjalankan Tugas-Tugas (MTT) dan Penanggungan Kerja



Urusan Menjalankan Tugas-Tugas dan Penanggungan Kerja bagi kekosongan jawatan dalam Jabatan adalah penting demi memastikan kelangsungan tanggungjawab dan penyampaian perkhidmatan yang efisien. Pada tahun 2021, sebanyak 150 urusan MTT dan Penanggungan Kerja telah diproses untuk kelulusan. Dari jumlah tersebut, 17 urusan MTT adalah bagi Pengurusan Tertinggi Jabatan, 57 urusan bagi Kumpulan Pengurusan dan Professional manakala 76 adalah bagi urusan Kumpulan Sokongan dan Gunasama. Urusan MTT dan Penanggungan Kerja ini adalah bagi meneruskan tugas-tugas disebabkan kekosongan jawatan, pegawai bercuti, bersara, dinaikkan pangkat dan berkursus. Maklumat terperinci bagi urusan MTT dan Penanggungan Kerja ini adalah seperti **Jadual 4**.

JENIS PEMANGKUAN/ TANGGUNG KERJA	PENGURUSAN TERTINGGI	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN & GUNASAMA	JUMLAH
Baru	15	48	49	112
Lanjut	2	9	24	35
Pelangkauan Melebihi 2 Gred	0	0	3	3
JUMLAH	17	57	76	150

Jadual 4: Bilangan Urusan Pemangkuan dan Penanggungan Kerja JKDM Tahun 2021



Carta 3: Perbandingan Jumlah Pesara bagi Tahun 2018-2021

Penempatan

Pada tahun 2021, sebanyak 103 urusan penempatan dan pertukaran dilaksanakan melibatkan seramai 1,007 pegawai seperti di **Jadual 5**.


BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIL. URUSAN	BIL. PEGAWAI
1.	Penguasa Kastam	51	668
2.	Pembantu Penguasa Kastam	16	254
3.	Lain-Lain Skim Perkhidmatan	36	85
	JUMLAH	103	1,007

Jadual 5: Bilangan Urusan Penempatan dan Pertukaran



e-Penempatan

Bagi tahun 2021, e-Penempatan telah membantu pihak KPSM negeri dengan mengesyorkan sebanyak **330 pegawai** yang telah melebihi tempoh penempatan di *hot-job* dan *hot-spot* bagi membantu JKDM negeri membuat *job rotation*.



Sistem e-Tukar

Sistem e-Tukar ini telah mula diguna pakai mulai Ogos 2019. Semua anggota Kastam yang ingin bertukar balik ke negeri atau wilayah asal adalah dikehendaki mengisi maklumat pertukaran melalui sistem e-Tukar yang dilihat lebih adil, telus dan berkesan.

Pada tahun 2021, sebanyak empat (4) kali urusan pertukaran pegawai-pegawai yang memohon pertukaran melalui sistem ini telah dilaksanakan. Sepanjang tempoh tersebut, sejumlah 670 pegawai yang telah membuat permohonan melalui e-Tukar. Daripada jumlah tersebut, seramai **154** bilangan pegawai kanan telah ditukarkan dan **143** bilangan pegawai Kastam telah bertukar.

Pengukuhan Organisasi

JKDM dari semasa ke semasa berusaha menambah baik serta memantapkan lagi pengurusan dan pembangunan modal insan dalam usaha memastikan aktiviti teras Jabatan dan sistem penyampaian perkhidmatan berjalan dengan lancar dan berkesan dalam mendepani persekitaran yang semakin mencabar.

Oleh itu, bagi menyahut teras strategik Jabatan, Unit Pembangunan Organisasi telah menyediakan beberapa kertas cadangan bagi menambah baik struktur organisasi JKDM. Di mana secara tidak langsung telah memperluaskan struktur kemajuan kerjaya pegawai. Cadangan yang telah dikemukakan dan diperakui / diluluskan oleh agensi pusat adalah seperti di Jadual 6.

BIL	KERTAS CADANGAN	KELULUSAN
1.	Cadangan Mewujudkan Perjawatan Baharu Bagi Pegawai Penyiasat (IO), Pegawai Pendakwa (PO), Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dan Pegawai Integriti Berdasarkan Keputusan Mesyuarat Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 10 Bil 5 Tahun 2019 di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).	Masih dalam tindakan agensi pusat
2.	Cadangan Pengukuhan Perjawatan Bahagian Penguatkuasaan Di Sempadan Negara Berikutnya Pembubaran Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM).	Waran A130 Tahun 2021 berkuatkuasa 16 Oktober 2021
3.	Cadangan Mengekalkan Zon Tengah I Kepada Pentadbiran Berdasarkan Zon, Mengembalikan Zon Sabah Dan WP Labuan Kepada Pentadbiran Berdasarkan Negeri Dan Menaiktaraf Jawatan Pengarah Kastam Negeri Johor.	Masih dalam tindakan agensi pusat

Unit Naik Pangkat

Pengurusan Kenaikan Pangkat

Urusan kenaikan pangkat adalah merupakan aspek penting pengurusan sumber manusia bertujuan untuk menghasilkan pegawai yang bermotivasi, komited dan penuh karisma. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 91 urusan pemangkuhan dan kenaikan pangkat dilaksanakan melibatkan seramai 1,422 pegawai seperti di **Jadual 7**.

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BIL. URUSAN	BIL. PEGAWAI
1.	Penguasa Kastam	39	497
2.	Penolong Penguasa Kastam	11	47
3.	Pembantu Penguasa Kastam	13	791
4.	Lain-Lain Skim Perkhidmatan (Gunasama dan Bukan Gunasama Agensi Luar)	24	77
5.	Lain-Lain Skim Perkhidmatan (Sokongan II)	4	10
JUMLAH		91	1422

Jadual 7: Bilangan Urusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat

Unit Latihan

Unit Latihan memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan sumber manusia dalam sektor awam khususnya di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi memastikan setiap pegawai Jabatan perlu melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian melalui program latihan yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran secara berterusan mengikut lima (5) strategi latihan JKDM yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Permohonan serta penempatan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi bagi Program Latihan Industri;
- ii. Program Pementoran dan Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB);
- iii. Cuti Belajar (HLP/ CBBPTB);
- iv. Menyelaraskan Kontjen JKDM bagi majlis rasmi seperti Hari Kebangsaan, Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Paluan Berundur, Hari Kastam Sedunia dan juga Perbarisan Ulung; serta
- v. Program Nilai-Nilai Murni.

Program Latihan / Bengkel / Kursus Tahun 2021

Program Latihan / Bengkel / Kursus yang dilaksanakan sepanjang Tahun 2021 adalah melibatkan peringkat Jabatan, Agensi / Jabatan lain, NGO, Swasta dan Antarabangsa, di mana Unit Latihan bertindak sebagai penyelaras bagi program-program yang dilaksanakan oleh Agensi/Jabatan lain seperti MOF, ILKAP, INTAN, JAKIM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan JAS. Manakala di peringkat antarabangsa seperti *World Customs Organization* (WCO), *US Customs*, *Australia Border Force* (ABF) dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Selain daripada itu, Unit Latihan juga bertanggungjawab mengurus dan menyelaras bagi tugas-tugas seperti berikut:

PERKARA PELAKSANAAN	PERANCANGAN PROGRAM LATIHAN/ BENGKEL/ KURSUS TAHUN 2021	PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN/ BENGKEL/ KURSUS TAHUN 2021	PENCAPAIAN
	Bil. Program	88	
Kos (RM)	7,039,535.99	799,173.00	-

Jadual 8: Program Latihan / Bengkel / Kursus Tahun 2021

Objektif Kualiti Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (Unit Latihan) MS ISO 9001:2015

Bagi Tahun 2021, seramai 1,045 (49.76%) warga JKDM telah menghadiri kursus melebihi 7 hari (**data sehingga suku ke-3 tahun 2021**) selaras dengan objektif kualiti Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (Prosedur Pengurusan Latihan) MS ISO 9001:2015 bagi memastikan sekurang-kurangnya 75% pegawai JKDM menghadiri kursus tujuh (7) hari dalam tempoh satu (1) tahun.

Cuti Belajar

Bagi Cuti Belajar yang meliputi Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (HLP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) melibatkan seramai 47 orang pegawai, di mana 40 orang pegawai bagi HLP dan tujuh (7) orang pegawai bagi CBBPTB.

PERKARA	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA (HLP)	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA
	Kumpulan Pengurusan dan Professional	7
Kumpulan Sokongan	0	0
JUMLAH	40	7

Pencapaian | Cawangan Pengurusan Kewangan

Peruntukan Tahun 2021



Pada tahun 2021, peruntukan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) yang dipinda di bawah **Bekalan 10 (B10)** yang diterima oleh JKDM adalah berjumlah **RM1,198,423,572.00** yang merangkumi Dasar Sedia Ada (DSA) sebanyak RM1,184,324,500.00 dan Dasar Program Khusus (DPK) sebanyak RM13,979,072.00. Peruntukan dipinda yang diterima di bawah **Bekalan 11 (B11)** Perkhidmatan Am adalah sebanyak **RM120,000.00**.



Terdapat pengurangan peruntukan yang diterima pada tahun 2021 sebanyak RM29,859,582.45 berbanding dengan peruntukan yang diterima pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM1,228,283,154.45.



Waran peruntukan telah diterima daripada Kementerian Kewangan pada 4 Januari 2021 dan pengagihan waran kecil kepada semua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) telah dibuat selaras dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan (PP) yang mana pengagihan waran harus dilaksanakan sebelum 31 Januari setiap tahun.

Prestasi Perbelanjaan

Pada tahun 2021, JKDM telah membelanjakan sebanyak **95.77%** daripada keseluruhan peruntukan mengurus yang diterima iaitu sebanyak **RM1,147,690,039.15** daripada **RM1,198,423,572.00** merangkumi keseluruhan peruntukan iaitu Dasar Sedia Ada, Dasar Program Khusus dan Perkhidmatan Am seperti jadual berikut:-

PROGRAM	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN + TANGGUNGAN (RM)	% BELANJA
Dasar Sedia Ada	1,184,324,500.00	1,133,911,292.93	95.74
Dasar Program Khusus	13,979,072.00	13,724,746.22	98.18
Perkhidmatan Am	120,000.00	54,000.00	45.00
JUMLAH	1,198,423,572.00	1,147,690,039.15	95.77

JKDM sentiasa memastikan peruntukan ABM dibelanja berdasarkan unjuran dengan sasaran 95% Pusat Tanggung Jawab (PTJ) mencapai prestasi perbelanjaan sekurang-kurangnya 25% untuk suku tahun pertama, 50% untuk suku tahun kedua, 75% untuk suku tahun ketiga dan 95% untuk suku tahun keempat. Prestasi perbelanjaan tahun 2021 sebanyak 95.77% telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2022

CPK telah selesai menyediakan Anggaran Belanja Mengurus tahun 2022 Jabatan, di bawah Bajet Berasaskan Keberhasilan (OBB) pada 3 Mei 2021.

Unjuran keperluan aliran tunai dan laporan perbelanjaan

Pada tahun 2021, CPK telah menyediakan empat (4) unjuran keperluan aliran tunai perbelanjaan mengikut suku tahunan dan 12 laporan perbelanjaan secara bulanan yang telah dikemukakan ke Kementerian Kewangan seperti yang dikehendaki.

Kedudukan Bil Lewat Bayar

Bagi tahun 2021, terdapat 35 bil lewat bayar melebihi 14 hari dengan nilai **RM184,032.48** bersamaan 0.04% daripada keseluruhan bil melibatkan 8 PTJ.

Pembayaran di bawah AP58(a)

Bayaran di bawah AP58(a) adalah pembayaran bil tahun sebelumnya (tahun 2020) yang tidak dapat dijelaskan dalam tahun yang sama dan dibayar pada tahun berikutnya (tahun 2021) dengan menggunakan peruntukan tahun semasa iaitu peruntukan tahun 2021. Salah satu matlamat Pengurusan Kewangan Jabatan dan Kerajaan secara amnya adalah untuk memastikan bahawa pembayaran di bawah AP58(a) berada di tahap paling minimum.

Bagi tahun 2021 sebanyak 964 bil di bawah AP58(a) berjumlah **RM19,019,753.31** telah selesai dibuat pembayaran.

Memproses perubahan gaji (SG20)

Pada tahun 2021 CPK telah memproses sebanyak **1,235** perubahan gaji (SG20) bagi pegawai di PTJ Ibu Pejabat.

Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)

Pada tahun 2021, CPK telah memproses sebanyak 309 permohonan waran perjalanan udara untuk penerbangan dalam dan luar negeri.

ABT Emolumen

Pada tahun 2021 terdapat **RM735,348.57** Emolumen Terlebih Bayar (ETB) masih belum dikutip yang melibatkan **18 PTJ** di mana CPK telah memproses **60** permohonan pendahuluan diri bagi bayaran balik ABT ETB dan telah mendapat kelulusan bagi potongan gaji yang melibatkan nilai keseluruhan sebanyak **RM265,583.83**.

Status Penggunaan Sistem eP

CPK sentiasa memantau perbelanjaan menggunakan sistem ePerolehan (eP) bagi OS21000 – OS42000 sekurang-kurangnya pada tahap 80% berbanding dengan peruntukan tahunan belanja mengurus dan pembangunan yang dianggarkan boleh menggunakan sistem eP.

Pada tahun 2021, jumlah Anggaran Peruntukan Yang Menggunakan Sistem eP tahun 2021 (Pindaan September 2021) adalah RM289,672,000.00 dengan nilai transaksi penggunaan eP adalah RM261,993,845.87 iaitu **90.45%**.

Penganjuran mesyuarat dan latihan secara pakej

CPK telah memproses **191 permohonan** bagi penganjuran mesyuarat dan latihan secara pakej di hotel / pusat latihan dan di pejabat JKDM untuk kelulusan Perbendaharaan, KPK dan Jawatankuasa Sebutharga Jabatan. Kelulusan pakej adalah seperti berikut:

- i. 29 kelulusan Jawatankuasa Sebutharga
- ii. 105 kelulusan KPK/TKPK/ Pengarah KPSM
- iii. 57 kelulusan yuran/ makan/ minum



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMC)

Pada tahun 2021, CPK telah mengadakan empat (4) kali mesyuarat JPKA selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan pada tarikh seperti berikut:

Bagi Mesyuarat APMC juga telah diadakan sebanyak empat (4) kali seperti berikut:

Bil	Mesyuarat JPKA	Tarikh Mesyuarat
1.	Bil.1 Tahun 2021	19 Januari 2021
2.	Bil.2 Tahun 2021	26 April 2021
3.	Bil.3 Tahun 2021	26 Julai 2021
4.	Bil.4 Tahun 2021	2 November 2021

Bil	Mesyuarat APMC	Tarikh Mesyuarat
1.	Bil.1 Tahun 2021	21 Januari 2021
2.	Bil.2 Tahun 2021	26 April 2021
3.	Bil.3 Tahun 2021	27 Julai 2021
4.	Bil.4 Tahun 2021	2 November 2021

Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Tahun 2021

Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan (AKPK) Tahun 2021 merupakan satu pengiktirafan tertinggi oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada Pusat Tanggung Jawab (PTJ) yang telah berjaya menonjolkan kecemerlangan menyeluruh dalam pengurusan kewangan.

Pemenang AKPK tahun 2021 bagi tempat pertama adalah PTJ KLIA, tempat kedua adalah PTJ Kluang, Johor dan tempat ketiga adalah PTJ Batu Pahat, Johor.



Pencapaian | Cawangan Pengurusan Perolehan

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan JKDM

Di bawah *Rolling Plan 1* (tahun 2021), Rancangan Malaysia Ke-12, JKDM telah diperuntukkan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) sebanyak RM 75,085,676.34 bagi membiayai sepuluh (10) projek yang terdiri daripada enam (6) projek pembangunan fizikal dan empat (4) projek pembangunan bukan fizikal seperti berikut:

Projek pembangunan fizikal

Bil.	Nama Projek	Status
1.	Pembinaan Blok Tambahan Pejabat Kastam Alor Setar, Kedah.	Siap sepenuhnya
2.	Pembinaan Pejabat Kastam Ipoh, Perak.	Dalam pembinaan
3.	Pembinaan Pejabat Kastam Pulau Pinang	Penilaian Tender
4.	Pembinaan Stor Rampasan Pejabat Penguatkuasaan Kuching, Sarawak.	Penilaian Tender
5.	Pembinaan Blok Tambahan Pejabat Kastam Kangar, Perlis.	Penilaian Tender
6.	Pembinaan Stor Rampasan Pejabat Penguatkuasaan Seremban, Negeri Sembilan.	Siap sepenuhnya

Projek pembangunan bukan fizikal

Bil.	Nama Projek	Status
1.	<i>Ubiquitous Customs</i> (U-Customs)	Projek tamat tempoh kontrak
2.	Perolehan Bot Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Siap sepenuhnya
3.	Menambah baik Sistem Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan (Mysst) Fasa 2	Projek dibatalkan
4.	Sewa Beli Mesin Pengimbas	Dalam proses pemasangan

Sebanyak RM 6,832,500.56 telah diperuntukkan di bawah Projek Pembangunan Fizikal, manakala sebanyak RM 68,253,175.78 diperuntukkan di bawah Projek Pembangunan Bukan Fizikal. JKDM mencatatkan prestasi perbelanjaan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) sepenuhnya iaitu 99.99% bagi tempoh berakhir 31 Disember 2021.

Prestasi pencapaian perbelanjaan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) berbanding peruntukan tahunan yang diluluskan adalah seperti berikut:

TAHUN	2021
Peruntukan Belanjawan Pembangunan	RM75,085,676.34
Perbelanjaan Belanjawan Pembangunan	RM75,080,575.74
% Perbelanjaan Belanjawan Pembangunan	99.99%

Prestasi Perbelanjaan Harta Modal JKDM

JKDM telah menerima peruntukan sebanyak RM5,250,000.00 di bawah OS35000 untuk pembelian harta modal. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 34 Pusat Tanggungjawab (PTJ) JKDM.

JKDM telah membelanjakan sebanyak RM4,612,191.09 iaitu 87.85% daripada jumlah yang diperuntukkan. Sebanyak 30 PTJ telah membelanjakan peruntukan melebihi 90%, manakala 4 PTJ membelanjakan peruntukan kurang daripada 90%.



Perancangan Perolehan Tahunan JKDM

Pada tahun 2021, JKDM mempunyai sebanyak 535 perolehan yang telah direkodkan dalam Perancangan Perolehan Tahunan.

Sehingga 31 Disember 2021, JKDM telah melaksanakan sebanyak 535 perolehan iaitu 48.03% yang bernilai RM 211,559,247.86. Sebanyak 268 perolehan telah dibatalkan dan 10 perolehan masih lagi dalam proses perolehan iaitu di peringkat pengiklanan, Jawatankuasa Penilaian dan Pihak Berkuasa Melulus. Pecahan perolehan adalah seperti berikut:

Bil	Kaedah Perolehan	Jumlah Perancangan	Batal / Ubah Skop	Belum Selesai	Selesai	Nilai Kontrak(RM)
1	TENDER	58	31	5	22	77,142,958.66
2	SEBUT HARGA A	397	216	3	178	51,549,448.26
3	SEBUT HARGA B	46	21	1	24	1,018,193.50
4	RUNDINGAN TERUS	34	0	1	33	81,848,647.44
JUMLAH KESELURUHAN		535	268	10	257	211,559,247.86

Kursus Pengurusan Perolehan

Kursus Pengurusan Perolehan telah diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2021 secara dalam talian yang melibatkan seramai 136 orang pegawai. Kumpulan sasaran yang terlibat adalah pegawai-pegawai perolehan negeri dari Gred N19/WK19 hingga Gred WK52 di Semenanjung Malaysia yang mewakili daripada 37 Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Cawangan Pengurusan Perolehan telah menjemput penceramah daripada Unit Audit Dalam, Kementerian Kewangan untuk berkongsi penemuan-penemuan audit di Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Tujuannya untuk memberi pendedahan kepada semua Pusat Tanggungjawab supaya dapat membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan perolehan dan meningkatkan kepatuhan kepada tatacara perolehan.

Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk:

- i. Membimbing pegawai-pegawai perolehan setiap PTJ tentang pematuhan terhadap tatacara perolehan dan kewangan yang berkuatkuasa.
- ii. Mendedahkan pegawai-pegawai perolehan terhadap peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling kerajaan berkaitan perolehan.
- iii. Mengelakkan ketirisan akibat kesilapan dalam melaksanakan tatacara perolehan.
- iv. Membimbing dan mendedahkan kepada pegawai-pegawai dengan sistem ePerolehan.

Pencapaian | Cawangan Logistik

Laporan Kedudukan Aset Alih Jabatan Kastam Diraja Malaysia di dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) sehingga 31 Disember 2021


Bagi tahun 2021, sebanyak 201,160 unit aset alihaman telah direkodkan dengan jumlah keseluruhan nilai perolehan asal sebanyak RM 1,019,962,248.44

Jenis Aset	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
Harta Modal	44,984	951,114,932.14
Aset Alih Bernilai Rendah	156,176	68,847,316.30

Laporan Kedudukan Aset Hidup Haiwan sehingga 31 Disember 2021

Berikut adalah Laporan Kedudukan Semasa Aset Hidup Haiwan Jabatan yang telah direkodkan sepanjang tahun 2021:

Jenis Aset	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
Aset Hidup Haiwan (Anjing)	33	2,589,200.00



Laporan Kedudukan Stok bagi Stor Pusat dan Stor Utama JKDM sehingga 31 Disember 2021

Jabatan Kastam Diraja Malaysia mempunyai satu (1) Stor Pusat yang bertanggungjawab untuk membuat pembekalan stok kepada 38 Stor Utama Negeri/Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Secara keseluruhan, prestasi stor berada pada tahap cemerlang kerana berjaya mencapai kadar pusingan stok tahunan yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa iaitu sekurang-kurangnya empat (4) kadar pusingan.

Kategori Stor	Kadar Pusingan Stok (KPS)	Nilai Keseluruhan Stok Simpanan (RM)
1 Stor Pusat	2.031	2,277,443.921
38 Stor Utama	4.112	3,939,639.376

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Peringkat Jabatan


Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Peringkat Jabatan telah diadakan setiap suku tahun selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa. Tarikh-tarikh pelaksanaan mesyuarat adalah seperti berikut:

Bil.	Mesyuarat JKPAK	Tarikh Mesyuarat
1.	Suku Pertama Tahun 2021	22 April 2021
2.	Suku Kedua Tahun 2021	28 Julai 2021
3.	Suku Ketiga Tahun 2021	12 November 2021
4.	Suku Keempat Tahun 2021	27 Januari 2022

Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Aset Alih dan Stor Utama (AKPAS) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Tahun 2021

Sebanyak 34 PTJ telah menyertai Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Aset Alih dan Stor Utama (AKPAS) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Tahun 2021 dan enam (6) PTJ telah disenarai pendek untuk dilawati. Tiga (3) pemenang telah dipilih berdasarkan markah tertinggi hasil dari lawatan yang telah diadakan.

Kesemua pemenang diumumkan semasa Majlis Malam Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang telah diadakan pada 26 November 2021 di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh. Markah pemenang adalah seperti berikut:



Pencapaian | Cawangan Akaun

Pencapaian Cawangan Akaun Tahun 2021

Naziran dan Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT)

Penyemakan **DAT**

Semakan DAT terhadap 127 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pemungut JKDM di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan dalam tempoh 21 hari pada setiap bulan selepas DAT diterima bagi memastikan tatacara terimaan hasil dan lain-lain terimaan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa selain mengelakkan berlakunya kehilangan wang awam akibat daripada penipuan atau kecuaian. (Arahan Perbendaharaan 138)

Laporan Prestasi Penyemakan DAT Mengikut Suku Tahun :

PERKARA	SUKU 1 (31 MAC)	SUKU 2 (30 JUN)	SUKU 3 (30 SEPT)	SUKU 4 (31 DIS)
Jumlah DAT sepatutnya diterima	381	254	508	381
Jumlah DAT Sebenar Diterima	381	254	508	381
Jumlah DAT Disemak	381	254	508	381
Jumlah DAT Belum Diterima	-	-	-	-
Peratus Disemak Dalam Tempoh 21 Hari	100%	100%	100%	100%

Naziran Akaun Terimaan di PTJ Pemungut JKDM Berasaskan Pengurusan Kawalan Risiko

Menjalankan lawatan naziran ke atas PTJ Pemungut JKDM di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan bagi mengkaji, memeriksa dan menilai tahap kawalan dalaman sistem pengurusan terimaan yang dilaksanakan di PTJ Pemungut adalah mencukupi dan mematuhi polisi, prosedur, dasar dan peraturan yang telah ditetapkan.

Bilangan PTJ Pemungut Dilawati Mengikut Negeri :

Bil	Negeri	Bilangan PTJ Pemungut Diaudit	
		Tahun 2021	Tahun 2020
1.	W.P Kuala Lumpur	-	-
2.	W.P Putrajaya	-	-
3.	Selangor	3	-
4.	Kedah	-	2
5.	Terengganu	-	1
6.	Perlis	-	1
7.	Johor	-	1
8.	Pulau Pinang	-	1
9.	Perak	-	1
10.	Pahang	-	-
11.	Kelantan	-	-
12.	Melaka	-	-
13.	W.P Labuan	-	-
14.	Sabah	-	-
JUMLAH		3	7

Bilangan PTJ Pemungut Dilawati Mengikut Negeri :


Menjalankan lawatan naziran ke atas PTJ Pembayar JKDM di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan W.P Labuan bagi memastikan proses pembayaran dibuat mematuhi tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

Bilangan PTJ Bayaran Dilawati Mengikut Negeri :

Bil	Negeri	Bilangan PTJ Bayaran Diaudit	
		Tahun 2021	Tahun 2020
1.	W.P Putrajaya	2	-
2.	Selangor	1	-
3.	W.P Kuala Lumpur	-	-
4.	Perak	-	1
5.	Johor	-	1
6.	Melaka	-	1
7.	Negeri Sembilan	-	1
8.	Kedah	-	2
9.	Pulau Pinang	-	1
10.	Terengganu	-	1
11.	Kelantan	-	-
12.	Perlis	-	-
JUMLAH		3	8

Pengurusan Perakaunan Terimaan Hasil Utama JKDM

Komponen Hasil Cukai yang menjadi penyumbang utama bagi kutipan hasil Jabatan adalah Cukai Jualan, Cukai Perkhidmatan, Duti Eksais, Duti Kastam, Cukai Barang dan Perkhidmatan, Cukai Pelancongan dan Levi. Pecahan mengikut amaun kutipan bagi tahun 2021 adalah seperti di **Carta 1**.



Pecahan Bagi Duti Kastam (RM)

Duti Eksport	2,057,063,357.14
Duti Penumpang	3,534,150.92
Lain-lain Duti Import	2,641,225,393.20
Jumlah Duti Kastam	4,701,822,901.26

Pecahan Bagi Levi (RM)

Levi Pelepasan (Asean)	2,086,734.00
Levi Pelepasan (Non Asean)	12,141,110.00
Lain-lain Levi	2,042,631,306.24
Jumlah	2,056,859,150.24

Pecahan Bagi Duti Eksais (RM)

Duti Eksais Barang Import	5,686,734,120.20
Duti Eksais Tempatan (Barangan Bergula)	40,318,407.72
Lain-Lain Duti Eksais	4,513,513,901.94
Jumlah Duti Eksais	10,240,566,429.86

Selain terimaan hasil, selaras dengan Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST Bil. 6 Tahun 2019 yang diadakan pada 17 September 2019 telah memutuskan agar terimaan hasil GST Tempatan dan Import diperakaunkan terus kepada Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST (KPWB GST). Baki Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM27,966,820.98.

Pengurusan Perakaunan Terimaan Hasil Utama JKDM

Pencapaian arahan pembayaran melalui sistem iGFMAS bagi tahun 2021

Bil	Bulan	Bilangan	Amaun (RM)
1	Januari - Mac	1,672	117,678,703.22
2	April - Jun	1611	101,075,631.59
3	Julai - September	1,646	106,391,687.27
4	Oktober - Disember	1,582	90,912,146.90
JUMLAH		6,511	416,058,168.98

Secara keseluruhannya, pencapaian Arahan Pembayaran iGFMAS bagi tahun 2021 secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) telah mencapai 100% pelaksanaan EFT.

Cawangan Akaun memproses bayaran melalui sistem MyGST bagi tahun 2021 seperti berikut:





JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

2021

BAB 2

BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Bahagian Perancangan Korporat
Seksyen Penyelidikan Sistem Dan Prosedur (SPSP)

Pendahuluan

Secara umumnya, SPSP bertanggungjawab untuk menjalankan kajian-kajian bagi tujuan penambahbaikan kepada sistem penyampaian perkhidmatan melalui pemerkasaan sistem dan prosedur kerja.

SPSP diketuai oleh PKPK I WK52 dan dibantu oleh 10 orang pegawai.

Fungsi dan Tanggungjawab

Fungsi dan tanggungjawab SPSP adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan kajian ke atas Sistem dan Prosedur yang ditadbir oleh Jabatan.
2. Melaksanakan kajian ke atas Kepuasan Warga Dalaman , Kepuasan Pelanggan dan Persepsi Masyarakat.
3. Komitmen di peringkat antarabangsa dalam menjalankan kajian seperti yang diarahkan oleh pihak pengurusan.
4. Bekerjasama dalam menjalankan kajian dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti yang diarahkan oleh pihak pengurusan.

Kajian SPSP Bagi Tahun 2021

1. Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian ini telah dilaksanakan untuk mengukur sejauh mana kepuasan pelanggan dengan kualiti perkhidmatan yang telah disediakan oleh JKDM dalam aspek prasarana, kecekapan pegawai dan kemudahan komunikasi. Hasil kajian mendapat purata peratusan adalah 80.31% yang menunjukkan prestasi yang positif terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh JKDM.

Dimensi Kualiti Perkhidmatan bagi tahun 2021




Carta di atas menunjukkan dimensi kualiti perkhidmatan yang diukur untuk kepuasan pelanggan bagi tahun 2021.

2. Kajian Kepuasan Warga Dalaman

Kajian ini telah dilaksanakan untuk mengukur sejauh mana kepuasan warga dengan kualiti perkhidmatan yang telah disediakan oleh JKDM. Dimensi-dimensi yang terlibat merangkumi kualiti tugas, kemudahan, persekitaran dan tahap motivasi di JKDM. Hasil kajian mendapat purata peratusan adalah 85.5% menunjukkan prestasi yang positif terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh JKDM.

Dimensi Kajian Kepuasan Warga 2021



Carta di atas menunjukkan peratusan dimensi-dimensi yang diukur untuk kajian kepuasan warga bagi tahun 2021

3. Kajian Persepsi Masyarakat


Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan JKDM dan mengenal pasti ruang penambahbaikan perkhidmatan bagi memperkasakan sistem pencapaian Jabatan pada masa hadapan.

Ia diukur dengan tiga (3) dimensi iaitu peranan JKDM, kesedaran terhadap kewujudan JKDM dan pengetahuan am tentang JKDM.

Responden adalah seramai 1381 yang dijalankan secara atas talian (*online*). Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi masyarakat terhadap peranan JKDM adalah di tahap baik.

Nilai min keseluruhan bagi persepsi masyarakat ialah 2.83 (94%) yang menunjukkan masyarakat sedia maklum peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh JKDM masyarakat mengetahui. Tahap kesedaran masyarakat terhadap kewujudan JKDM di tahap sederhana kerana nilai min secara keseluruhannya adalah 2.31(77%). Tahap pengetahuan masyarakat terhadap JKDM adalah di tahap yang memuaskan. Nilai min keseluruhan bagi tahap pengetahuan masyarakat ialah 2.69 (89%). Hasil kajian juga menunjukkan kebanyakan masyarakat tidak mengetahui tentang kewujudan Pusat Panggilan Kastam (CCC).

Analisa Min




Graf menunjukkan nilai min keseluruhan bagi setiap dimensi untuk Kajian Persepsi Masyarakat tahun 2021.

4. Time Release Study (TRS) ASEAN

Kajian (TRS) ini adalah susulan daripada kajian TRS 2018 yang mana ia dijalankan atas keperluan daripada *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) untuk *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia* (ERIA) bagi menjalankan kajian terhadap *trade transaction cost*.

Graf yang ditunjukkan dapat disimpulkan bahawa purata pelepasan kargo semakin baik dari tahun ke tahun.



5. Time Release Study (TRS) Authorized Economic Operator bagi Syarikat IKEA

Kajian TRS AEO-IKEA 2021 dijalankan hasil cadangan kerajaan ketika Belanjawan 2021. Kerajaan telah mencadangkan pelaksanaan Program AEO Nasional oleh JKDM dengan pembabitan Jabatan, agensi pengawal atur dan penguatkuasaan bagi memberi kemudahan pelepasan kargo berisiko rendah. Dalam masa yang sama semua agensi berkenaan dapat meningkatkan keberkesanan kerja dengan memberi penumpuan pemeriksaan terhadap kargo yang berisiko tinggi.

Kajian TRS dijalankan untuk mengetahui tempoh masa pelepasan kastam. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengukur purata masa pelepasan kastam, OGA/PIA dan permit OGA/PIA seterusnya mengenal pasti kekangan di dalam keseluruhan pelepasan. Data kajian diambil bermula 1 Januari 2021 – 30 Jun 2021 dengan bantuan daripada Bahagian Perkastaman dan Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat.

STATS	K1 Reg to OGA Reg	OGA Reg to OGA Approval	OGA Approval to Customs Approval	Customs Approval to Payment	Payment to Release	K1 Reg to Release
Average	00 00:00	01 01:07	00 06:11	01 04:30	00 00:00	02 11:50
Median	00 00:00	00 21:06	00 01:23	01 00:50	00 00:00	02 04:53
Min	00 00:00	00 00:22	00 00:06	00 00:02	00 00:00	00 06:35
Max	00 00:00	04 06:20	04 00:21	05 01:25	00 00:01	05 23:03

Jadual di atas menunjukkan pecahan proses kerja bagi prosedur pelepasan kastam

6. Time Release Study (TRS) Authorized Economic Operator bagi Syarikat Nestle

Kajian TRS AEO-NESTLE 2021 dijalankan hasil cadangan kerajaan ketika Belanjawan 2021. Kerajaan telah mencadangkan pelaksanaan Program AEO Nasional oleh JKDM dengan pembabitan Jabatan, agensi pengawal atur dan penguatkuasaan bagi memberi kemudahan pelepasan kargo berisiko rendah. Dalam masa yang sama semua agensi berkenaan dapat meningkatkan keberkesanan kerja dengan memberi penumpuan pemeriksaan terhadap kargo yang berisiko tinggi.

Kajian TRS dijalankan untuk mengetahui tempoh masa pelepasan kastam. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengukur purata masa pelepasan kastam, OGA/PIA dan permit OGA/PIA seterusnya mengenal pastikekangan di dalam keseluruhan pelepasan. Data kajian diambil bermula 1 Januari 2021 – 30 Jun 2021 dengan bantuan daripada Bahagian Perkastaman dan Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat.

STATS	K1 Reg to OGA Reg	OGA Reg to OGA Approval	OGA Approval to Customs Approval	Customs Approval to Payment	Payment to Release	K1 Reg to Release
Average	00 00:05	00 10:40	00 12:52	00 02:58	00 00:00	01 02:37
Median	00 00:00	00 04:25	00 02:36	00 00:04	00 00:00	00 13:44
Min	00 00:00	00 00:02	00 00:00	00 00:00	00 00:00	00 01:06
Max	01 04:49	05 05:11	05 00:21	03 03:18	00 00:16	05 18:41

Jadual di atas menunjukkan pecahan proses kerja bagi prosedur pelepasan kastam

7. Time Release Study (TRS) Authorized Economic Operator bagi Syarikat di bawah Internal Compliance Programme (ICP)

Kajian TRS AEO-ICP 2021 dijalankan hasil cadangan kerajaan ketika Belanjawan 2021. Kerajaan telah mencadangkan pelaksanaan Program AEO Nasional oleh JKDM dengan pembabitan Jabatan, agensi pengawal atur dan penguatkuasaan bagi memberi kemudahan pelepasan kargo berisiko rendah. Dalam masa yang sama semua agensi berkenaan dapat meningkatkan keberkesanan kerja dengan memberi penumpuan pemeriksaan terhadap kargo yang berisiko tinggi.

Kajian TRS dijalankan untuk mengetahui tempoh masa pelepasan kastam. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengukur purata masa pelepasan kastam, OGA/PIA dan permit OGA/PIA seterusnya mengenal pastikekangan di dalam keseluruhan pelepasan. Data kajian diambil bermula 1 Januari 2021 – 30 Jun 2021 dengan bantuan daripada Bahagian Perkastaman dan Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat.

STATS	K1 Reg to OGA Reg	OGA Reg to OGA Approval	OGA Approval to Customs Approval	Customs Approval to Payment	Payment to Release	K1 Reg to Release
Average	00 00:00	00 09:46	00 01:34	00 00:37	00 00:01	00 12:01
Median	00 00:00	00 06:24	00 00:28	00 00:13	00 00:01	00 06:52
Min	00 00:00	00 00:52	00 00:01	00 00:00	00 00:00	00 01:24
Max	00 00:00	02 02:01	00 16:06	00 03:07	00 00:07	02 06:34

Jadual di atas menunjukkan pecahan proses kerja bagi prosedur pelepasan kastam

8. Time Release Study Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (TRS IMT-GT), Bukit Kayu Hitam, Kedah

Kajian TRS AE0-IKEA 2021 dijalankan hasil cadangan kerajaan ketika Belanjawan 2021. Kerajaan telah mencadangkan pelaksanaan Program AEO Nasional oleh JKDM dengan pembabitan Jabatan, agensi pengawal atur dan penguatkuasaan bagi memberi kemudahan pelepasan kargo berisiko rendah. Dalam masa yang sama semua agensi berkenaan dapat meningkatkan keberkesanan kerja dengan memberi penumpuan pemeriksaan terhadap kargo yang berisiko tinggi

Kajian TRS dijalankan untuk mengetahui tempoh masa pelepasan kastam. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengukur purata masa pelepasan kastam, OGA/PIA dan permit OGA/PIA seterusnya mengenal pasti kekangan di dalam keseluruhan pelepasan. Data kajian diambil bermula 1 Januari 2021 – 30 Jun 2021 dengan bantuan daripada Bahagian Perkastaman dan Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat.

TOTAL SAMPLE 542	Pre-Arrival	Cargo Clearance				Total Time Taken
		<i>Pre-Customs Clearance</i>	<i>Customs Clearance</i>	<i>Post-Customs Clearance</i>		
	<i>K1 register to arrival of goods</i>	<i>Arrival of goods to submission of docs</i>	<i>Submission of docs to approval</i>	<i>Approval to customs release</i>	<i>Customs release to exit</i>	
(DD HH:MM)						
MIN	00 00:05	00 00:02	00 00:00	00 00:00	00 00:01	00 00:07
MAX	04 19:27	00 02:05	00 02:009	00 00:39	00 01:06	00 02:35
MEDIAN	00 04:34	00 00:19	00 00:02	00 00:00	00 00:08	00 00:38
AVERAGE	00 10:26	00 00:26	00 00:06	00 00:01	00 00:10	00 00:45

Graf menunjukkan tempoh masa yang diambil bagi pelepasan kargo bagi proses pemimportan pada tahun 2021 di Stesen Bukit Kayu Hitam, Kedah

9. Kajian Kebolehgunaan Dron

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada dron sesuai digunakan oleh bahagian-bahagian seperti Bahagian Perkastaman, Bahagian Cukai Dalam Negeri dan Bahagian Pengurusan Pematuhan serta mengkaji sejenis peranti dron yang sesuai digunakan oleh bahagian tersebut.

Kaedah kajian yang digunakan dalam menentukan kebolehgunaan dron kepada bahagian-bahagian terlibat adalah berdasarkan aplikasi dan simulasi penerbangan dron, penggambaran imej serta video dan penandaan plot kawasan penerbangan berdasarkan tugas serta peranan bahagian ke atas kawasan yang terlibat seperti pintu masuk sempadan, pelabuhan, jeti, gudang berlesen, kawasan industri, kawasan di bawah kawalan kastam, premis-premis dan kawasan pendaratan tidak sah.

Return of investment (ROI) penggunaan dron kepada Bahagian Perkastaman, Bahagian Cukai Dalam Negeri dan Bahagian Pengurusan Pematuhan adalah seperti berikut:

- i. Kaedah Pemantauan lokasi secara rakaman imej ke arah peningkatan hasil dengan lebih efisien (pelabuhan/perkhidmatan/premis)
- ii. Penjimatan sumber tenaga (petrol/manusia)
- iii. Penjimatan sumber manusia (penjawatan/tugas)
- iv. Menjimatkan masa pemantauan dan pengesanan
- v. Keselamatan pengawai/anggota terjamin
- vi. Pembuktian melalui video dan imej yang jelas
- vii. Boleh diaturgerak pada bila-bila masa dengan mudah di mana-mana lokasi kawasan

Bahagian Perancangan Korporat

Cawangan Perancangan Strategik Tahun 2021

Penyeragaman pensijilan MS ISO 9001:2015 untuk Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah diteruskan pada tahun 2021 dengan sasaran untuk memperolehi pensijilan semula dari pihak SIRIM setelah pensijilan ini bermula pada tahun 2018. Pensijilan ini juga telah melibatkan lima (5) lokasi baharu iaitu JKDM Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, KLIA, Wilayah Persekutuan Labuan dan PCKP Singapura menjadikan jumlah keseluruhan lokasi pensijilan di JKDM sebanyak 18 lokasi.

Skop pensijilan yang terlibat bagi MS ISO 9001:2015 pada masa ini adalah seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN	SKOP
1	Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (KPSM)	1. Latihan 2. Perolehan (Pembelian Terus)
2	Perkhidmatan Teknik (PERTEK)	1. Ketetapan Kastam 2. Nasihat Klasifikasi Barang (NKB)

Menentukan klasifikasi barang selaras dengan Sistem Berharmonis di bawah Perintah Duti Kastam (PDK) 2017, Perintah Duti Eksais 2017, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Menguruskan permohonan Ketetapan Kastam selaras dengan Seksyen 10B Akta Kastam 1967, Seksyen 4(1) & 5B Akta Eksais 1976 seperti berikut:

- i. Klasifikasi Barang;
- ii. Penilaian Harga Barang;
- iii. Ketetapan Orang Kena Cukai / Pengilang Barang Bercukai; dan
- iv. Ketetapan Perkhidmatan Bercukai.

Menguruskan permohonan klasifikasi barang di bawah peruntukan Seksyen 13B dan Seksyen 22 Akta Kastam 1967.

Mengeluarkan perintah, pekeliling dan garis panduan sebagai sumber rujukan kepada warga JKDM di peringkat Ibu Pejabat, Zon dan Negeri dalam membuat keputusan klasifikasi barang dan memastikan keseragaman keputusan klasifikasi barang.

Memberi khidmat nasihat kepada Zon, Negeri dan para pelanggan Jabatan berkaitan klasifikasi barang.

Membuat perancangan dan tindakan dalam melaksanakan komitmen dan obligasi terhadap keperluan dan standard yang ditetapkan dalam *World Customs Organisation (WCO)*.

Menggubal peruntukan perundangan baru dan pindaan kepada perundangan yang ditadbir oleh JKDM.

Mengadakan perbincangan dan mesyuarat melibatkan Kementerian Kewangan, agensi-agensi kerajaan bersama Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam aspek penggubalan perundangan baru atau pindaan-pindaan yang berkaitan.

Mengambil bahagian dalam forum, bengkel dan mesyuarat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan isu-isu berkaitan Sistem Berharmonis dan Klasifikasi Barang.

Prestasi Permohonan Ketetapan Kastam

Cawangan ini terlibat dalam menguruskan permohonan ketetapan kastam di bawah peruntukan 10B Akta Kastam 1967, Seksyen 4(1) & 5B Akta Eksais 1976 selaras dengan Sistem Berharmonis di bawah Perintah Duti Kastam (PDK) yang berkuatkuasa.

Fi Ketetapan Kastam

Permohonan Ketetapan Kastam telah dikenakan fi pemprosesan sebanyak RM200.00 bagi setiap permohonan. Fi yang dipungut bagi tahun 2021 adalah didapati meningkat sebanyak 21.89% berbanding tahun 2020. Perbandingan fi yang diterima mengikut tahun adalah seperti berikut:

KUTIPAN FI	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Ibu Pejabat	158,900.00	150,200.00	174,600.00
Negeri	65,300.00	15,200	27,000.00
JUMLAH	224,200.00	165,400.00	201,600.00

Jadual 1: Kutipan Fi Ketetapan Kastam Tahun 2019 ~ 2021

Bilangan Penerimaan Permohonan Ketetapan Kastam

Bilangan penerimaan permohonan Ketetapan Kastam pada tahun 2021 telah mengalami peningkatan sebanyak 14.84% berbanding tahun 2020. Perincian data mengikut kategori adalah seperti di Jadual 2 berikut:

JENIS KATEGORI	BILANGAN PENERIMAAN PERMOHONAN KEPUTUSAN KLASIFIKASI BARANGAN MENGIKUT TAHUN		
	<2019	2020	2021
Klasifikasi Barang	7,312	827	968
Penilaian Harga Barang	139	28	11
Orang Kena Cukai / Orang Berdaftar / Barang Kena Cukai di bawah Akta Cukai Jualan 2018	44	-	-
Perkhidmatan Bercukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018	85	21	27
JUMLAH	7,580	876	1,006

Jadual 2: Bilangan Penerimaan Permohonan Ketetapan Kastam



Bilangan Permohonan Ketetapan Kastam Yang Diproses

Bilangan permohonan Ketetapan Kastam yang diproses bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak 1,703 permohonan di mana 1,117 keputusan telah berjaya dikeluarkan dan 96 permohonan telah dibatalkan. Pecahan adalah di Jadual 3 seperti berikut:

JENIS KATEGORI	BILANGAN PERMOHONAN KETETAPAN KASTAM BARANGAN YANG DIPROSES PADA TAHUN 2021		
	DIBATALKAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN
Klasifikasi Barang	92	1,066	488
Penilaian Harga Barang	4	21	2
Orang Kena Cukai / Orang Berdaftar / Barang Kena Cukai di bawah Akta Cukai Jualan 2018	-	-	-
Perkhidmatan Bercukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018	-	30	-
JUMLAH	96	1,117	490

* Jadual B tidak dikeluarkan bagi permohonan Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan.

Jadual 3: Ketetapan Kastam Yang Diproses
(Mengikut Jenis Permohonan)

Prestasi Permohonan Keputusan Klasifikasi Barang

Cawangan ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan keputusan klasifikasi barang di bawah peruntukan Seksyen 13B dan Seksyen 22 Akta Kastam 1967 selaras dengan Sistem Berharmonis di bawah Perintah Duti Kastam (PDK) yang berkuatkuasa.

Kategori permohonan pengklasifikasian barang adalah terdiri seperti berikut:

- i. Pengklasifikasian Barang bagi kes Duti Dibayar Secara Bantahan (**PBB**);
- ii. Pengklasifikasian Barang bagi kes Penguatuasaan (**PBP**);
- iii. Pengklasifikasian Barang oleh Bahagian atau Cawangan (**PBC**);
- iv. Pengklasifikasian Barang bagi kes Rayuan (**PBR**); dan
- v. Pengklasifikasian Barang bagi Kes Bermasalah (**PBM**)

Bilangan Penerimaan Permohonan Keputusan Klasifikasi Barang

Bilangan permohonan Keputusan Klasifikasi Barang yang diterima pada tahun 2021 telah **mengalami sedikit penurunan iaitu sebanyak 18.28%** berbanding tahun 2020. Perincian data mengikut kategori adalah di Jadual 4 seperti berikut:

KATEGORI PERMOHONAN	BILANGAN PENERIMAAN PERMOHONAN KEPUTUSAN KLASIFIKASI BARANGAN			
	< TAHUN 2019	TAHUN 2020	TAHUN 2021	JUMLAH
PBB	1,436	76	119	1,631
PBP	1,765	144	168	2,077
PBC	893	173	603	1,669
PBR	64	51	63	178
PBM	61	2	-	63
JUMLAH	4,219	446	953	5,618

Jadual 4: Bilangan Penerimaan Permohonan Keputusan Klasifikasi Barang (Mengikut Kategori Permohonan)

Bilangan Permohonan Keputusan Klasifikasi Barang Yang Diproses

Bilangan permohonan keputusan klasifikasi barang yang diproses bagi tempoh **1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021** adalah sebanyak **311** keputusan telah berjaya dikeluarkan dan **43** permohonan telah dibatalkan. Pencapaian mengikut kategori permohonan adalah di jadual 5 seperti berikut:

KATEGORI PERMOHONAN	PERMOHONAN KEPUTUSAN KLASIFIKASI BARANGAN YANG DIPROSES PADA TAHUN 2021			
	DIBATALKAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN	JUMLAH
PBB	1	38	80	119
PBP	25	90	53	168
PBC	17	135	451	603
PBR	-	48	15	63
PBM	-	-	-	-
JUMLAH	43	311	599	953

Jadual 5: Bilangan Permohonan Keputusan Klasifikasi Barang Yang Diproses (Mengikut Kategori Permohonan)

Prestasi Unit Gubalan Dan Pindaan Undang-Undang

Pewartaan Akta / Perundangan Subsidiari pada tahun 2021 ialah sebanyak **19** **pewartaan**. Jadual bilangan pewartaan ialah seperti berikut:

Bil.	PEWARTAAN AKTA / PERUNDANGAN SUBSIDIARI	TAHUN 2020	TAHUN 2021
1.	1.	-	1
2.	2.	-	-
3.	3.	45	18
4.	4.	-	-
JUMLAH		45	19

Jadual 6: Bilangan Pewartaan Tahun 2020 dan 2021

Perincian Pewartaan Akta / Perundangan Subsidiari adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK	TAHUN 2020	TAHUN 2021
1.	Peraturan-Peraturan Kastam	-	-
2.	Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor)	-	-
3.	Perintah Duti Kastam	3	2
4.	Perintah Duti Kastam (Pengecualian)	1	1
5.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN)	4	-
6.	Perintah Duti Eksais	1	-
7.	Perintah Duti Eksais (Langkawi)	-	-
8.	Perintah Duti Eksais (Tioman)	-	-
9.	Perintah Duti Eksais (Labuan)	-	-
10.	Perintah Duti Eksais (Minuman Bergula)	-	-
11.	Perintah Duti Eksais (Pengecualian)	-	-
12.	Perintah Eksais (Pengecualian Daripada Perlesenan)	-	-
13.	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)	4	-
14.	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Ekspor)	4	1
15.	Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan)	4	12
16.	Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara)	4	1

BIL.	TAJUK	TAHUN 2020	TAHUN 2021
17.	Perintah Zon Bebas (Pengecualian Barang dan Perkhidmatan)	-	-
18.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara ASEAN dan China) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN)	2	-
19.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Penubuhan Perdagangan Bebas Antara ASEAN – Hong Kong, China) 2019	-	-
20.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Penubuhan Perdagangan Bebas Antara ASEAN – Hong Kong, China)(No. 2) 2019	2	-
21.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Penubuhan Perdagangan Bebas Antara ASEAN – Australia – New Zealand) 2019	4	-
22.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota ASEAN dan Jepun) 2020	2	-
23.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Di Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara Dan Republik Korea) 2020	2	-
24.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia – New Zealand) 2020	2	-
25.	Perintah Kastam (Duti Pelindung Sementara)		-
26.	Perintah Kastam (Duti Pelindung Muktamad)		-
27.	Pemberitahuan Nilai Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport (Baharu) di bawah Seksyen 12	4	-
28.	Pemberitahuan Nilai Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport (Terpakai) di bawah Seksyen 13	2	-

BIL.	TAJUK	TAHUN 2020	TAHUN 2021
29.	Pemberitahuan di bawah Akta Zon Bebas : 1. Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan yang Diisyiharkan) 2. Pemberitahuan Zon Bebas	-	-
30.	Akta Eksais – Perwakilan kuasa di bawah Seksyen 86	-	1
31.	Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit)	-	1
JUMLAH		45	19

Jadual 7: Pewartaan Akta / Perundangan Subsidiari Tahun 2021 Berbanding Tahun 2020

Harmonised System

Harmonised System (HS) adalah suatu daftar pengelasan barang yang dibuat secara sistematik dengan tujuan mempermudah penarifan, transaksi perdagangan, pengangkutan dan statistik yang telah diperbaiki dari sistem klasifikasi sebelumnya. *World Custom Organisation* (WCO) membuat pindaan kepada HS setiap lima (5) tahun sekali. Tahun 2017 merupakan pindaan kali kelima sejak ia diperkenalkan pada tahun 1988.

Selaras dengan pindaan HS2017 pada 3 Januari 2017, Perintah Duti Kastam (PDK) yang menggunakan satu struktur tarif (*nomenclature*) tanpa mengira negara diperkenalkan. Sebelum ini, struktur tarif terbahagi kepada dua iaitu Perintah Duti Kastam (9 Digit) untuk perdagangan antara negara bukan ASEAN dan Perintah Duti Kastam (10 Digit) (*ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature*) bagi perdagangan di antara negara-negara ASEAN.

Free Trade Agreement (FTA)

Malaysia mempunyai rakan perdagangan yang dimeterai melalui perjanjian perdagangan secara *bilateral* / *multilateral*. Perjanjian perdagangan ini menyediakan suatu fasilitasi dengan menawarkan kadar keutamaan (*preferential rate*) dan secara tidak langsung menyediakan akses pasaran yang sama rata disamping mengekalkan pesaingan dalam pasaran.

Malaysia telah menandatangani sebanyak 15 FTA secara *bilateral* / *multilateral* yang telah dikuatkuasakan sehingga kini seperti berikut:

FTA secara bilateral :

BIL.	FTA	TARIKH KUATKUASA
1.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun) 2006	13.07.2006
2.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Rapat Antara Malaysia Dan Republik Islam Pakistan) 2007	01.01.2008
3.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Antara Malaysia-New Zealand) 2020	01.10.2020
4.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India)(Miceca) 2011	01.07.2011
5.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Antara Malaysia-Chile) 2012	25.02.2012
6.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Antara Malaysia-Australia) 2012	01.01.2013

Jadual 8: Free Trade Agreement (FTA) secara bilateral

FTA secara multilateral

BIL.	FTA	TARIKH KUATKUASA
1.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994	01.01.1994 Pindaan : 01.01.1995, 01.01.2004, 01.04.2008, 31.10.2012, 01.04.2017
2.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Di Antara Kerajaan Negeri-Negeri Ahli Persatuan Negeri-Negeri Asia Tenggara Dan Republik Korea) 2020	01.06.2007 01.08.2020
3.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara ASEAN dan China) 2019	01.08.2019
4.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-Negeri Anggota ASEAN Dengan Jepun) 2020	01.07.2020

5.	Perintah Duti Kastam (Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN - Australia - New Zealand) (AANZFTA) 2019	01.10.2019
6.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-Negeri Anggota ASEAN Dengan Republik India) 2009	01.01.2010
7.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di Bawah Perjanjian Perdagangan Keutamaan Di Kalangan Negara-Negara Anggota D-8) 2013	01.11.2013
8.	Perintah Duti Kastam (Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN - Hong Kong, China) 2019	01.08.2019
9.	Perintah Duti Kastam (Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN - Hong Kong, China)(No.2) 2019	13.10.2019

Jadual 9: Free Trade Agreement (FTA) secara multilateral

Perkembangan FTA yang masih dalam peringkat perundingan adalah seperti berikut :

BIL.	FTA
1.	<i>The Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)</i>
2.	<i>Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)</i>
3.	<i>Malaysia – European Union (EU)</i>
4.	<i>Malaysia – EFTA Economic Partnership Agreement (MEEPA)</i>
5.	<i>Malaysia - Bangladesh FTA</i>
6.	<i>Malaysia – Iran</i>
7.	<i>Trade Preferential System – Organisation of Islamic Conference Status (TPS-OIC)</i>

Jadual 10: Free Trade Agreement (FTA) masih di peringkat rundingan

Aktiviti Cawangan Klasifikasi, Tarif Dan Gubalan

Aktiviti-Aktiviti Cawangan di Peringkat Nasional

Berikutan situasi pandemik Covid-19 yang menular di seluruh negara seawal tahun 2021, perancangan dan perlaksanaan melibatkan sesi *Round Table Discussion (RTD)* bersama syarikat / agensi luar / lain-lain Bahagian, *Hands On Training* dan *Product Knowledge* serta bengkel di peringkat Cawangan diselaraskan mengikut Prosedur Standard Operasi yang digariskan oleh pihak berkuasa. Berikut adalah aktiviti-aktiviti Cawangan sepanjang tahun 2021:

BIL.	FTA	BILANGAN
1.	<i>Round Table Discussion (RTD)</i> bersama syarikat / agensi luar / lain-lain bahagian	-
2.	Bengkel	3
3.	<i>Resources Person</i>	1
4.	Program Nilai-Nilai Murni	-

Jadual 11: Aktiviti -Aktiviti Cawangan di Peringkat Nasional

1. Round Table Discussion (RTD)

Program ini diadakan bersama dengan pihak syarikat / agensi luar / lain-lain Bahagian. Tujuan RTD ini dijalankan adalah supaya peserta-peserta dapat bertukar pengetahuan berkaitan dengan barang yang dibincangkan.

BIL.	SYARIKAT / AGENSI LUAR / LAIN-LAIN BAHAGIAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Perbincangan Berkaitan Maklum balas Mesyuarat Cadangan Pengenaan Cukai Jualan Ke Atas Air Minuman bersama MOF	2 April 2021	Bahagian PERTEk, Ibu Pejabat

Jadual 12: Round Table Discussion (RTD) bersama Syarikat / Agensi Luar / Lain-Lain Bahagian

2. Bengkel / Seminar



BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
A. Unit Klasifikasi			
1.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 1/2021)	9 – 10 Februari 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
2.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 2/2021)	11 Mac 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
3.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 3/2021)	25 Mac 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
4.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 4/2021)	31 Mac 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
5.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 4/2021)	16 April 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
6.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 5/2021)	23 April 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
7.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 6/2021)	07 Mei 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
8.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 7/2021)	25 Ogos 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
9.	Bengkel Pindaan Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 2 (Siri 8/2021)	21 Disember 2021	Anjuran Unit Klasifikasi, Ibu Pejabat
A. Unit Klasifikasi			
1.	Bengkel Penyediaan Struktur HS 2022 (Bab 1 – 49)	15 -19 Mac 2021	Ruang Perbincangan Unit Tarif dan Gubalan
2.	Bengkel Penyediaan Struktur HS 2022 Siri 2	29 – 2 April 2021	Ruang Mesyuarat Unit Tarif Dan Gubalan
3.	Bengkel/ Mesyuarat Kerja Memuktamadkan HS 2022 Siri 1	20 ~ 23 Oktober 2021	Thistle Resort Port Dickson, Negeri Sembilan
4.	Bengkel Transposisi HS2012 kepada HS2017 bagi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan <i>European Free Trade Association</i> (EFTA)	24 ~ 26 November 2021	Anjuran Unit Tarif & Gubalan

Jadual 13: Bengkel

2. Resources Person

Pegawai-pegawai di CKTG telah dijemput sebagai *Resources Person* bagi kursus / seminar / bengkel untuk pelanggan dalaman (JKDM) dan agensi luar. Antara program yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL.	KURSUS / SEMINAR / BENGKEL / MESUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	Sesi Penerangan Produk-Produk Besi Bagi Tujuan Siasatan Kes <i>Anti-Dumping</i>	09 April 2021	Anjuran CSC Steel Sdn Bhd, Air Keroh Melaka <i>Speaker:</i> Puan Hazeerah Binti Ismail
2.	Sesi Pembentangan Teknikal Status Siasatan Produk-Produk Besi Bagi Tujuan Siasatan Kes <i>Anti-Dumping</i>	28 April 2021	Anjuran Unit Siasatan Frod Dokumentasi Ibu Pejabat <i>Speaker:</i> Puan Hazeerah Binti Ismail
3.	Penceramah Webinar Isu-Isu/Kajian Kes Pengklasifikasian Barangang Bahagian Pematuhan	22 Julai 2021	Anjuran Bahagian Pengurusan Pematuhan, Ibu Pejabat <i>Speaker:</i> Puan Hazeerah Binti Ismail
4.	Penceramah Webinar Bengkel Akta Eksais 1976 Syarikat Mengilang CHL JKDM Perak	19 Ogos 2021	Anjuran Bahagian Pengurusan Pematuhan, JKDM Perak <i>Speaker:</i> Puan Hazeerah Binti Ismail
5.	Penceramah Webinar Kursus Asas Pengklasifikasian Barangang JKDM Sabah	10 September 2021	Anjuran Bahagian PERTEK JKDM Zon Sabah <i>Speaker:</i> Puan Hazeerah Binti Ismail
6.	<i>FMM Webinar on Navigating the Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) Series 2: How to Leverage on RCEP for Market Access of Manufactured Goods</i>	09 - 10 November 2021	Anjuran <i>Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)</i> <i>Speaker:</i> Puan Hazeerah Binti Ismail
7.	Taklimat Pengenalan Kepada Klasifikasi Barangang Dan Prosedur Bayaran Secara Bantahan Secara Dalam Talian	14 Oktober 2021	Anjuran JKDM Zon Tengah Unit III <i>Speaker:</i> Tuan Razali Bin Haizir
8.	<i>Seminar on Malaysian Customs Classification of Goods and Harmonised System (HS) Code</i>	17 Februari 2021	Virtual

Jadual 14: Kursus / Bengkel / Mesuarat dihadiri sebagai *Resources Person*


Aktiviti-Aktiviti di Peringkat Antarabangsa

Pegawai-pegawai di CKTG juga sentiasa terlibat di dalam beberapa siri program di peringkat antarabangsa seperti menghadiri kursus / seminar / bengkel / mesyuarat dan sebagainya seperti berikut:

BIL.	KURSUS / SEMINAR / BENGKEL / MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	<i>The 3rd Meeting of the Technical Sub-Working Group on Classification (TSWGC)</i>	23 - 24 Februari 2021	<i>Virtual</i>
2.	<i>Seminar on RCEP Transposition</i>	09 Mac 2021	Anjuran Japan Customs
3.	<i>The 2nd TSWGC Virtual Discussion</i>	14 April 2021	<i>Virtual</i>
4.	<i>34th CCC Meeting</i>	27 – 29 April 2021	<i>Virtual</i>
5.	<i>The 6th Meeting of the Technical Sub-Working Group on Classification (TSWGC)</i>	4 – 8 Mei 2021	<i>Virtual</i>
6.	<i>Inter-sessional Meeting on Pending Matters in Chapter 85 to 97, Technical Subworking Group on Classification (TSWGC)</i>	2 – 3 Jun 2021	<i>Virtual</i>
7.	<i>30th Meeting Of The Asean Directors-General Of Customs, 8 – 10 June 2021</i>	7 Jun 2021	<i>Virtual</i>
8.	<i>Virtual Tour Of Japan Customs Laboratory</i>	11 Jun 2021	Anjuran Japan Customs bersama Bahagian Perancangan Korporat, JKDM Ibu Pejabat
9.	<i>The First & Second Bi-Weekly Meeting Of The Technical Sub- Working Group On Classification (TSWGC)</i>	15 – 17 Jun 2021	<i>Virtual</i>
10.	<i>Virtual Forum APEC Global MSME Forum 2021</i>	28 ~ 30 Jun 2021	Anjuran APEC NZ 2021
11.	<i>Virtual Forum PEC "CTI Workshop "E-Commerce-Enabling Technologies</i>	29 Jun 2021	Anjuran APEC NZ 2021
12.	<i>WCO Knowledge Academy for Customs and Trade 2022</i>	29 Jun ~ 03 Julai 2021	Anjuran WCO, Brussels
13.	<i>The TSWGC BI-Weekly Meeting (Matrix of Chapter 85 - 97)</i>	6 – 8 Julai 2021	<i>Virtual</i>
14.	<i>Mesyuarat Bi Weekly TSWGC</i>	3 – 5 Ogos 2021	<i>Virtual</i>
15.	<i>The 68th Session of the Harmonized System Committee (DGE) Meeting</i>	6 – 9 September 2021	<i>Virtual</i>
16.	<i>The 9th Meeting of the Technical Sub-Working Group on Classification</i>	7 – 9 September 2021	<i>Virtual</i>

BIL.	KURSUS / SEMINAR / BENGKEL / MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
17.	<i>Special CCA on TRS guidelines</i>	21 September 2021	<i>Virtual</i>
18.	Mesyuarat Persediaan ASEAN 31st Customs Procedures and Trade Facilitation Working Group	1 Oktober 2021	<i>Virtual</i>
19.	<i>Virtual WCO Asia/Pacific Regional Workshop on the HS 2022 Amendments</i>	09 ~ 11 November 2021	Anjuran WCO, Brussels
20.	<i>Virtual Forum APEC Symposium on Digital Trade Transformation and Connectivity on 18 November 2021</i>	18 November 2021	Anjuran APEC 2021
21.	<i>The 10th Meeting Of TSWG/C</i>	16 – 18 November 2021	<i>Virtual</i>
22.	<i>35th CCC Meeting</i>	23 – 25 November 2021	<i>Virtual</i>
23.	<i>37th CCA Meeting</i>	9 - 13 Disember 2021	<i>Virtual</i>

Jadual 15 : Kursus / Seminar / Bengkel / Mesyuarat Di Peringkat Antarabangsa




Cawangan Pengurusan Penilaian (CPP)

Cawangan ini bertanggungjawab untuk membuat perancangan dan mengambil tindakan bagi melaksanakan komitmen Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke atas standard-standard penilaian kastam yang ditetapkan oleh *World Trade Organisation* (WTO) dan *World Customs Organisation* (WCO) bagi barang import. Selain daripada itu, skop penilaian kastam juga mengambil kira pelaksanaan undang-undang dan peruntukan dalam akta dan peraturan bagi pengilangan barang tempatan.


Selaras dengan skop tugas di atas, aktiviti-aktiviti seperti berikut telah dilaksanakan.

Selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh *World Customs Organisation* (WCO) iaitu *Revenue Package* dan juga *Guideline On The Development And Use Of A National Valuation Database As A Risk Assessment Tool*, CPP telah membuat penyelidikan penilaian untuk menyediakan Data Harga dan Pekeliling Harga seperti di Carta 1 untuk digunakan oleh pegawai-pegawai dalam tugas-tugas penilaian dan pemantauan. Pada tahun 2021, Data Harga yang dikeluarkan telah menurun sebanyak 4.10% berbanding tahun 2020. Antara jenis-jenis barang yang terlibat ialah rokok, paip, *hose*, *bathroom fitting*, tayar, jentera berat, *frozen foodstuff*, *Chinese medical herbs*, sabun, minyak wangi, beras serta *tableware and kitchenware of wood*. Pekeliling Harga pula kekal seperti tahun 2020 iaitu sebanyak 22 Pekeliling Harga yang meliputi pelbagai barang seperti lapamn (8) pekeliling bagi kenderaan import (berjenama Honda, Lamborghini dan Mercedes Benz) dan 14 pekeliling bagi barang lain seperti rokok, dadah, minuman keras, mercun, arang batu dan tayar.



Carta 1: Data Harga dan Pekeliling Harga Yang Dikeluarkan oleh CPP
Tahun 2020 dan 2021

CPP juga bertanggungjawab menetapkan Harga Pasaran Terbuka Eksais di bawah Akta Eksais 1976 bagi kenderaan penumpang dan motosikal yang dipasang dalam negeri. Pada tahun 2021, Harga Pasaran Terbuka Eksais (HPTE) yang telah dikeluarkan oleh CPP dan diedar ke negeri/stesen seluruh negara adalah sebanyak 239 berbanding 245 pada tahun 2020, iaitu penurunan sebanyak 2.45%.



Carta 2: Bilangan HPTE yang dikeluarkan oleh CPP Tahun 2020 dan 2021

Pada tahun 2021 CPP telah mengadakan tiga (3) kali Mesyuarat Panel Penyemakan/ Penetapan Harga Kenderaan Import Baru dan Terpakai. Objektif mesyuarat ini adalah untuk membincangkan dan mencadangkan nilai kastam CIF yang sesuai untuk model-model kenderaan import. Secara keseluruhannya, jumlah kenderaan yang terlibat telah meningkat kepada 2,399 pada tahun 2021 berbanding 1,947 pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 23.22%. Bilangan Nilai Kastam CIF yang telah ditetapkan dalam mesyuarat tersebut adalah seperti di Jadual 1.


BIL.	KATEGORI KENDERAAN	2020	2021	PERBEZAAN	% BEZA
1.	Kenderaan Penumpang Baru	316	350	34	10.76%
2.	Kenderaan Perdagangan Baru	92	142	50	54.35%
3.	Motosikal Baru	509	814	305	59.92%
4.	Kenderaan Penumpang Terpakai	505	552	47	9.31%
5.	Motosikal Terpakai	354	355	1	0.28%
6.	Kenderaan Penumpang Klasik	105	80	(25)	(23.81%)
7.	Motosikal Klasik	66	106	(40)	(60.61%)
Jumlah		1,947	2,399	452	23.22%

Jadual 1: Penetapan Nilai CIF Kenderaan Baru dan Terpakai Tahun 2020 dan 2021



Carta 3 : Penetapan Nilai CIF Kenderaan Baru dan Terpakai Tahun 2020 dan 2021

Di samping itu, pada tahun 2021, CPP telah menjalankan sebanyak 73 kajian permohonan Pembayaran Duti Kastam Secara Bantahan di bawah seksyen 13A Akta Kastam 1967 berbanding 35 kajian pada tahun 2020 iaitu peningkatan yang mendadak sebanyak 108.57% . Senario yang sama dapat dilihat ke atas kajian permohonan Ketetapan Kastam di bawah Seksyen 10A Akta Kastam 1967 dimana ianya telah meningkat sebanyak 24.14% iaitu 36 kajian berbanding 29 kajian pada tahun 2020.




CPP telah mewartakan Harga Eksport Komoditi Utama dan mengeluarkan jadual Kadar Pertukaran Wang Asing bagi tahun 2020 dan 2021 seperti berikut:


BIL	NAMA PERINTAH	BILANGAN DIWARTAKAN	
		2020	2021
1.	Perintah Kastam (Nilai-Nilai) Minyak Kelapa Sawit	12	12
2.	Perintah Kastam (Nilai-Nilai) Isirong Kelapa Sawit	12	12
3.	Perintah Kastam (Nilai-Nilai) Minyak Mentah Petroleum	26	27
4.	Kadar Pertukaran Wang Asing	52	52

Jadual 2: Warta Harga Eksport Komoditi Utama dan Kadar Pertukaran Wang Asing Tahun 2020 dan 2021

Pada tahun 2021, CPP telah menetapkan penilaian ke atas 2,465 permohonan penilaian yang dirujuk oleh Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat / Lain-lain agensi kerajaan yang meliputi 162 bagi kenderaan dan 2,303 bagi lain-lain barang. Jumlah ini didapati meningkat 42.32% berbanding 1,732 permohonan pada tahun 2019.



Di samping itu, pada tahun 2021 juga CPP telah menjalankan sebanyak 336 kajian penilaian semula kenderaan CBU import terpakai oleh pelbagai pihak iaitu melibatkan Individu, Kedutaan, Sultan dan Pakar berbanding 332 kajian pada tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak 1.20%.



Carta 5: Kajian Penilaian Semula Kenderaan CBU Import Terpakai Tahun 2020 dan 2021

CPP juga telah mengeluarkan sebanyak 1,228 nilai asas kenderaan import CBU terpakai (persendirian) bagi tahun 2021 berbanding 615 nilai asas pada tahun 2020, iaitu peningkatan yang mendadak sebanyak 99.67%. Permohonan nilai asas kenderaan import bagi kenderaan penumpang dan kenderaan perdagangan ini diterima dari pelbagai stesen meliputi Bahagian Perkastaman (stesen import), Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Perkhidmatan Teknik seluruh Malaysia.



Carta 6: Nilai Asas Kenderaan Import CBU Terpakai Persendirian Tahun 2020 dan 2021



Pada tahun 2021, CPP telah melakukan Kajian Ke Atas Perintah Tetap Kastam Bil. 76 berkaitan Ketetapan Kastam untuk dijadikan sebagai Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik. Ia bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai-pegawai di peringkat Ibu Pejabat dan negeri bagi menguruskan permohonan Ketetapan Kastam bagi prinsip penilaian barang dan memastikan Ketetapan Kastam dikeluarkan dalam tempoh 90 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima atau 60 hari dari tarikh penerimaan laporan konsultasi daripada agensi lain. Butiran mengenainya adalah seperti berikut:

BIL.	KAJIAN
1.	Perintah Tetap Kastam Bil. 76 berkaitan Ketetapan Kastam

Jadual 3 : Kajian Yang Dijalankan Pada Tahun 2021

CPP telah melaksanakan program perkongsian bestari (*Smart Partnership*) dengan beberapa pertubuhan/persatuan dan agensi sebagai usaha meningkatkan kerjasama pelbagai hala antara JKDM, kementerian/jabatan lain dan pihak swasta. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian Jabatan melalui perkongsian idea dan tindakan. Berikut adalah bilangan program yang telah diadakan pada tahun 2021 iaitu:-

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Sesi <i>engagement</i> bersama Exco PEKEMA – Penilaian Kastam Ke Atas Kenderaan Import Terpakai oleh Pemegang AP Terbuka Siri 1/2021	26 Februari 2021	Ibu Pejabat JKDM
2.	Sesi <i>engagement</i> bersama Syarikat Boon Koon Vehicles Industries Sdn Bhd – Permohonan Ketetapan Kastam Ke Atas Prinsip Penilaian Bagi <i>Used Cabin</i> dan <i>Used Engine</i>	10 Mac 2021	Ibu Pejabat JKDM

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
3.	Mesyuarat Penetapan Nilai Kastam Kenderaan CBU Import Baharu dan Terpakai Berdasarkan Penilaian Kaedah Nilai Urusniaga Bil. 1/2021	25 Mac 2021	Ibu Pejabat JKDM
4.	Sesi <i>engagement</i> bersama Exco PEKEMA – Penilaian Kastam Ke Atas Kenderaan Import Terpakai oleh Pemegang AP Terbuka Siri 1/2021	9 April 2021	Ibu Pejabat JKDM

Jadual 4: Program Perkongsian Bestari (*Smart Partnership*) Yang Telah Dianjurkan Tahun 2021

Bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai penilaian kepada pegawai dalaman, maka beberapa bengkel/kursus/webinar telah diadakan seperti berikut:

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Bengkel Kajian Data Harga Melalui sistem <i>Crystal Report</i> bersama JKDM Perak	16 Mac 2021	Ibu Pejabat JKDM
2.	Bengkel <i>Transfer Pricing</i>	4 – 6 April 2021	JKDM Kelantan
3.	Penilaian Ke Atas Barang Pengilangan Tempatan anjuran Akmal Melaka	8 April 2021	Webinar
4.	The Malaysia <i>Transfer Pricing Development</i> anjuran ACCA	12 April 2021	Webinar
5.	Penggunaan Data Harga dalam Penilaian anjuran CPP Ibu Pejabat	16 April 2021	Webinar
6.	Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 anjuran CPP Ibu Pejabat	22 April 2021	Webinar

Jadual 5: Bengkel/Kursus/Webinar Kepada Pegawai Dalaman Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2021

Di samping itu, CPP turut terlibat dalam program perjanjian / konvensyen / mesyuarat peringkat antarabangsa seperti berikut:

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	<i>WCO Regional Workshop on Trade Facilitation Agreement</i>	19 – 21 April 2021	<i>Online</i>
2.	<i>Industry Talk Automotive Sector Customs Requirement on CKD Regulation & Valuation bersama Malaysian – German Chamber of Commerce & Industry (MGCC)</i>	26 April 2021	<i>Online</i>

Jadual 6: Program Perjanjian / Konvensyen / Mesyuarat Peringkat Antarabangsa Yang Telah Dihadiri Pada Tahun 2021

CPP telah menjalankan program naziran dan lawatan kerja ke negeri-negeri untuk memantau dan mengenal pasti mengenai pemakaian dan pematuhan penilaian ke atas semua peraturan dan garis panduan berhubung dengan penilaian kastam barang import dan barang pengilangan tempatan. Program naziran yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Naziran Bersepadu	Melaka	29 – 31 Mac 2021
2.	Naziran Bersepadu	Pahang	27 – 29 November 2021

Jadual 7: Jadual Program Naziran dan Lawatan Kerja ke Negeri.

Selain daripada itu beberapa mesyuarat bersama pelanggan dalaman (secara bersemuka) telah dijalankan seperti berikut:

BIL	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	Panel Semakan Semula Penilaian Kenderaan	-7 Jan 2021 -25 Feb 2021 -24 Sept 2021 -11 Okt 2021 -5 Nov 2021	Ibu Pejabat JKDM
2.	Mesyuarat Membincangkan Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas ILP Kepada Syarikat Pemegang Francais Kenderaan Pemasangan Tempatan	25 Mac 2021	Ibu Pejabat JKDM
3.	Perbincangan Penilaian Cukai Jualan Tempatan – <i>Depreciation and Amortization</i>	28 Mac 2021	Ibu Pejabat JKDM
4.	Mesyuarat Kerja Penyediaan Perintah Tetap Eksais Bil. 4 dan Perintah Tetap Kastam Bil. 17	30 Mac – 2 April 2021	Genting Highland, Pahang
5.	Penilaian Cukai Jualan dan <i>Transfer Pricing</i>	- 1 April 2021 - 20 April 2021 - 27 April 2021	- JKDM KLIA - JKDM N.Sembilan - JKDM Melaka
6.	Perbincangan Laporan Kemajuan Penilaian Cukai Jualan Tempatan dan <i>Transfer Pricing</i>	30 September 2021	JKDM WPKL
7.	Mesyuarat Perbincangan Surat Panduan Penilaian Panel Van	23 September 2021	Ibu Pejabat JKDM
8.	Mesyuarat Dasar Pengecualian Duti/Cukai Bagi Kenderaan Pelupusan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuastra Negeri	29 September 2021	Ibu Pejabat JKDM
9.	Mesyuarat <i>Transfer Pricing</i> Bagi Syarikat yang Melibatkan <i>Marketing Arm</i> anjuran Bahagian CDN	7 Oktober 2021	Ibu Pejabat JKDM
10.	Mesyuarat Tatacara Penilaian Kenderaan Import dan Pemasangan Tempatan bersama JKDM Tanjung Lembung, Langkawi	2 November 2021	Ibu Pejabat JKDM
11.	Mesyuarat Penambahbaikan Perundungan Cukai Jualan 2018	9 – 12 November 2021	GBW Hotel, J.Bahru

Jadual 8: Mesyuarat/Bengkel/Seminar Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2021

Berdasarkan situasi dalam negara yang tidak mengizinkan serta sekatan pergerakan, terdapat beberapa mesyuarat/perbincangan yang terpaksa diadakan secara maya (*online*) iaitu:

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Perbincangan Permohonan Berkaitan Survei Industri Pembuatan Bersama Jabatan Perangkaan Malaysia	24 Mei 2021
2.	Perbincangan Kertas Kajian Elemen-Elemen Kos Tahun 2021 Bil. 1 - 3	<ul style="list-style-type: none"> • 11 Jun 2021 • 18 Jun 2021 • 26 Julai 2021
3.	Perbincangan SOP <i>Risk Indicators of Transfer Pricing</i> Bil. 1 -3	<ul style="list-style-type: none"> • 14 Jun 2021 • 22 Jun 2021 • 26 Julai 2021
4.	Perbincangan Kajian Kes Cukai Jualan Tempatan bersama JKDM Kelantan	4 Ogos 2021
5.	Mesyuarat <i>Voluntary Disclosure Program</i>	<ul style="list-style-type: none"> • 5 Ogos 2021 • 24 Ogos 2021
6.	<i>Sessi Coaching & Sharing – Capacity Building Bagi Penilaian Cukai Jualan Tempatan bersama negeri:</i> • Selangor, KLIA dan WPKL • Terengganu, Melaka dan N.Sembilan • Pahang, Perak, Perlis dan P.Pinang • Kelantan, Johor dan Kedah • Sabah dan Sarawak • Pahang	<ul style="list-style-type: none"> • 8 Julai 2021 • 15 Julai 2021 • 27 Julai 2021 • 3 Ogos 2021 • 5 Ogos 2021 • 18 Ogos 2021
7.	<i>Perbincangan Penilaian Cukai Jualan Tempatan dan Transfer Pricing bersama negeri:</i> • Selangor • Pulau Pinang • Perlis • KLIA • Johor • Kelantan • Perak • Terengganu • Pahang • N. Sembilan • WPKL • Kedah • Melaka • Sabah • Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • 21 April 2021 • 25 Mei 2021 • 1 Jun 2021 • 2 Jun 2021 • 3 Jun 2021 • 8 Jun 2021 • 9 Jun 2021 • 10 Jun 2021 • 15 Jun 2021 • 17 Jun 2021 • 22 Jun 2021 • 23 Jun 2021 • 24 Jun 2021 • 29 Jun 2021 • 30 Jun 2021

Selanjutnya, CPP telah melaksanakan operasi seperti maklumat berikut:

BIL.	OPERASI	TARIKH
1.	Ops <i>Targetting</i> Tekstil	18 – 31 Julai 2021

Jadual 9: Operasi Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2021

CPP juga telah melaksanakan kajian semula serta mengeluarkan beberapa Surat Pekeliling Pentadbiran Penilaian Kastam (SPPP) bagi mengemaskini dan memantapkan lagi surat pekeliling sedia ada. Butiran mengenainya adalah seperti berikut:

BIL.	SPP DAN SPPP TERLIBAT	TAJUK	TARIKH
1.	SPPP Bil. 1/2021	Garis Panduan Menerima Nilai Invois Sebagai Nilai Kastam	2 Februari 2021
2.	SPPP Bil. 2/2021	Taksiran Ke Atas Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport Termasuk Dari Pulau Bebas Cukai Langkawi dan Labuan	2 Februari 2021
3.	SPPP Bil. 3/2021	Tatacara Permohonan Penilaian Kastam Ke Atas Kenderaan Rampasan/Sitaan oleh Bahagian Penguatkuasaan	2 Februari 2021
4.	SPPP Bil. 4/2021	Pembangunan Profil Syarikat Pengimpor	8 Februari 2021
5.	SPPP Bil. 5/2021	Tatacara Penilaian Ke Atas Kenderaan Motor Pasang Siap Import dari Pulau Bebas Cukai Ke Kawasan Utama Kastam	8 Februari 2021

Jadual 10: Kajian Semula SPPP Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2021

CAWANGAN PERAKAUNAN HASIL (CPH)

Pengenalan

Cawangan Perakaunan Hasil adalah salah satu cawangan di dalam Bahagian Perkhidmatan Teknik yang terdiri daripada empat (4) unit berikut:

- i. Unit Analisa Hasil
- ii. Unit Pungutan
- iii. Unit Tuntutan
- iv. Unit Terimaan dan Bayaran

Objektif

Objektif utama adalah seperti berikut:

- i. Memastikan hasil Jabatan dipungut dan diperakaunkan dengan betul dan tepat.
- ii. Membuat pemantauan dan analisa hasil yang berkesan serta menyediakan unjuran hasil Jabatan.
- iii. Memastikan semua tuntutan pembayaran balik / pulang balik dibuat mengikut peraturan.
- iv. Melaksanakan pemantauan ke atas semua PTJ Pemungut bagi memastikan pematuhan ke atas arahan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.
- v. Memperkemaskan kaedah pungutan hasil Jabatan secara *e-payment* bagi semua bayaran cukai/duti/levi.
- vi. Menguruskan terimaan hasil dan bayaran/agihan peruntukan B11 dan T12 kepada JKDM Negeri

Laporan Unit Analisa Hasil

Unjuran Hasil JKDM Tahun 2021

Unjuran bersih JKDM bagi tahun 2021 pada peringkat awalnya telah ditetapkan sebanyak RM 40.184 billion. Walau bagaimanapun, Unjuran ini telah disemak semula dan dinaikkan kepada RM40.700 billion pada Mac 2021 dan sekali lagi dinaikkan kepada RM41.000 pada Oktober 2021.

Pecahan unjuran hasil JKDM mengikut aktiviti adalah seperti Jadual 1:

AKTIVITI	UNJURAN BERSIH
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	RM 26.732 bilion
Duti Kastam	RM 14.268 bilion
Cukai Pelancongan	RM tiada
JUMLAH	RM 41.000 bilion

Jadual 1: Unjuran Hasil JKDM Tahun 2021




Prestasi Pungutan Hasil JKDM 2021

Jumlah keseluruhan pungutan hasil bersih JKDM 2021 seperti di Jadual 2;

AKTIVITI	UNJURAN	PUNGUTAN	LEBIHAN/ (KURANGAN)	PENCAPAIAN
	(RM JUTA)			(%)
Cukai Perkhidmatan	12,150.00	11,189.40	-960.60	92.09
Cukai Perkhidmatan Digital	635.00	800.48	165.48	126.06
Cukai Jualan Import	8,622.20	8,689.31	67.11	100.78
Cukai Jualan Tempatan	5325.00	4,805.83	-519.17	90.25
JUMLAH HASIL SST	26,732.20	25,485.02	-1,247.18	95.33
Duti Eksais Import	5,135.00	5,698.66	563.66	110.98
Duti Eksais Tempatan	4,625.00	4,555.59	-69.41	98.50
Duti Import	2,330.00	2,641.19	311.19	113.36
Duti Eksport	1,180.00	2,057.33	877.33	174.35
Levi Kenderaan	87.00	89.72	2.72	103.13
Levi Keuntungan L/B	900.00	1,950.20	1,050.20	216.69
Levi Pelepasan	10.80	14.13	3.33	130.89
JUMLAH DUTI KASTAM	14,267.80	17,006.83	2,739.03	119.20
Cukai Pelancongan	0.00	1.17	1.17	0.00
SST 1.0	0.00	9.76	9.76	0.00
JUMLAH KESELURUHAN	41,000.00	42,502.79	1,502.79	103.67

Jadual 2: Prestasi Pungutan 2021 Bersih Berbanding Unjuran

Nota : *Pungutan Bersih tidak termasuk pungutan GST sebanyak RM271.68 juta yang dipindahkan ke Tabung Bayaran Balik dan Pungutan Hasil Bukan Cukai / Hasil Amanah / Hasil Negeri sebanyak RM341.08 juta.



Carta 1: Pecahan Pungutan Mengikut Aktiviti

JKDM berjaya memungut hasil bersih keseluruhan berjumlah RM42.502 billion. Jumlah pungutan ini adalah lebih tinggi daripada jumlah unjuran yang disemak semula oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM41.000 bilion. Peratus pencapaian ialah sebanyak 103.67% iaitu melebihi sasaran sebanyak RM1.502 bilion.

AKTIVITI	UNJURAN (RM JUTA)	PUNGUTAN (RM JUTA)	LEBIHAN/ (KURANGAN)	PENCAPAIAN (%)
			(KURANGAN)	
Cukai Perkhidmatan	12,150.00	11,189.40	-960.60	92.09
Cukai Perkhidmatan Digital	635.00	800.48	165.48	126.06
Cukai Jualan Import	8,622.20	8,689.31	67.11	100.78
Cukai Jualan Tempatan	5325.00	4,805.83	-519.17	90.25
JUMLAH HASIL SST	26,732.20	25,485.02	-1,247.18	95.33

Jadual 3(a): Perbandingan Kutipan dan Unjuran Cukai Bahagian Cukai Dalam Negeri bagi tahun 2021

AKTIVITI	UNJURAN (RM JUTA)	PUNGUTAN (RM JUTA)	LEBIHAN/ (KURANGAN)	PENCAPAIAN (%)
			(KURANGAN)	
SST 1.0	0.00	9.76	9.76	0.00

Jadual 3(b): Perbandingan Kutipan dan Unjuran Cukai Bahagian Cukai Dalam Negeri bagi tahun 2021

Pungutan hasil Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan 2.0 (SST 2.0) tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sebanyak RM26.732 bilion. Jumlah pungutan ialah sebanyak RM25.485 bilion iaitu kurang sebanyak RM 1.247 bilion atau 95.33% dari sasaran. Cukai Perkhidmatan masih lagi menjadi penyumbang utama Bahagian SST walaupun tidak mencapai unjuran yang disasarkan sebanyak RM12.150 bilion. Cukai ini hanya mampu menyumbang sebanyak RM11.189 bilion atau kekurangan sebanyak RM960.6 juta atau 7.91% dibawah dari sasaran. Pungutan bagi Cukai Jualan Tempatan mencatatkan pengurangan berbanding unjuran sebanyak RM519.17 juta atau 90.25% daripada unjuran. Unjuran bagi Cukai Jualan Tempatan dan Hasil Cukai Jualan Tempatan masing-masing RM5.325 dan RM4.805 bilion. Penyusutan hasil Cukai Jualan Tempatan disebabkan pengecualian Cukai Jualan Tempatan ke atas kenderaan persendirian pemasangan tempatan sebanyak 100%. Manakala Cukai Jualan Import merekodkan jumlah pungutan RM8.689 bilion berbanding unjuran sebanyak RM8.622 bilion melebihi sasaran sebanyak RM67.11 juta atau 0.78%. Kutipan untuk SST 1.0 pada tahun 2021 adalah sebanyak RM9.76 juta.

AKTIVITI	UNJURAN	PUNGUTAN	LEBIHAN/	PENCAPAIAN
			(KURANGAN)	
		(RM JUTA)		(%)
Duti Eksais Import	5,135.00	5,698.66	563.66	110.98
Duti Eksais Tempatan	4,625.00	4,555.59	-69.41	98.50
Duti Import	2,330.00	2,641.19	311.19	113.36
Duti Eksport	1,180.00	2,057.33	877.33	174.35
Levi Kenderaan	87.00	89.72	2.72	103.13
Levi Keuntungan L/B	900.00	1,950.20	1,050.20	216.69
Levi Pelepasan	10.80	14.13	3.33	130.89
JUMLAH DUTI KASTAM	14,267.80	17,006.83	2,739.03	119.20

Jadual 4(a): Perbandingan Kutipan dan Unjuran Duti Kastam bagi tahun 2021

AKTIVITI	UNJURAN	PUNGUTAN	LEBIHAN/	PENCAPAIAN
			(KURANGAN)	
		(RM JUTA)		(%)
Cukai Pelancongan	0.00	1.17	1.17	0.00

Jadual 4(b): Kutipan Cukai Pelancongan tahun 2021

Pungutan duti kastam pula telah menunjukkan prestasi yang baik dan mengutip sebanyak RM17.006 bilion. Komponen-komponen di bawah duti kastam yang mencapai sasaran ialah Duti Eksais Import, Duti Import, Duti Eksport, Levi Kenderaan, Levi Keuntungan Luar Biasa dan Levi Pelepasan.

Secara keseluruhannya, pecahan pungutan hasil bersih JKDM bagi tahun 2021 adalah seperti di Jadual 2(a). SST masih lagi merupakan penyumbang terbesar pungutan hasil bersih JKDM iaitu sebanyak RM25.485 bilion atau **59.96%**, manakala pungutan duti kastam pula menyumbang RM17.006 bilion atau **40.04%** dan pungutan cukai pelancongan sebanyak RM 1.17 juta atau hanya 0.0027%.

AKTIVITI	PUNGUTAN TAHUN SEMASA	PUNGUTAN MENERUSI BIL TUNTUTAN	JUMLAH
	(RM JUTA)		
Cukai Perkhidmatan	10,969.45	219.95	11,189.40
Cukai Perkhidmatan Digital	800.48	-	800.48
Cukai Jualan Import	8,676.35	12.96	8,689.31
Cukai Jualan Tempatan	4,749.02	56.81	4,805.83
JUMLAH HASIL SST	25,195.30	289.72	25,485.02
Duti Eksais Import	4,522.44	33.15	4,555.59
Duti Eksais Tempatan	5,636.60	62.06	5,698.66
Duti Import	2,561.22	79.97	2,641.19
Duti Eksport	2,056.42	0.91	2,057.33
Levi Kenderaan	89.72	-	89.72
Levi Keuntungan L/B	14.13	-	14.13
Levi Pelepasan	1,949.85	0.35	1,950.20
JUMLAH DUTI KASTAM	16,830.39	176.44	17,006.83
Cukai Pelancongan	(0.40)	1.57	1.17
SST 1.0	4.30	5.46	9.76
JUMLAH KESELURUHAN	42,029.60	473.19	42,502.79

Jadual 5 : Pecahan Pungutan Aktiviti Semasa dan hasil dari BOD tahun sebelumnya pada tahun 2021

Secara keseluruhan, pungutan hasil telah disumbangkan oleh aktiviti ekonomi tahun semasa. Akan tetapi, terdapat hasil yang terbocor yang telah berjaya dipungut semula oleh Jabatan. Terdapat sebanyak RM473.19 Juta telah berjaya dipungut semula oleh jabatan menerusi Unit Akaun Belum Terima (Unit ABT) Bahagian Penguatkuasaan. Pungutan ini menyumbang 1.11% daripada hasil tahunan Jabatan. Unit ABT telah berjaya mengutip RM295.18 Juta dari aktiviti Cukai Dalam Negeri atau 62.38% daripada kutipan, manakala 37.62% atau RM178.01 juta daripada aktiviti Bahagian Perkastaman.

Prestasi Pungutan Hasil Bersih Zon/Negeri

Prestasi pungutan hasil bersih mengikut zon/negeri adalah seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah:

NEGERI	PUNGUTAN	UNJURAN	SUMBANGAN KEATAS HASIL
	(RM JUTA)		(%)
UNIT I (WPKL)	14,314.28	14,078.92	33.68
UNIT II (SELANGOR)	12,083.17	11,369.27	28.43
JOHOR	2,964.65	2,848.26	6.98
UNIT III (KLIA)	2,564.32	2,594.21	6.03
SARAWAK	1,616.29	1,206.37	3.80
PULAU PINANG	1,419.14	1,518.53	3.34
SABAH	1,255.97	1,153.05	2.96
KEDAH	1,107.79	1,086.45	2.61
NEGERI SEMBILAN	1,018.69	1,185.55	2.40
MELAKA	928.31	1,049.36	2.18
PAHANG	915.69	800.23	2.15
PERAK	911.66	853.97	2.14
IBU PEJABAT	800.48	635.00	1.88
TERENGGANU	199.20	236.61	0.47
WP LABUAN	176.51	209.98	0.42
KELANTAN	128.69	103.26	0.30
PERLIS	97.95	74.01	0.23
JUMLAH KESELURUHAN	42,502.79	41,000.00	100.00

Jadual 6: Prestasi Pungutan Zon / Negeri

ZON	PUNGUTAN	UNJURAN	SUMBANGAN KEATAS HASIL
	(RM JUTA)		(%)
TENGAH	28,961.77	28,042.39	68.14
SABAH	1,432.48	1,363.02	3.37

Pada keseluruhannya, kesemua negeri menunjukkan prestasi yang baik iaitu sekurang-kurangnya melebihi 90.00 % daripada unjuran yang telah ditetapkan. Zon Tengah merupakan penyumbang utama kepada pungutan hasil JKDM. Sebanyak RM 28.961 bilion telah dipungut di Zon Tengah iaitu mewakili 68.14% daripada jumlah pungutan keseluruhan. Diikuti oleh Johor, Sarawak, Pulau Pinang, Zon Sabah dan Kedah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, prestasi pungutan JKDM pada tahun 2021 adalah amat cemerlang dalam persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu dan mencabar. Sasaran asal sebanyak RM40.184 bilion telah berjaya dicapai dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu dan banyak industri terjejas teruk. Industri pelancongan dan pengangkutan udara terganggu bahkan terhenti beberapa kali akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Peningkatan hasil mencatatkan peningkatan pada separuh tahun kedua apabila kerajaan mengumumkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada suku tahun terakhir tahun 2021.

Walaupun sasaran telah diubah, JKDM masih mampu mencapai sasaran tersebut malah memungut lebih tinggi dari sasaran iaitu sebanyak RM42.481 bilion iaitu pencapaian 3.61%. Kejayaan ini adalah hasil kerja keras dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua warga JKDM, daripada Pengurusan Tertinggi Jabatan hingga ke anggota bawahan.

Namun demikian, usaha-usaha untuk meningkatkan hasil dan mencegah ketirisan hasil hendaklah diteruskan dan dipergiatkan lagi bagi memastikan unjuran yang ditetapkan pada tahun 2021 dapat dicapai. Setiap ruang dan peluang yang ada, yang membolehkan berlakunya kebocoran hasil hendaklah disekat dari berlaku bagi memastikan hasil negara dapat dikutip demi kemakmuran bersama, selaras dengan slogan baru JKDM pada tahun 2021 iaitu; **'BERKHIDMAT MEMAKMURKAN NEGARA'**.



Laporan Unit Pungutan

Aktiviti-aktiviti sepanjang Tahun 2021

1. Memperkemaskan Sistem Pungutan Hasil untuk memastikan keselamatan kutipan hasil kerajaan adalah terjamin serta diakaunkan mengikut Arahan Perbendaharaan.

2. Memperbaharui Perjanjian-perjanjian sedia ada seperti berikut:

2.1 Menyediakan draf Perjanjian Antara Kerajaan Malaysia: Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan RHB Islamic Bank Berhad bagi:

- i. Perjanjian Pengendalian Akaun Pungutan dan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Semenanjung.
- ii. Perjanjian Perlanjutan Perjanjian Pengendalian Akaun Pungutan dan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Pusat Pemprosesan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Kelana Jaya
- iii. Perjanjian Perlanjutan – *GST Payment Agreement (Over The Counter & Bank's Portal)*
- iv. Perjanjian Perlanjutan Perjanjian - *GST Acquiring Bank*
- v. Perjanjian Kutipan Hasil Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan melalui portal MySST (Kaedah FPX)
- vi. Perjanjian Kutipan Hasil Cukai Pelancongan Melalui Portal Cukai Pelancongan (Kaedah FPX)
- vii. Perjanjian Kutipan Hasil Duti/Cukai Kastam melalui Sistem Cukai Perkhidmatan ke atas Perkhidmatan Digital (MySToDS)
- viii. Perjanjian Kutipan Hasil Duti/Cukai Kastam melalui Sistem Levi Pelepasan (MyDLv)
- ix. Perjanjian Kutipan Hasil Duti Kastam/GST melalui *System Authorized Economic Operator (AEO)*

2.2 Menyediakan *draft Agreement Between Goverment of Malaysia Pos Malaysia Berhad*

2.3 Menyediakan *draft eCard Acceptance Agreement* Jabatan Kastam Diraja Malaysia and RHB Bank Berhad.

3. Memantau laporan PC-Pos yang dihantar oleh 129 PTJ Pemungut JKDM secara bulanan.

4. Mengadakan Lawatan Naziran ke PTJ JKDM Kuantan, Temerloh dan Bentong pada 25 hingga 27 Oktober 2021 semasa Naziran Bersepadu bersama Bahagian Perkastaman dan CDN.

5. Perluasan *ePayment*

- i. Kementerian Kewangan Malaysia dengan kerjasama Syarikat Payment Networks Malaysia Sdn Bhd (Paynet) akan melaksanakan Kempen Pembayaran Tanpa Tunai mulai 1 November 2020 hingga 30 April 2021 (Pelanjutan sehingga 30 Jun 2021). Kempen ini diadakan adalah untuk melancarkan migrasi agensi Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan ke arah pembayaran 100% tanpa tunai dan melengkapkan ekosistem tanpa tunai di agensi Kerajaan sekaligus membantu meningkatkan peratusan jumlah kutipan.

ii. Hasil Mesyuarat Prestasi Hasil dan Strategi Meningkatkan Hasil Bil 3/2021 pada 15 Julai 2021. YBhg. Dato' Sri Ketua Pengarah Kastam telah menetapkan Pembayaran Duti Penumpang menggunakan kad kredit / debit di Lapangan Terbang Antarabangsa berkuat kuasa serta merta (mandatori). Lapangan Terbang Antarabangsa yang terlibat adalah:

- a. LTA KLIA
- b. LTA KLIA 2
- c. LTA Senai, Johor
- d. LTA Pulau Pinang
- e. LTA Langkawi, Kedah
- f. LTA Kuching, Sarawak
- g. LTA Kota Kinabalu, Sabah

iii. Perluasan pemasangan Terminal kad bagi pembayaran Duti Penumpang dan Duti import / eksport di PTJ yang terlibat.



IMPORT / EKSPORT		
BIL	NEGERI	LOKASI PEMASANGAN
1	WP LABUAN	Wisma Kastam Labuan
2		Asian Supply Base
3		Wisma CDN Ayer Keroh
4		ZBP Batu Berendam
5		Stesen Tanjung Brusas
6		Stesen Kuala Linggi
7	TERENGGANU	Kuala Terengganu
8		Kemaman
9	PULAU PINANG	Unit Pelabuhan Pulau Pinang
10		Pelabuhan Selatan Bagan Dalam
11		JKDM CDN Seberang Jaya
12		JKDM Caw Import/ Eksport Nbct
13		Jkdm Zon Perindustrian Bebas Pulau Pinang
14		JKDM Kom.Kargo Udara Kedua (MAB)
15		JKDM Penggudangan S.Perai
16		Lta Pulau Pinang
17	KEDAH	Tanjung Lembung
18		Alor Setar
19		Bukit Kayu Hitam
20	KELANTAN	Bukit Bunga
21		Pengkalan Kubor
22		Rantau Panjang
23	PERLIS	Padang Besar
24		Kuala Perlis

6. Pelaksanaan ePayment

6.1 Pencapaian JKDM bagi tahun 2021 adalah seperti di bawah, selaras dengan Pelan Tindakan Strategik 2020-2024 dan KPI yang ditetapkan sebanyak 65%

BULAN	JUMLAH TRANSAKSI	UNJURAN JUMLAH TRANSAKSI ePAYMENT (RM)	Peratusan (%)
JAN	331,363	2,384,962,618.42	52.19
FEB	286,290	1,065,656,696.76	51.37
MAC	382,548	2,540,381,417.46	52.95
APRIL	361,640	1,776,289,487.77	52.99
MEI	337,143	2,635,574,834.02	55.17
JUN	212,657	824,595,974.14	42.93
JUL	233,078	1,999,380,935.52	46.62
OGOS	242,590	1,401,365,197.29	47.39
SEPT	343,859	2,237,400,983.45	54.02
OKT	360,419	1,264,781,606.13	55.94
NOV	390,866	2,974,401,429.52	55.44
DIS	403,742	1,392,033,059.00	57.06
JUMLAH	3,886,195	22,496,824,239.48	52.45

Jadual 7: Pencapaian pelaksanaan ePayment JKDM

6.2 Statistik Pembayaran Januari Hingga Disember 2021

BULAN	ONLINE	MANUAL	JUMLAH	PERATUSAN (%)	
				ONLINE	MANUAL
JAN	292,065	297,744	589,809	49.52	50.48
FEB	273,733	264,529	538,262	50.85	49.15
MAC	339,661	332,543	672,204	50.53	49.47
APRIL	349,405	316,485	665,890	52.47	47.53
MEI	295,661	269,360	565,021	52.33	47.67
JUN	202,063	277,677	479,740	42.12	57.88
JUL	197,521	262,793	460,314	42.91	57.09
OGOS	221,210	265,007	486,217	45.50	54.50
SEPT	304,612	287,917	592,529	51.41	48.59
OKT	348,543	280,203	628,746	55.43	44.57
NOV	347,202	308,880	656,082	52.92	47.08
DIS	391,062	299,973	691,035	56.59	43.41
JUMLAH	3,562,738	3,463,111	7,025,849	50.71	49.29

Jadual 8: Pembayaran Melalui SMK

BULAN	ONLINE	MANUAL	JUMLAH	PERATUSAN (%)	
				ONLINE	MANUAL
JAN	1,037	1,357	2,394	43.32	56.68
FEB	918	1,009	1,927	47.64	52.36
MAC	1,513	1,277	2,790	54.23	45.77
APRIL	1,587	1,389	2,976	53.33	46.67
MEI	1,642	912	2,554	64.29	35.71
JUN	1,455	1,052	2,507	58.04	41.96
JUL	1,520	867	2,387	63.68	36.32
AUG	3,192	1,176	4,368	73.08	26.92
SEPT	1,189	758	1,947	61.07	38.93
OKT	1,368	670	2,038	67.12	32.88
NOV	1,327	798	2,125	62.45	37.55
DIS	1,344	824	2,168	61.99	38.01
JUMLAH	18,092	12,089	30,181	59.94	40.06

Jadual 9: Pembayaran Melalui GST

BULAN	ONLINE	MANUAL	JUMLAH	PERATUSAN (%)	
				ONLINE	MANUAL
JAN	159	43	202	78.71	21.29
FEB	97	36	133	72.93	27.07
MAC	66	9	75	88.00	12.00
APRIL	156	14	170	91.76	8.24
MEI	47	4	51	92.16	7.84
JUN	23	0	23	100.00	0.00
JUL	52	13	65	80.00	20.00
AUG	27	7	34	79.41	20.59
SEPT	29	10	39	74.36	25.64
OKT	87	14	101	86.14	13.86
NOV	85	58	143	59.44	40.56
DIS	40	47	87	45.98	54.02
JUMLAH	868	255	1,123	77.29	22.71

Jadual 10: Pembayaran Melalui TTx

BULAN	ONLINE	MANUAL	JUMLAH	PERATUSAN (%)	
				ONLINE	MANUAL
JAN	37,916	4,460	42,376	89.48	10.52
FEB	11,413	5,431	16,844	67.76	32.24
MAC	41,224	6,074	47,298	87.16	12.84
APRIL	10,268	2,926	13,194	77.82	22.18
MEI	39,695	3,669	43,364	91.54	8.46
JUN	9,044	3,922	12,966	69.75	30.25
JUL	33,785	3,209	36,994	91.33	8.67
OGOS	18,066	3,120	21,186	85.27	14.73
SEPT	37,962	4,037	41,999	90.39	9.61
OKT	10,241	2,966	13,207	77.54	22.46
NOV	42,144	4,390	46,534	90.57	9.43
DIS	11,183	3,000	14,183	78.85	21.15
JUMLAH	302,941	47,204	350,145	86.52	13.48

Jadual 11: Pembayaran Melalui SST

BULAN	ONLINE	PERATUSAN (%)
		ONLINE
JAN	32	100
FEB	44	100
MAC	39	100
APRIL	47	100
MEI	33	100
JUN	35	100
JUL	39	100
OGOS	35	100
SEPT	37	100
OKT	39	100
NOV	37	100
DIS	42	100
JUMLAH	459	100

Jadual 12: Pembayaran Melalui MyDLv

BULAN	ONLINE	PERATUSAN (%)
		ONLINE
JAN	154	100
FEB	85	100
MAC	45	100
APRIL	177	100
MEI	65	100
JUN	37	100
JUL	161	100
OGOS	60	100
SEPT	30	100
OKT	141	100
NOV	71	100
DIS	71	100
JUMLAH	1,097	100

Jadual 13: Pembayaran Melalui MySToDS

Laporan Unit Tuntutan

1. Unit Tuntutan bertanggungjawab terhadap empat (4) tugas utama iaitu:

1.1. Perluasan pemasangan Terminal kad bagi pembayaran Duti Penumpang dan Duti import / eksport di PTJ yang terlibat.

1.2. Membuat pelarasan ke atas tuntutan subsidi produk petroleum yang diluluskan di peringkat JKDM Zon / Negeri / Stesen.

1.3. Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Di Bawah Maksud T.12 (Tanggungan Perbendaharaan).

1.4. Memantau fail-fail tuntutan yang diproses di negeri-negeri di samping membantu menyelesaikan isu-isu yang timbul berkaitan fail-fail permohonan tuntutan pulang balik dan pembayaran balik.

2. Sepanjang tahun 2021, aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

2.1. Merancang penambahbaikan **Perintah Tetap Perkhidmatan Teknik Bil. 8**: Tatacara Pemprosesan Dan Pelaksanaan Pembayaran Balik (*Refund*) / Pulang balik (*Drawback*).

2.2. Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2022 Di Bawah Maksud T.12 (Tanggungan Perbendaharaan). Surat dengan rujukan nombor KE.HT (98)769/11-2 Jld. 6 (18) bertarikh 23 April 2021 telah dihantar kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia bagi tujuan serahan Anggaran Perbelanjaan ini.

2.3. Mengadakan perbincangan berkala secara maya/fizikal bersama CPH negeri untuk membincangkan status terkini fail-fail pulang balik / bayar balik yang diproses.

2.4. Perbincangan secara fizikal/maya bersama syarikat minyak telah diadakan bagi tujuan pelarasan subsidi ke atas produk petroleum.



3. Penyediaan Laporan Rayuan Pembayaran Balik/Pulang balik kepada Kementerian Kewangan:

3.1. Unit Tuntutan telah menerima sebanyak 33 permohonan maklumbalas dan ulasan rayuan tuntutan pembayaran balik / pulang balik dari Kementerian Kewangan bagi tahun 2021. Kesemua 33 permohonan yang diterima telah berjaya diselesaikan. Pecahan fail yang diterima adalah seperti di bawah:-

Status Maklum balas / Ulasan Permohonan Tuntutan Rayuan Pembayaran Balik / Pulang Balik Duti / Cukai Kastam Kepada Kementerian Kewangan Sehingga 30 Disember 2021

MANUAL	JUMLAH MAKLUM BALAS / ULASAN DITERIMA	STATUS KESELURUHAN		PERATUS SELESAI (%)
		MAKLUM BALAS / ULASAN SELESAI	MANUAL	
2021	33	33	-	100%
JUMLAH	33	33	-	100%

4. Subsidi Petroleum


- 4.1 Kerajaan telah bersetuju untuk membayar subsidi ke atas harga runcit semasa produk Diesel / Petrol / LPG yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat pembekal mengikut kelulusan yang diberi oleh Perbendaharaan. Tujuan kerajaan membayar subsidi adalah untuk mengekalkan harga runcit semasa produk diesel/Petrol/LPG pada harga kawalan.
- 4.2 Kadar subsidi ini adalah ditetapkan berdasarkan kepada Formula Automatic Pricing Mechanism (APM). Penentuan kadar ini diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan (MOF) untuk bayaran.
- 4.3 Untuk melaksanakan proses verifikasi tuntutan subsidi produk petroleum, JKDM Zon / Negeri / Stesen diberi kuasa untuk meluluskan tuntutan subsidi produk petroleum yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat petroleum yang terdapat dalam Kawasan Pentadbiran Zon / Negeri / Stesen masing-masing.
- 4.4 Proses permohonan subsidi petroleum adalah bermula di Zon / Negeri / Stesen, syarikat perlu mengemukakan dan menghantar permohonan ke Zon / Negeri / Stesen sebelum atau pada 20 haribulan bulan berikutnya. Setelah permohonan diluluskan oleh Pengarah Kastam Negeri (PKN) / Pengarah Operasi Zon (POZ) maka hanya penyata sahaja yang perlu dikemukakan ke Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik, Ibu Pejabat bagi tujuan pelarasian. Pembayaran dibuat oleh Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan (MOF).

- 4.4 Pelarasan Subsidi akan dibuat di Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik, Ibu Pejabat. Proses kerja adalah seperti berikut:
- 4.5.1 Stesen akan mengemukakan penyata berpandukan kepada Surat Pekeliling CPH Bil.1/2019 bagi tujuan pelarasan. Pegawai Unit Tuntutan akan merekod dalam format yang disediakan untuk setiap pelarasan yang dibuat.
 - 4.5.2 Pelarasan hanya boleh dilakukan setelah mendapat baucer bayaran daripada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan (MOF). Setelah baucer diterima, satu perbincangan akan diadakan dengan pihak syarikat bagi tujuan pelarasan sekiranya terdapat kuiri atau jumlah tuntutan syarikat tidak sama dengan jumlah bayaran yang dibuat.
 - 4.5.3 Baucer bayaran yang diterima daripada Bahagian Cukai adalah jumlah keseluruhan tuntutan Syarikat Petroleum bagi satu (1) bulan dan hanya diasingkan mengikut tiga (3) produk iaitu Diesel, Petrol dan LPG.
 - 4.5.4 Menjadi tanggungjawab pegawai di Unit Tuntutan untuk mengumpul semua jumlah tuntutan syarikat yang dikemukakan ke stesen di mana syarikat petroleum mempunyai loji pengisian (*bottling plant*) atau stor simpanan milik syarikat pihak ketiga (depoh pusat jualan).
- 4.6 Pelarasan bagi produk diesel perlu mengikut kuota yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), sekiranya terdapat lebihan kuota, syarikat perlu memohon lebihan kouta tersebut ke KPDNHEP dan memohon kelulusan PKN / POZ Zon / Negeri / Stesen. Jumlah yang diterima daripada stesen akan ditambah dengan jumlah *Skid Tank* yang diluluskan (proses oleh KPDNHEP), amanun jumlah *skid tank* yang diluluskan ini juga boleh diperolehi daripada pihak syarikat. Surat lebihan atau perubahan kuota daripada KPDNHEP hanya boleh diperolehi selepas tempoh dua bulan atau lebih. Selain itu, terdapat lebihan bayaran bagi produk diesel yang perlu diselaraskan dengan jumlah bayaran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan.
- 4.7 Pelarasan bagi produk LPG adalah berdasarkan kepada jumlah tuntutan syarikat dan jumlah kelulusan PKN / POZ sahaja.
- 4.8 Kuiri perlu dibuat kepada syarikat sekiranya jumlah tuntutan dan kelulusan oleh PKN / POZ tidak sama. Pada masa yang sama kuiri juga perlu dibuat ke stesen/negeri jika jumlah tuntutan yang dibuat oleh syarikat tidak sama dengan jumlah kelulusan yang diberi oleh PKN / POZ didapati tidak sama.
- 4.9 Sepanjang tahun 2021 sebanyak 10 perbincangan secara fizikal / maya bersama syarikat minyak telah diadakan bagi tujuan pelarasan subsidi ke atas produk petroleum. Selain itu, bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan tuntutan subsidi barang petroleum pihak syarikat juga telah dihubungi melalui email dan telefon bagi tujuan pelarasan.
- 4.10 Jumlah syarikat minyak yang membuat permohonan adalah sebanyak 13 syarikat dan jumlah pelarasan untuk setiap depoh yang terlibat adalah seperti berikut:

Bilangan Syarikat

BIL	NAMA SYARIKAT	DEPOH
1	Petronas Dagangan Berhad	17
2	Shell (M) Trading Sdn Bhd	8
3	Shell Timur Sdn Bhd	7
4	Petron (M) Refining & Marketing Sdn Bhd	8
5	Petron Fuel International Sdn Bhd	7
6	Petron Oil Sdn Bhd	5
7	Boustead Petroleum (M) Sdn Bhd	9
8	Chevron Limited	5
9	Chevron Sdn Bhd	1
10	My Gaz Sdn Bhd	6
11	NGC Energy Sdn Bhd	5
12	Solar Gaz Sdn Bhd	6
13	PETROSniaga Sdn. Bhd.	1
JUMLAH		85

4.12 Penyata yang diterima adalah daripada 14 stesen Kastam seluruh negeri seperti berikut:



4.13 Pecahan depoh syarikat minyak berdasarkan Negeri di Malaysia yang melibatkan 154 produk petroleum adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Nama Syarikat	Depoh	Produk Mengikut Syarikat			Jumlah
				Diesel	Ron 95	LPG	
1	NEGERI SEMBILAN (PORT DICKSON)	Shell (M) Trading	1	1	1	1	3
		Petron Fuel		1	1	0	2
		Petron (M) Refining		1	1	1	3
		NGC Energy		0	0	1	1
Jumlah		4		3	3	3	9
2	MELAKA	Petronas Dagangan Bhd	1	1	1	1	3
Jumlah		1		1	1	1	3
3	KLIA	Petronas Dagangan Bhd	1	1	1	0	2
		Petron Fuel		1	1	0	2
		Petron (M) Refining		1	1	0	2
		Shell (M) Trading		1	1	0	2
JUMLAH		4		4	4	0	8
4	KELANTAN (BACHOK)	Boustead Petroleum Sdn Bhd	1	0	0	1	1
		My Gaz		0	0	1	1
		Solar Gaz		0	0	1	1
		Petron (M) Refining		0	0	1	1
		NGC Energy		0	0	1	1
JUMLAH		5		0	0	5	5
5	KEDAH (BUKIT KAYU HITAM)	Boustead Petroleum Sdn Bhd	2	0	0	1	1
	KEDAH (LANGKAWI)	Petronas Dagangan Bhd		1	1	0	2
		Shell (M) Trading		1	1	0	2
JUMLAH		3		2	2	1	5
6	PULAU PINANG (PRAI)	Boustead Petroleum Sdn Bhd	2	1	1	1	3
		Chewon Limited		1	1	0	2
		Chewon Sdn Bhd		0	0	1	1
		NGC Energy		0	0	1	1
		Petronas Dagangan Bhd		1	1	1	3
7	PULAU PINANG (BAGAN LUAR)	Petron Fuel		1	1	0	2
		Petron (M) Refining		1	1	0	2
		Shell (M) Trading		1	1	1	3
		Solar Gas		0	0	1	1
JUMLAH		9		2	2	1	5

Bil.	Negeri	Nama Syarikat	Depoh	Produk Mengikut Syarikat			Jumlah
				Diesel	Ron 95	LPG	
8	JOHOR (PASIR GUDANG)	Boustead Petroleum Sdn Bhd	1	1	1	1	3
		Chewon Limited		1	1	0	2
		Chewon Sdn Bhd		1	0	0	1
		NGC Energy		0	0	1	1
		Petronas Dagangan Bhd		1	1	1	3
		Petron Fuel		1	1	0	2
		Petron (M) Refining		1	1	1	3
		Shell (M) Trading		1	1	0	2
		Solar Gas		0	0	1	1
JUMLAH		9					
9	PAHANG (KUANTAN)	Boustead Petroleum Sdn Bhd	1	1	1	0	2
		Petronas Dagangan Bhd		1	1	0	2
		Chewon Limited		1	1	0	2
		Petron Fuel		1	1	0	2
		Petron (M) Refining		1	1	0	2
		Shell (M) Trading		1	1	0	2
JUMLAH		6		6	6	0	12
10	PERAK (LUMUT)	Boustead Petroleum Sdn Bhd	1	1	1	0	2
		Petronas Dagangan Bhd		1	1	0	2
		NGC Energy		0	0	1	1
	PERAK (IPOH)	Petron (M) Refining		0	0	1	1
		Boustead Petroleum Sdn Bhd		0	0	1	1
		Solar Gaz		0	0	1	1
JUMLAH		6		2	2	4	8
11	SABAH (KOTA KINABALU)	Petronas Dagangan Bhd	3	1	1	1	3
		Petron Oil Sdn Bhd		1	1	0	2
		Shell Timur		1	1	0	2
		My Gaz		0	0	1	1
	SABAH (SANDAKAN)	Petronas Dagangan Bhd		1	1	0	2
		Petron Oil Sdn Bhd		1	1	0	2
		Shell Timur		1	1	0	2
	SABAH (TAWAU)	Petronas Dagangan Bhd		1	1	1	3
		Petron Oil Sdn Bhd		1	1	0	2
		Shell Timur		1	1	0	2
		My Gaz		0	0	1	1
JUMLAH		11		9	9	4	22

Bil.	Negeri	Nama Syarikat	Depoh	Produk Mengikut Syarikat			Jumlah	
				Diesel	Ron 95	LPG		
12	SARAWAK (KUCHING)	Petronas Dagangan Bhd	4	1	1	1	3	
		Petron Oil Sdn Bhd		1	1	0	2	
		Shell Timur		1	1	0	2	
		My Gaz		0	0	1	1	
		PETROSNIaga Sdn Bhd		0	0	1	1	
	SARAWAK (SIBU / SARIKEI)	Petronas Dagangan Bhd		1	1	0	2	
		Petron Oil Sdn Bhd		1	1	0	2	
		Shell Timur		1	1	0	2	
	SARAWAK (BINTULU)	Petronas Dagangan Bhd		1	1	1	3	
		Shell Timur		1	1	0	2	
	SARAWAK (MIRI)	Petronas Dagangan Bhd		1	0	0	1	
JUMLAH				9	8	4	21	
13	WP LABUAN	Petronas Dagangan Bhd	1	1	1	0	2	
		Shell Timur		1	1	0	2	
JUMLAH				2	2	0	4	
14	SELANGOR (PORT KLANG)	Boustead Petroleum Sdn Bhd	2	1	1	1	3	
		Chevron Limited		1	1	0	2	
		My Gaz		0	0	1	1	
		Shell (M) Trading		1	1	0	2	
		Petron Fuel		1	0	0	1	
		Solar Gaz		0	0	1	1	
		Petron (M) Refining		1	0	1	2	
	SELANGOR (BERANANG)	Solar Gaz		0	0	1	1	
JUMLAH				5	3	5	13	
15	TERENGGANU (KERTEH)	Petronas Dagangan Bhd	1	1	1	1	3	
JUMLAH				1	1	1	3	
16	LKM	Boustead Petroleum Sdn Bhd	1	0	1	0	1	
		Chevron Limited		0	1	0	1	
		Petronas Dagangan Bhd		0	1	0	1	
		Petron Fuel		0	1	0	1	
		Shell (M) Trading		0	1	0	1	
JUMLAH				0	5	0	5	
JUMLAH KESELURUHAN			24	57	58	39	154	

Laporan Unit Terimaan dan Bayaran

Unit Terimaan Dan Bayaran bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas berkaitan pentadbiran PTJ, terimaan hasil, bayaran, agihan waran peruntukan kepada PTJ-PTJ berkaitan dan juga urus setia kepada Kumpulan Wang Amanah (KWA) Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) Untuk Rokok Dan Minuman Keras.

Aktiviti-Aktiviti Unit Berkaitan Dengan Terimaan Hasil

Peruntukan akta membenarkan pembayaran balik GST kepada syarikat dikontrakkan dengan hutang-hutang syarikat terlebih dahulu sebelum pembayaran dibuat. Prosedur ini dikenali sebagai *GST Offsetting*. Untuk tahun 2021 sebanyak **RM3,802,705.92** pembayaran balik GST telah dikontrakkan dengan hutang-hutang syarikat. Sebanyak **RM3,511,893.08** telah diperakaunkan ke kod hasil yang berkaitan manakala **RM290,812.84** telah diperakaunkan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Pecahan terimaan mengikut bulan adalah seperti jadual di bawah:

BULAN	AMAUN (RM)	TERIMAAN DIPERAKAUNKAN KE	
		HASIL (RM)	KUMPULAN WANG PEMBAYARAN BALIK GST (RM)
JANUARI	146,187.20	-	146,187.20
FEBRUARI	-	-	-
MAC	404,860.76	267,567.17	137,293.59
APRIL	227,076.54	227,076.54	-
MEI	209,234.11	209,234.10	0.01
JUN	703,792.75	703,792.75	-
JULAI	297,687.37	290,825.97	6,861.40
OGOS	1,809,020.80	1,808,550.16	470.64
SEPTEMBER	4,846.39	4,846.39	-
OKTOBER	-	-	-
NOVEMBER	-	-	-
DISEMBER	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	3,802,705.92	3,511,893.08	290,812.84

Unit Terimaan Dan Bayaran bertanggungjawab untuk menerima dan mengakaunkan bayaran Fi Ketetapan Kastam. Kaedah pembayaran Fi Ketetapan Kastam adalah secara bank draf dan kad debit yang diterima di kaunter bayaran Cawangan Perakaunan Hasil. Berikut adalah jumlah terimaan Fi Ketetapan Kastam mengikut kaedah pembayaran bagi tahun 2021.

BULAN	AMAUN (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN	
		BANK DRAF	KAD DEBIT
		(RM)	(RM)
JANUARI	6,600.00	5,800.00	800.00
FEBRUARI	2,800.00	2,400.00	400.00
MAC	26,000.00	8,000.00	18,000.00
APRIL	19,800.00	2,000.00	17,800.00
MEI	15,550.00	5,400.00	10,150.00
JUN	5,600.00	400.00	5,200.00
JULAI	2,400.00	800.00	1,600.00
OGOS	12,200.00	1,400.00	10,800.00
SEPTEMBER	21,000.00	3,000.00	18,000.00
OKTOBER	21,800.00	7,600.00	14,200.00
NOVEMBER	17,600.00	2,800.00	14,800.00
DISEMBER	22,800.00	3,800.00	19,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	174,150.00	43,400.00	130,750.00

Unit Terimaan Dan Bayaran telah diberi tanggungjawab untuk mengakaunkan kutipan levi pelepasan dan mengemas kini pembayaran EFT (*electronic funds transfer*) di sistem MyDLv. Berikut adalah jumlah terimaan yang diperakaunkan di sistem iGFMAS mengikut Kod Hasil Persekutuan bagi tahun 2021.

BULAN	TERIMAAN MENGIKUT KOD HASIL				JUMLAH KESELURUHAN (RM)
	ASEAN H0162706 (RM)	BUKAN ASEAN H0162707 (RM)	PENALTI & KOMPAUN H0176130 (RM)	TERIMAAN YANG LAIN H0182599 (RM)	
JANUARI	53,106.00	526,070.00	-	-	579,176.00
FEBRUARI	124,604.00	831,037.00	3,377.60	-	959,018.60
MAC	123,808.00	978,300.00	-	-	1,102,108.00
APRIL	288,804.00	996,373.00	25,042.80	-	1,310,219.80
MEI	275,580.00	861,100.00	-	-	1,136,680.00
JUN	91,518.00	756,570.00	3,171.00	-	851,259.00
JULAI	165,174.00	846,470.00	3,226.00	-	1,014,870.00
OGOS	114,386.00	908,630.00	1,822.80	-	1,024,838.80
SEPTEMBER	131,062.00	1,085,760.00	2,620.00	-	1,219,442.00
OKTOBER	157,738.00	1,172,370.00	10,510.00	-	1,340,618.00
NOVEMBER	150,172.00	1,382,250.00	81.00	-	1,532,503.00
DISEMBER	410,782.00	1,796,180.00	30,375.20		2,237,337.20
JUMLAH KESELURUHAN	2,086,734.00	12,141,110.00	80,226.40		14,308,070.40

Aktiviti-Aktiviti Unit Berkaitan Dengan Bayaran

Jabatan Kastam Diraja Malaysia dipertanggungjawabkan untuk menerima bayaran ses getah bagi pihak agensi RISDA dan Lembaga Getah Malaysia. Terimaan bagi bayaran di kaunter akan terus dikreditkan ke akaun agensi, manakala terimaan bagi bayaran secara atas talian (*online*), JKDM akan membuat pindahan dana secara EFT (*electronic funds transfer*) setiap bulan kepada agensi. Untuk tahun 2021, sebanyak **RM86,682,707.32** telah dibayar kepada agensi. Berikut adalah jumlah pembayaran secara terperinci yang dibuat oleh Unit Terimaan Dan Bayaran kepada agensi bagi tahun 2021 mengikut bulan.

BULAN	RISDA (RM)	LGM (RM)	LGM - SES IPG (RM)	JUMLAH (RM)
JANUARI	1,578,448.11	1,052,455.64	3,650,101.98	6,281,005.73
FEBRUARI	1,187,188.62	1,110,320.98	4,344,343.45	6,641,853.05
MAC	2,013,284.77	1,469,716.50	5,814,848.63	9,297,849.90
ARPIL	1,888,779.91	1,513,117.92	6,584,032.98	9,985,930.81
MEI	1,874,892.50	1,526,701.19	5,389,269.11	8,790,862.80
JUN	1,738,003.81	1,319,654.35	4,640,530.99	7,698,189.15
JULAI	1,018,753.82	1,008,540.13	4,453,164.30	6,480,458.25
OGOS	2,133,315.36	1,435,409.41	3,330,479.78	6,899,204.55
SEPTEMBER	2,427,327.71	1,686,501.94	2,526,755.10	6,640,584.75
OKTOBER	2,135,118.27	1,371,370.43	2,723,850.55	6,230,339.25
NOVEMBER	2,155,133.44	1,359,357.71	2,079,888.98	5,594,380.13
DISEMBER	2,464,352.84	1,497,557.46	2,180,138.65	6,142,048.95
JUMLAH KESELURUHAN	22,614,599.16	16,350,703.66	47,717,404.50	86,682,707.32

Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2019 - Tatacara Pengurusan Terimaan, bank yang dilantik untuk terimaan kad kredit dan kad debit hendaklah mengemukakan invoice caj perkhidmatan kad tersebut kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menerima kutipan melalui kad kredit dan kad debit. Pihak pengurusan telah bersetuju agar pembayaran caj perkhidmatan tersebut dipusatkan di Ibu Pejabat yang mana Unit Terimaan Dan Bayaran bertanggungjawab untuk membuat pembayaran invoice tersebut bagi pihak PTJ-PTJ terlibat. Jumlah caj perkhidmatan yang telah dibayar kepada pihak bank bagi tahun 2021 adalah berjumlah **RM1,646.26**.

Aktiviti-Aktiviti Unit Berkaitan Waran Peruntukan Di Bawah Maksud T12 - Bayaran Balik Cukai Kastam

Perbadanan Malaysia telah meluluskan Peruntukan Maksud Tanggungan 12 (T.12) - Perbadanan (040100 - Bayaran Balik Cukai Kastam) tahun 2021 berjumlah **RM354 juta** iaitu berkurang sebanyak **RM46 juta** berbanding peruntukan yang diluluskan tahun 2020. Perbadanan Malaysia telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM338 juta** sahaja dari peruntukan yang diluluskan tahun 2021 kepada JKDM. Jadual di bawah menunjukkan agihan peruntukan dan prestasi bayaran tuntutan Pulang Balik Duti / Cukai Kastam bagi Ibu Pejabat dan negeri-negeri bagi tahun 2021.

BHG / NEGERI	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
Ibu Pejabat	4,815,095.36	3,087,531.94	1,727,563.42	64.12
GST	13,711,357.88	13,711,357.88	-	100.00
Kedah	4,254,430.55	4,254,430.55	-	100.00
Pulau Pinang	6,414,292.22	6,414,287.14	5.08	100.00
Perak	10,617,707.00	10,617,706.42	0.58	100.00
WPKL	115,164,662.00	115,164,661.64	0.36	100.00
KLIA	2,548,692.00	2,548,691.29	0.71	100.00
Selangor	89,140,282.00	89,140,281.82	0.18	100.00
Negeri Sembilan	15,455,876.31	15,448,045.96	7,830.35	99.95
Melaka	4,459,701.90	4,459,701.90	-	100.00
Johor	37,496,000.00	37,495,992.97	7.03	100.00
Pahang	28,369,636.15	28,369,636.15	-	100.00
Terengganu	1,381,535.24	1,381,533.51	1.73	100.00
Kelantan	371,074.97	371,074.97	-	100.00
Sabah	1,381,935.51	1,381,935.46	0.05	100.00
Labuan	85,400.69	85,400.69	-	100.00
Sarawak	1,940,638.51	1,940,633.82	4.69	100.00
Perlis	391,681.71	376,129.82	15,551.89	96.03
JUMLAH KESELURUHAN	338,000,000.00	336,249,033.93	1,750,966.07	99.48

Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan adalah **99.48%** di mana jumlah peruntukan yang dibelanjakan adalah **RM336,249,033.93** dan peruntukan yang tidak dibelanjakan pula adalah **RM1,750,966.07**. Prestasi perbelanjaan tahun 2021 adalah lebih baik berbanding tahun 2020.

Aktiviti-Aktiviti Unit Berkaitan Kumpulan Wang Amanah (KWA) Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) Untuk Rokok Dan Minuman Keras

Jadual di bawah menunjukkan kedudukan kewangan bagi Akaun Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) Untuk Rokok Dan Minuman Keras sehingga Disember 2021.

PERIHAL	(RM)
Baki Awal Januari 2021	40,837,386.77
(+) Terimaan Sehingga 31 Disember 2021	30,906,298.92
(-) Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2021	29,381,828.00
Baki Pada 31 Disember 2021	42,361,857.69
(-) Jumlah Pelaburan KWA	25,000,000.00
Baki Yang Boleh Dibelanja	17,361,857.69



CAWANGAN CUSTOMS VERIFICATION INITIATIVE AND PROFILING (CVIP)

Cawangan *Customs Verification Initiative and Profiling* (CVIP) berperanan sebagai pusat pengurusan risiko Jabatan yang membuat saringan ke atas semua aktiviti pelepasan dagangan dan tumpuan diberikan ke atas pelepasan dagangan import bagi mengelakkan ketirisan hasil. Saringan dibuat secara selektiviti melalui SMK pra-pelepasan.

Statistik Pelepasan Dagangan Melalui Verifikasi Ke Atas Borang K1 Pra-Pelepasan

Jumlah borang kastam 1 adalah sebanyak 5.4 juta. 4.2 juta (77.45%) borang import K1 diberikan pelepasan terus, 1.19 juta (21.89%) borang K1 dikenakan pemeriksaan dokumen dan 35,653 (0.66%) borang K1 dikenakan pemeriksaan fizikal. Tindakan ini adalah selaras matlamat Jabatan iaitu memberikan fasilitasi perdagangan dengan mengurangkan gangguan kepada pergerakan perdagangan dengan membuat kawalan mengikut *risk assessment*.

TAHUN	JUMLAH BORANG K1	BIL. PELEPASAN TERUS	BIL. PEMERIKSAAN DOKUMEN	BIL. PEMERIKSAAN FIZIKAL
2019	4,686,873 (100%)	3,606,294 (76.9%)	1,042,618 (22.2%)	30,755 (0.7%)
2020	4,991,504 (100%)	3,894,920 (78.03%)	1,047,120 (20.98%)	49,464 (0.99%)
2021	5,439,103 (100%)	4,212,756 (77.45%)	1,190,694 (21.89%)	35,653 (0.66%)

Jadual 1: Statistik Pelepasan Dagangan Melalui Verifikasi Ke Atas Borang K1 Pra-Pelepasan

Duti/Cukai Yang Diselamatkan Melalui Verifikasi Ke Atas Borang K1.

Jumlah hasil yang dapat diselamatkan dari aktiviti saringan Selektiviti CVIP Ibu Pejabat ke atas borang K1 pra pelepasan pada tahun 2021 adalah RM 161 juta. Manakala, verifikasi ke atas borang kastam dijalankan oleh CVIP negeri yang menyumbang hasil sebanyak RM52 juta. Yang mana keseluruhannya berjumlah RM 213.22 juta.

TAHUN	DUTI/CEKAI DISELAMATKAN (RM)
2019	105,765,782.05
2020	181,779,924
2021	213,228,323

Jadual 2: Duti/Cukai Yang Diselamatkan oleh CVIP

Bil. Syarikat Yang Berjaya Dikesan Berdasarkan Permohonan ABT Negeri

Sepanjang tahun 2021, melalui modul selektiviti Cawangan CVI telah berjaya membantu Cawangan ABT memungut cukai Akaun Belum Terima (ABT) melibatkan 651 buah syarikat dan perniagaan.

TAHUN	BILANGAN SYARIKAT YANG BERJAYA DIKESAN
2019	199
2020	121
2021	651

Jadual 3: Bilangan Syarikat Berjaya Dikesan

Rumusan

Pada keseluruhannya Cawangan CVIP telah berjaya melaksanakan fungsinya dalam mengawal pelepasan dagangan secara selektif dengan lancar. Peratusan selektiviti yang dilakukan ke atas borang kastam 1 adalah selaras dengan sasaran Pelan Strategik Jabatan ke arah meningkatkan fasilitasi dan kawalan ke atas pedagang-pedagang melalui pendekatan pengurusan risiko.



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

2021

BAB 6

BAHAGIAN

PENGUATKUASAAN

Bahagian Penguatkuasaan

Profil

Bahagian Penguatkuasaan bertanggungjawab dalam menangani kebocoran hasil melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi meningkatkan pungutan hasil serta memelihara ekonomi, keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Terdapat lima (5) cawangan di Bahagian Penguatkuasaan iaitu:

1. Cawangan Risikan
2. Cawangan Siasatan
3. Cawangan Pendakwaan, Penguatkuasaan Akaun Belum Terima (ABT) dan Rayuan
4. Cawangan Operasi, Marin dan Khidmat Sokongan
5. Cawangan Narkotik

Fungsi Umum

1. Menjalankan risikan.
2. Menjalankan operasi mencegah penyeludupan.
3. Menjalankan siasatan.
4. Menguruskan penyimpanan dan pelupusan barang rampasan secara efisyen.
5. Mengadakan kempen khidmat bakti masyarakat sebagai mekanisme memberi kesedaran kepada orang awam.
6. Melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan yang melibatkan kesalahan-kesalahan seperti di bawah *Intellectual Property Rights* (IPR), Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) dan *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001* (AMLATFPUAA).

Perolehan Kes, Nilai Dan Cukai

Pada tahun 2021, bilangan kes yang diperoleh oleh Bahagian Penguatkuasaan daripada aktiviti-aktiviti perdagangan tidak sah dan penyeludupan adalah 5,113 kes iaitu meningkat sebanyak 19.21% dari tahun 2020. Manakala nilai rampasan komoditi bagi tahun 2021 berjumlah RM5.488 bilion iaitu meningkat sebanyak 184.14% berbanding tahun 2020 dan jumlah cukai yang terlibat adalah sebanyak RM0.461 bilion iaitu meningkat sebanyak 22.70% berbanding tahun 2020. Perbandingan pencapaian perolehan kes, nilai dan cukai tahun 2020 dan 2021 adalah seperti di Jadual 1.

Bil.	Perkara	2020	2021	% Perbezaan
1.	Bil. Kes	5,106	5,113	0.14
2.	Nilai (RM bilion)	0.638	5.488	760.19
3.	Cukai (RM bilion)	0.869	0.461	(46.95)



Jadual 1: Perolehan kes, nilai dan cukai terlibat bagi tahun 2020 dan 2021. Dari segi statistik perolehan kes mengikut bilangan kes, kuantiti, nilai serta cukai terlibat bagi Barang Belum Lulus Kastam (*Uncustoms Goods*) yang dirampas pada tahun 2020 dan 2021 adalah seperti di Jadual 2:

Bil.	Perkara	Bil. Kes/Kuantiti		Nilai (RM bilion)		Cukai Terlibat (RM bilion)	
		2020	2021	2020	2021	2020	2021
1	Rokok	2,104 kes	2,354 kes	0.075	0.031	0.661	0.268
		894 juta batang	362 juta batang				
2	Minuman Keras / Bir	738 kes	805 kes	0.022	0.021	0.045	0.084
		1.74 juta liter	44.60 juta liter				
3	Dadah / <i>Precursor</i>	528 kes	218 kes	0.124	5.249	--	--
		3.37 juta gram dan 32.30 ribu tab	34.13 juta gram dan 14.60 ribu tab				
4	Kenderaan	644 kes	623 kes	0.052	0.045	0.072	0.057
		1,257 unit	1,378 unit				
5	Mercun dan Bunga Api	71 kes	142 kes	0.0006	0.001	0.00339	0.00558
		0.052 juta kg	0.110 juta kg				
6	Lain-lain Komoditi	1,001 kes	971 kes	0.363	0.141	0.0814	0.051
Jumlah Keseluruhan		5,106 kes	5,113 kes	0.637	0.488	0.861	0.460

Jadual 2: Statistik perolehan kes mengikut Barang Belum Lulus Kastam (*Uncustoms Goods*) yang dirampas pada tahun 2020 dan 2021

Faedah Zahir

Bahagian Penguatuasaan turut menyumbang secara tidak langsung kepada pungutan hasil Jabatan melalui bayaran kompaun, cukai dipungut semula dan hasil daripada jualan barang-barang rampasan serta lucuthak. Berdasarkan lima (5) pecahan hasil faedah zahir yang dinyatakan didapati hasil dari Tender kenderaan lucuthak dan Bayaran kompaun telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 iaitu dengan peratusan sebanyak 1.69% dan 22.85% berbanding tahun sebelumnya. Manakala bagi tiga (3) hasil lain menunjukkan penurunan iaitu Barang lucuthak lain penurunan sebanyak 22.17%, Cukai dipungut semula mencatat penurunan sebanyak 24.05% dan tindakan di bawah AMLATFPUAA penurunan sebanyak 22.32% pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Secara keseluruhannya, penurunan hasil faedah zahir adalah sebanyak 6.23% pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Pecahan faedah zahir adalah seperti Jadual 3 berikut:

Perkara	2018 (RM juta)	2019 (RM juta)	% Perbezaan
Tender kenderaan lucuthak	10.04	10.21	1.69
Bayaran kompaun	6.39	7.85	22.85
Barang lucuthak lain	8.39	6.53	(22.17)
Cukai dipungut semula	20.17	15.32	(24.05)
Tindakan di bawah AMLATPUAA	2.41	0.300	(87.55)
Jumlah Keseluruhan	47.23	40.22	(14.84)

Jadual 3: Jumlah pungutan hasil faedah zahir bagi tahun 2020 dan 2021

Aktiviti Cawangan

Cawangan Risikan

Unit	Fungsi
Pusat Perisikan Kastam	Mentadbir dan mengurus pangkalan data Penguatkuasaan, profil perisikan, menjalankan tapisan ke atas syarikat, jenama dan individu serta terlibat sebagai <i>Regional Intelligence Liaison Office</i> (RILO)
Pengurusan Komunikasi dan Semboyan	Mengkoordinasi penyebaran maklumat melalui kemudahan komunikasi dan semboyan serta menguruskan aduan penyeludupan
Strategi dan Taktikal	Merancang dan melaksanakan operasi risikan strategik
Unit Perisikan Khas	Menjalankan operasi perisikan khas yang berprofil tinggi berdasarkan pada arahan pihak atasan
Verifikasi Unit Penumpang	Membuat verifikasi ke atas penumpang yang keluar masuk negara untuk mengenal pasti penumpang yang berisiko tinggi
IPR/ CITES/ ATIPSOM dan Border Measures	Menguatkuasakan kawalan sempadan di pintu-pintu masuk negara berhubung dengan Hak Milik Intelek (<i>Intellectual Property Rights-IPR</i>), <i>Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)</i> dan Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM)

Projek dan Profil Risikan

Cawangan Risikan menggunakan pendekatan *intelligence driven* dan mengurangkan kebergantungan kepada ampoma dalam menangani aktiviti penyeludupan. Berdasarkan Jadual 4, sebanyak 111 projek risikan yang bernilai lebih RM250 ribu telah dibangunkan pada tahun 2019 berbanding 71 projek risikan pada tahun 2018 iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 56.34%. Nilai projek risikan yang dihasilkan pada tahun 2019 turut meningkat sebanyak 51.52% berbanding tahun sebelumnya. Manakala sebanyak 127 profil risikan telah dihasilkan bagi tahun 2019 dan terdapat penurunan sebanyak 1.55% berbanding tahun 2018.

Bil.	Perkara	2020	2021	% Perbezaan
1.	Bilangan projek risikan	71	111	56.34
2.	Nilai projek risikan (RM bilion)	0.13	0.20	53.85
3.	Bilangan profil risikan yang dihasilkan	129	127	(1.55)

Jadual 4: Projek dan Profil Risikan bagi tahun 2020 dan 2021

Arahan Berjaga-Jaga

Arahan berjaga-jaga merupakan notis maklumat terkini yang disampaikan kepada stesen kastam di seluruh negara supaya mengambil tindakan serta merta atau berjaga-jaga ke atas maklumat yang disampaikan. Sumber maklumat ini diperoleh daripada pelbagai sumber seperti risikan, aduan awam, media masa, buletin dalam dan luar negara atau sumber-sumber lain. Sebanyak sepuluh (10) Arahan Berjaga-jaga telah dikeluarkan oleh Cawangan Risikan sepanjang tahun 2021.

Memproses Permohonan Tapisan Syarikat / Individu / Jenama

Cawangan Risikan bertanggungjawab memproses permohonan tapisan ke atas syarikat / individu sebelum sesuatu kelulusan diberi oleh Jabatan. Tujuan tapisan dibuat adalah untuk memastikan individu / syarikat / jenama yang memohon lesen di bawah Akta Kastam 1967 tidak mempunyai apa-apa kesalahan di bawah Akta Kastam dan perundangan lain yang ditadbir oleh Jabatan. Pecahan permohonan tapisan mengikut jenis adalah seperti di Jadual 5.

Perkara	2020	2021	% Perbezaan
Tapisan Syarikat	2,250	1,450	(35.56)
Tapisan Individu	16,452	10,150	(38.31)
Jumlah Keseluruhan	18,702	11,600	(37.97)

Jadual 5: Bilangan tapisan / syarikat bagi tahun 2020 dan 2021

Kes-Kes Penyeludupan Hidupan Liar / Spesis Terancam

Malaysia adalah antara Negara yang telah menandatangani Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES). JKDM adalah antara agensi penguatkuasaan yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang di bawah Akta Perdagangan Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686). Sepanjang tahun 2021, terdapat tujuh (8) kes yang diperolehi dari maklumat pihak ketiga, pemeriksaan fizikal, imbasan dan penilaian risiko. JKDM terlibat dengan dua (2) operasi peringkat antarabangsa dan nasional iaitu Ops Mekong Dragon Siri III dan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) sepanjang tahun 2021. Bagi tahun 2021 juga, sebanyak dua (2) taklimat yang berkaitan dengan Prosedur Pemeriksaan di Sempadan termasuk bagi *item* hidupan liar telah diadakan kepada pegawai-pegawai Jabatan dan juga pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan hidupan liar yang lain. Turut dilaporkan empat (4) penahanan *item* hidupan liar seperti kura-kura, orkid dan tarantula diserahkan kepada agensi penguatkuasaan lain bagi tujuan siasatan. Pecahan kes penyeludupan yang utama sepanjang tahun 2021 mengikut jenis dagangan adalah seperti di Jadual 6.

Bil.	Dagangan	Kuantiti	Nilai (RM juta)
1	Red Sandalwood (<i>timber</i>)	20,722 kg	7.88
2	Burung Murai Kampung (<i>live</i>)	2,500 ekor	0.75

Jadual 6: Statistik kes penyeludupan hidupan liar / spesis terancam bagi tahun 2021

Melaksanakan Siasatan Ke Atas Kes Di Bawah Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM 2007)

Impak daripada perlaksanaan ini dapat mematuhi standard minima antarabangsa dalam penguatkuasaan pemerdagangan orang. Output yang dihasilkan akan dimaklumkan kepada Kementerian Dalam Negeri yang merupakan penyelaras kepada kes-kes yang melibatkan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Tindakan yang diambil oleh JKDM khususnya merupakan input untuk penyediaan laporan yang akan dinilai oleh Pihak Kerajaan Amerika Syarikat di dalam Laporan Tahunan mereka. Jumlah pencapaian kes di bawah ATIPSOM bagi tempoh 2020 dan 2021 adalah seperti di Jadual 7. Pada tahun 2021, terdapat penambahan bilangan kes sebanyak satu kes bersamaan dengan 20.00% berbanding tahun 2020.

Perkara	2020	2021	% Perbezaan
Bilangan kes	5	6	20.00

Jadual 7: Bilangan kes di bawah ATIPSOM bagi tahun 2020 dan 2021

Cawangan Siasatan

Unit	Fungsi
Unit Siasatan Pengubahan Wang Haram	Bertanggungjawab melakukan siasatan terhadap kesemua kesalahan berat yang tersenarai dalam jadual kedua Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001
Unit Siasatan Frod Perdagangan	Menjalankan siasatan ke atas ' <i>transnational organized crime, computer and revenue fraud</i> ' di samping menyiasat kes-kes penyeludupan dan penyelewengan hasil yang berprofil tinggi
Unit Siasatan Frod Dokumentasi	Menjalankan siasatan ke atas kes yang melibatkan frod dokumentasi termasuk yang melibatkan frod terancang (<i>syndicated fraud</i>) dan berprofil tinggi
Unit Sains Forensik	Membuat analisa forensik peralatan komputer dan telefon bimbit

Unit Siasatan Pengubahan Wang Haram

Unit ini bertanggungjawab melakukan siasatan terhadap kesemua kesalahan berat yang tersenarai dalam jadual kedua Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang mana jabatan mempunyai kuasa untuk menguatkuaskan undang undang tersebut. Kesalahan-kesalahan berat tersebut terkandung di dalam akta-akta berikut:

- Akta Kastam 1967
- Akta Dadah Berbahaya 1952
- Akta Perdagangan Strategik 2010
- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007
- Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008
- Akta Cukai Jualan 2018
- Akta Cukai Perkhidmatan 2018
- Akta Cukai Jualan 1972
- Akta Cukai Perkhidmatan 1975
- Akta Eksais 1976
- Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014

Di samping itu, unit ini menjalankan siasatan di bawah Bahagian IVA AMLATFPUA 2001 yang melibatkan pemindahan rentas sempadan wang tunai dan instrumen boleh niaga pembawa.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 21 kertas siasatan dibuka di bawah AMLATFPUA 2001 berbanding tahun 2020 sebanyak 15 kertas siasatan telah dibuka iaitu peningkatan sebanyak 40.00 %, ringkasan bilangan kertas siasatan dibuka adalah seperti di Jadual 8.

Perkara	2020	2021	% Perbezaan
Bilangan kertas siasatan	15	21	40.00

Jadual 8: Perbandingan bilangan kertas siasatan dibuka bagi tahun 2020 dan 2021.

Unit Siasatan Frod Perdagangan

Unit ini menjalankan siasatan ke atas '*transnational organized crime*', '*computer and revenue fraud*' serta membuat penyiasatan ke atas kes-kes yang melibatkan penyeludupan dan penyelewengan. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 6,711 kertas siasatan frod perdagangan telah ditutup dan peratusannya meningkat sebanyak 31.72% berbanding tahun 2020 iaitu seperti di Jadual 9.

Perkara	2020	2021	% Perbezaan
Kertas Siasatan Ditutup	1,132	2,751	143.02
Kertas Siasatan Ditutup (CIV)	3,963	3,960	(0.08)
Jumlah Keseluruhan	5,095	6,711	31.72

Jadual 9: Jumlah Penutupan Kertas Siasatan (Frod Perdagangan) bagi tahun 2020 dan 2021

Bagi penghasilan kes frod perdagangan melalui proses *intelligence driven* pula, sebanyak 3,644 kes telah dihasilkan sepanjang tahun 2021 berbanding 4,836 kes pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak 24.65% seperti di Jadual 10.

Perkara	2020	2021	% Perbezaan
Menghasilkan kes frod perdagangan melalui proses <i>intelligence driven</i>	3,355	3,613	7.69

Jadual 10: Jumlah kes frod perdagangan yang dihasilkan melalui proses *intelligence driven* bagi tahun 2020 dan 2021

Unit Siasatan Frod Perdagangan

Unit ini menjalankan siasatan ke atas '*transnational organized crime*', '*computer and revenue fraud*' serta membuat penyiasatan ke atas kes-kes yang melibatkan penyaludupan dan penyelewengan. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 6,711 kertas siasatan frod perdagangan telah ditutup dan peratusnya meningkat sebanyak 31.72% berbanding tahun 2020 iaitu seperti di Jadual 9

Perkara	2020	2021	% Perbezaan
Kertas Siasatan Ditutup	11,585	17,923	54.71

Jadual 11: Jumlah Penutupan Kertas Siasatan (Frod Dokumentasi) bagi tahun 2020 dan 2021

Unit Sains Forensik

Fungsi utama unit ini adalah menerima barang-barang bukti elektronik daripada Pegawai Penyiasat seluruh negara untuk diproses secara saintifik bagi mengesan bukti-bukti signifikan yang dapat membantu Pegawai Penyiasat melaksanakan siasatan dengan lebih pantas dan berkesan. Di samping itu, unit ini juga berperanan menyertai pelbagai aktiviti serbuan/pemeriksaan bersama cawangan / bahagian / negeri lain untuk mengurus dan mengendalikan barang-barang bukti elektronik di lokasi serbuan / pemeriksaan.

Bidang Tugas Unit Sains Forensik

- Merancang dan menyediakan perkhidmatan siasatan dan sokongan forensik kepada warga Jabatan di seluruh negara.
- Merancang dan mengurus penggunaan sumber manusia, aset, latihan dan kewangan bagi penyampaian perkhidmatan forensik yang berkesan.
- Merancang dan melaksanakan pelbagai strategi yang berterusan bagi pembangunan dan pengembangan bidang forensik.
- Merancang dan membangunkan polisi, prosedur dan perintah sebagai amalan terbaik bagi bidang forensik yang mengikut standard antarabangsa.
- Menyediakan perundingan bagi pengurusan barang bukti elektronik termasuk sokongan saksi pakar bagi kes-kes mahkamah.
- Mengurus aktiviti pengurusan lokasi tempat kejadian bagi tindakan pengumpulan barang bukti elektronik.
- Mengurus aktiviti pengurusan makmal forensik bagi tindakan analisis forensik ke atas barang-barang bukti elektronik.
- Menyemak dan mengesahkan laporan forensik yang telah disediakan oleh juruanalisis forensik.
- Mengurus penyediaan saksi pakar forensik bagi kes-kes pendakwaan di mahkamah.
- Mengurus aktiviti kajian dan pembangunan (R&D) bidang forensik.
- Melaksanakan siasatan yang melibatkan penggunaan teknologi dan perkakasan elektronik.
- Memberikan pendedahan dan KSA kepada warga Jabatan berkenaan kepentingan Forensik Digital.

Statistik Pencapaian

Pelbagai bahan bukti digital telah diproses oleh unit ini bagi membantu siasatan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatuasaan dan Pematuhan. Bahan-bahan bukti digital ini termasuklah *hard disk*, *pen drive*, telefon bimbit dan *external hard disk*. Laporan Analisis Forensik Komputer akan disediakan kepada bahagian-bahagian terlibat untuk tindakan lanjut. Pencapaian aktiviti sepanjang tahun 2020 didapati meningkat berbanding tahun 2021 iaitu seperti di Jadual 12.

Bil.	Aktiviti	2020	2021	% Perbezaan
1	Permohonan analisa forensik	74	59	(20.27)
2	Barang Bukti elektronik diterima/ diproses	222	172	(22.52)
3	Laporan Analisa Forensik dikeluarkan	74	59	(20.27)
4	Bil. Fail Dalam Tindakan	-	-	-
5	KSA/Court Case/DLL	10	15	50.00

Jadual 12: Aktiviti Unit Sains Forensik bagi tahun 2020 dan 2021

Cawangan Pendakwaan, Penguatuasaan Akaun Belum Terima (ABT) dan Rayuan

Unit	Fungsi
Guaman Kriminal	Memantau tindakan kriminal seluruh negeri, menjalankan pendakwaan kes-kes kriminal dan mengkaji kertas siasatan
Guaman Sivil	Memantau tindakan sivil seluruh negeri dan memfailkan tindakan sivil ke atas penghutang-penghutang
Tribunal Rayuan	Memproses rayuan Menteri dan menjalankan rayuan di Tribunal Rayuan Kastam
Penguatuasaan ABT	Memantau ABT seluruh negeri, melaksanakan operasi bagi memastikan ABT dibayar dan menjalankan sekatan perjalanan dan tindakan-tindakan lain

Unit	Fungsi
Kajian Undang-Undang	Menjalankan kajian undang-undang dan mendraf pindaan undang-undang
Semakan Semula	Menyemak permohonan semakan semula yang diterima daripada mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam (KPK)

Unit Tribunal Rayuan

BTM telah menganjurkan dan terlibat dengan beberapa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) terdiri daripada peringkat JPICT JKDM, JPICT Kementerian Kewangan dan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) MAMPU seperti jadual dibawah bagi kelulusan projek ICT JKDM.

PERKARA	BIL. MESYUARAT	BIL. PROJEK LULUS
TEKNIKAL ICT	8	47
JPICT JKDM	5	17
JPICT MOF	-	5
JTISA MAMPU	-	2

Jadual 1: Kelulusan Projek ICT JKDM

Agihan Perkakasan ICT di JKDM

BTM telah membuat agihan perkakasan ICT sepanjang tahun 2021 iaitu sebanyak 2,000 unit komputer *desktop*, 1,000 unit komputer riba dan 19 unit pencetak kepada JKDM ibu pejabat dan JKDM negeri.

Lokasi	Bilangan (Unit)		
	Komputer Desktop	Komputer Riba	Pencetak
WP Putrajaya	406	498	19
Sarawak	28	47	
Melaka	4	14	
Sabah	42	44	
Kedah	110	29	
Negeri Sembilan	134	15	
Pahang	149	17	
Melaka	53	16	
Zon Tengah	100	63	
Zon Tengah	140	57	
Zon Tengah	120	18	
Pulau Pinang	131	51	
Perlis	19	11	
Perak	54	32	
Johor	182	53	
WP LABUAN	36	5	
Terengganu	58	13	
Kelantan	234	17	
Jumlah Keseluruhan	2,000	1,000	19


Jadual 2: Statistik agihan Perkakasan ICT di JKDM

Aduan Kerosakan Perkakasan ICT di Ibu Pejabat JKDM

BTM telah mengurus dan menyelenggara sebanyak 1987 aduan kerosakan perkakasan ICT pengguna di Ibu Pejabat JKDM sepanjang tahun 2021. Perkakasan ICT yang terlibat meliputi komputer peribadi, komputer bimbit dan pencetak.

No	Bulan	Diselenggara Sendiri	Diselenggara Pembekal	Jumlah
1	Januari	75	62	137
2	Februari	85	24	109
3	Mac	97	10	107
4	April	134	20	154
5	Mei	125	25	150
6	Jun	67	30	97
7	Julai	237	28	265
8	Ogos	220	11	231
9	September	270	5	275
10	Oktober	134	7	141
11	November	185	2	187
12	Disember	113	21	134
Jumlah		1742	245	1987

Jadual 3: Statistik Aduan Kerosakan Perkakasan ICT di Ibu Pejabat JKDM



Carta 1: Aduan Kerosakan Perkakasan ICT JKDM Tahun 2021

Pelupusan Perkakasan ICT

BTM telah membuat pemeriksaan dan perakuan terhadap perkakasan ICT bagi tujuan pelupusan sebanyak 1166 unit. Semua permohonan ini telah dilaksanakan dan laporan perakuan pelupusan telah dikeluarkan untuk tindakan selanjutnya. Pelupusan ini telah dilaksanakan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan. Pelupusan perkakasan ICT bagi tahun 2021 melibatkan komputer, pencetak, server dan *uninterruptible power supply*.

No	Bulan	Komputer	Pencetak	Server	Lain-lain	Jumlah
1	Januari	9	6	35	11	61
2	Februari	0	6	0	0	6
3	Mac	7	10	0	0	17
4	April	35	0	0	0	35
5	Mei	7	7	0	0	14
6	Jun	0	0	0	0	0
7	Julai	20	8	0	0	28
8	Ogos	770	0	0	0	770
9	September	42	0	0	0	42
10	Oktober	0	0	0	0	0
11	November	0	14	0	0	45
12	Disember	16	0	0	0	148
Jumlah		906	51	35	11	1166

Jadual 4: Statistik Pelupusan Perkakasan ICT JKDM Tahun 2021




Pengurusan Mesyuarat Secara Maya dan Webinar

Sepanjang tahun 2021, terdapat banyak mesyuarat yang telah diadakan secara talian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah menjadi norma baharu JKDM. Secara keseluruhan jumlah mesyuarat secara maya dan webinar adalah berjumlah 401 permohonan. BTM juga telah mengagihkan sebanyak 18 unit Webcam kepada setiap bilik mesyuarat bahagian. Ini akan membolehkan bahagian masing-masing menjalankan mesyuarat secara atas talian.

No	Bulan	Mesyuarat Secara Maya	Webinar	Jumlah
1	Januari	11	2	13
2	Februari	39	0	39
3	Mac	55	5	60
4	April	34	2	36
5	Mei	19	1	20
6	Jun	30	0	30
7	Julai	31	2	33
8	Ogos	40	2	42
9	September	52	0	52
10	Oktober	38	0	38
11	November	25	0	25
12	Disember	13	0	13
	Jumlah	387	14	401

Jadual 5: Statistik bagi Mesyuarat Secara Maya dan Webinar di bawah Pengendalian BTM



Carta 2: Statistik Pengurusan Mesyuarat Secara Maya Dan Webinar JKDM Tahun 2021

Pengurusan Rangkaian ICT JKDM

MyGOV*NET

BTM telah mengurus sebanyak 15 permohonan pemasangan baru talian MyGov*Net yang telah diterima daripada stesen-stesen JKDM sepanjang tahun 2021. Sebanyak 13 permohonan talian telah diluluskan oleh MAMPU dan telah selesai dipasang manakala dua (2) permohonan masih dalam proses pemasangan.

Status	Bilangan	Keterangan
Dalam Proses	2	Masih dalam fasa penarikan kabel dan pemasangan, pengujian dan konfigurasi sistem.
Selesai	13	
Jumlah	15	

Jadual 6.1a: Statistik Permohonan Talian MyGov*Net

Pada tahun 2021 juga, terdapat 16 permohonan naik taraf talian MyGov*Net dan permohonan yang diluluskan untuk dinaiktaraf adalah sebanyak 12 permohonan manakala empat (4) permohonan tidak diluluskan oleh pihak MAMPU.

Status	Bilangan	Keterangan
Diluluskan	12	Naiktaraf selesai.
Tidak Diluluskan	4	Penilaian yang dilakukan oleh MAMPU mendapati kuota kelajuan pada ketika ini mencukupi.
Jumlah	16	


Jadual 6.1b: Statistik Naik taraf Talian MyGov*Net

Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Sistem Maklumat Kastam (SMK) adalah sistem yang telah dibangunkan pada tahun 1992 yang digunakan oleh JKDM bagi proses pengikrar dan pembayaran duti/cukai kastam bagi pengimportan dan pengeksportan barang dari/ke luar negara dan pengikrar dan pembayaran bagi duti eksais bagi berangan tertentu yang dikilangkan oleh pengilang tempatan.

Sepanjang tahun 2021, antara penambahbaikan yang dilakukan di SMK adalah pelaksanaan FTA baru iaitu ASEAN-India dan MICECA, pelaksanaan pembayaran duti/cukai kastam menggunakan kad kredit, pelaksanaan penghantaran maklumat kapasiti enjin kenderaan elektrik dan pelesenan rokok dan minuman keras (K12).

Borang Kastam Elektronik (K1/K2/K3/K8/K9)



Carta 3: Statistik Pengikrar Borang Kastam Secara Eletronik Tahun 2021

Software Performance Report (SPR)

Sebanyak 13 SPR telah dikeluarkan untuk penambahbaikan ke atas SMK selaras dengan keperluan sepanjang tahun 2021.

Pelaksanaan Sistem MyExcise

Pembangunan sistem MyExcise yang merupakan penambahbaikan Modul Eksais SMK ke versi web dan penambahan komponen modul untuk pengilang telah dilaksanakan pada tahun 2021. Modul yang ditambah untuk kegunaan pengilang adalah seperti berikut:

- i. Modul Pendaftaran
- ii. Modul Permohonan Lesen
- iii. Modul Pengikraran Eksais 7
- iv. Modul Pengikraran Eksais 8
- v. Modul Pembayaran

Aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut

Sesi Pengujian Penerimaan Pengguna (*User Acceptance Test (UAT)*):

Sesi	Tarikh
Sesi 1	5-7 Mei 2021
Sesi 2	1-2 Julai 2021
Sesi 3	5-8 Julai 2021
Sesi 4	24-25 November 2021

Sesi *Regression Test* bersama Bahagian Perkastaman juga telah dilaksanakan:


Sesi	Tarikh
Sesi 1	7 Disember 2021
Sesi 2	8-9 Disember 2021
Sesi 3	10 Disember 2021

Modul Pengguna Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Modul ini dibangunkan bagi menjana, memantau dan mengemas kini pengguna SMK. Pengguna yang aktif pada tahun 2021 adalah seramai 6650 orang.

PORTAL WEBCOR (*Customs Official Receipt*)

JKDM sentiasa produktif membantu dan menaiktaraf kemudahan WebCOR untuk mencetak resit rasmi (COR) dan *Customs Release Documents* (CRD) di premis pelanggan. Kepentingan pelaksanaan ini dapat memudahkan dan membantu agen mencetak resit sendiri tanpa perlu ke pejabat JKDM. Ia juga dapat menjimatkan penggunaan sumber dan kos pengendalian Jabatan, membantu meminimakan pengeluaran resit rasmi serta mengurangkan kesesakan kaunter JKDM. Pada 2021, penambahbaikan maklumat *Actual Time Arrival (ATA)* and *Estimated Time Arrival (ETA)* di dalam Webcor bagi memudahkan pihak agen membuat semakan.



Carta 4: Statistik Cetakan COR dan CRD di WebCOR tahun 2021 di seluruh Malaysia

Penyambungan Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Kastam (SMK)


Penyelenggaraan perkakasan, perisian server dan aplikasi SMK telah diluluskan bagi tempoh 12 bulan mulai 01 September 2021 sehingga 31 Ogos 2022 bagi skop seperti berikut:

- i. Perkhidmatan penyelenggaraan peralatan IPX9800, *EDI Communication Server (ECS), Authorized Economic Operator (AEO), Regional Computer Centre (RCC) Servers, state servers, Gate Control System (GCS)*, dan rangkaian.
- ii. Perkhidmatan penyelenggaraan perisian IPX9800 dan ECS.
- iii. Perkhidmatan Penyelenggaraan Aplikasi SMK, MyExcise, AEO, GCS dan ECS.
- iv. Perkhidmatan penyelenggaraan aplikasi MySST dan MyTTX.
- v. Perkhidmatan penyelenggaraan bagi PC/PCPOS/Slip Printer.
- vi. Perkhidmatan penyelenggaraan bagi integrasi SMK-MyGST dan SMK-MySST.
- vii. Perkhidmatan penyelenggaraan *connectivity EDI Communication Server (ECS)* untuk *service provider Digital Free Trade Zone (DFTZ)*.

Penyambungan Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Kastam (SMK)

ACTS merupakan sistem transit serantau yang hanya menggunakan satu jaminan, satu pengikrar transit dan satu kenderaan untuk sepanjang perjalanan transit, tanpa perlu membuat pengikrar dan menukar kenderaan transit di setiap negara transit yang dilalui sehingga ke negara penerima.

- i. Sistem ACTS telah berjaya dinaik taraf dengan versi baru



3.3.0 dan *User Acceptance Test (UAT)* telah dilaksanakan pada 21 hingga 25 Jun 2021.

- ii. Sehingga Disember 2021, sebanyak 11 *Principal Trader* dan Customs Broker Malaysia telah mendaftar dalam ACTS.
- iii. *Live run ACTS* dari Malaysia ke Cambodia melalui Thailand telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2021 seperti berikut:

Negara	Aktiviti	Tarikh
Malaysia-Thailand-Cambodia	<i>Live run ACTS</i> Pertama	12 Februari 2021
	<i>Live run ACTS</i> Kedua	9 September 2021

ASEAN SINGLE WINDOWS (ASW)

Pembangunan Sistem Malaysia *Exchange Hub* telah dilaksanakan pada 21 Oktober 2020 untuk pertukaran data di antara ASEAN Member State (AMS) di bawah perjanjian perdagangan barang ASEAN (*ASEAN Trade In Goods (ATIGA)*) melalui platform ASEAN Single Window (ASW) secara elektronik untuk pertukaran pelbagai dokumen merangkumi :


Dokumen	Tarikh
ATIGA e-Form D ASEAN Customs Declaration Document (ACDD)	Berterusan <i>Live Operation</i> pada April 2021

Statistik Pertukaran ATIGA e-Form D Mengikut Negara ASEAN Tahun 2021

Negara	Incoming ATIGA	Outgoing ATIGA
Indonesia	60793	
Brunei	10	
Cambodia	1932	
Laos PDR	9	
Myanmar	631	
Phillipines	1	
Singapura	7190	
Thailand	89836	
Vietnam	44738	
TOTAL	205140	0


Pertukaran ASEAN Customs Declaration Document (ACDD) Tahun 2021

Negara	Incoming ATIGA	Outgoing ATIGA
Januari	0	0
Februari	0	0
Mac	68	140270
April	87	134408
Mei	116	127067
Jun	720	4831
Julai	421	0
Ogos	446	352532
September	3662	155369
Oktober	12671	150607
November	14403	150723
Disember	18024	174540
TOTAL	50618	1390347



Sistem AEO

Sistem AEO (sebelum tahun 2012 dikenali sebagai *Customs Golden Client (CGC)*) adalah aplikasi yang dibangunkan pada tahun 2004. Sistem ini digunakan oleh syarikat-syarikat pengimport dan pengeksport yang telah mematuhi keperluan piawai keselamatan dalam rantaian perdagangan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi membuat pengikraran dagangan import dan eksport serta pembayaran duti dan cukai kastam. Aplikasi AEO berintegrasi dengan sistem utama JKDM iaitu Sistem Maklumat Kastam (SMK). Sehingga kini terdapat sebanyak 94 buah syarikat AEO berdaftar dengan JKDM. Berikut merupakan statistik pengikraran di Sistem AEO pada tahun 2021:



Carta 5: Statistik pengikraran di Sistem AEO pada tahun 2021

Selain daripada itu pelaksanaan inisiatif *Mutual Recognition Arrangement* (MRA) juga aktif dilakukan sebagai alternatif kepada syarikat Malaysia bukan berstatus AEO mendapat kemudahan perdagangan apabila berurusniaga dengan syarikat AEO di luar negara.

Perancangan pada masa akan datang, perluasan AEO ini akan melibatkan lebih banyak penyertaan syarikat-syarikat AEO melakukan aktiviti-aktiviti dagangan high risk dengan pengesahan/ kelulusan daripada OGA dan *Permit Issuance Agency* (PIA) hasil kelangsungan daripada Projek AEO Bersepadu Peringkat Nasional.

Sistem Levi Pelepasan (MyDLv)


Sistem Levi Pelepasan (MyDLv) adalah sistem yang direkabentuk secara atas talian bertujuan sebagai pusat sehenti untuk Operator dan Ejen pengendali asing bagi melaksanakan proses-proses berkaitan Levi Pelepasan berdasarkan kepada Akta Levi Pelepasan 2019. Sistem ini telah mula digunakan oleh Pegawai JKDM, Operator dan Ejen pengangkutan bermula Ogos 2019.

Semua Operator dan Ejen pengangkutan berdaftar telah mengikrar penyata pada tahun 2021 seperti berikut :

Jumlah Penyata	Bulan												
	Jenis Pengendali	Jan 2021	Feb 2021	Mac 2021	April 2021	Mei 2021	Jun 2021	Jul 2021	Ogs 2021	Sept 2021	Okt 2021	Nov 2021	Dis 2021
Ejen	31	31	31	30	30	30	30	30	30	30	29	29	361
B16	5	6	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	61
P01	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	24
S23	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	24
W21	21	20	21	20	20	20	20	20	20	20	19	19	240
Y46	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	12
Operator	53	53	53	53	52	52	52	52	52	51	51	51	625
B16	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	72
P01	2	2	2	2	1	1	1	1	1	1	1	1	16
S23	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	84
W21	36	36	36	36	36	36	36	36	36	35	35	35	429
Y42	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	24
Jumlah	84	84	84	83	82	82	82	82	82	81	80	80	986

Carta 6: Bilangan Transaksi Penyata yang telah diikrar oleh Operator dan Ejen pengangkutan berdaftar sepanjang tahun 2021.

Sistem MyDLv berjalan lancar sepanjang tahun 2021 walaupun industri penerangan masih terjejas kesan pandemik Covid19. Transaksi pembayaran MyDLv pada tahun 2021 mengikut saluran pembayaran adalah seperti berikut:



Carta 7: Bilangan Transaksi MyDLv Mengikut Saluran Pembayaran Pada Tahun 2021

SISTEM eKONTENA


Sistem eKontena merupakan sistem pengumpulan data penahanan, pemeriksaan, dan pelepasan kontena secara atas talian selaras dengan Perintah Tetap Penguatkuasaan Bil. 18. Sistem ini dibangunkan secara *in-house* bermula Jun hingga Disember 2021 dan dijangka akan diguna pakai sepenuhnya pada tahun 2022. Sistem ini akan menjadikan proses pemeriksaan kontena di pintu keluar / masuk negara, urusan penahanan dan pelepasan kontena dapat dijalankan secara sistematik serta berintegriti. Selain dari itu, ia akan memudahkan Bahagian Penguatkuasaan untuk mengurus dan menaraf risiko ke atas kontena yang berisiko tinggi. Pembangunan sistem adalah hasil daripada usaha dan komitmen pasukan pembangunan sistem yang terdiri daripada wakil dari Bahagian Penguatkuasaan dan BTM.

SISTEM eDIREKTORI

Sistem eDirektori merupakan sistem pengurusan dan carian direktori pegawai JKDM di seluruh negara. Ia dibangunkan bagi tujuan memudahkan pengemaskinian maklumat dan carian direktori pegawai JKDM secara di atas talian yang lebih efisyen dan sistematik. Sistem ini dibangunkan secara *in-house* yang melibatkan dua fasa pembangunan. Fasa pertama dilaksanakan pada tahun 2020 yang melibatkan direktori pegawai Ibu Pejabat manakala fasa kedua bermula pada Ogos hingga Disember 2021 melibatkan direktori pegawai di seluruh negeri. Pembangunan sistem adalah hasil daripada usaha dan komitmen pasukan pembangunan sistem yang terdiri daripada wakil dari Bahagian Korporat dan BTM.

SISTEM eREVIEW

Sistem eReview merupakan sistem Permohonan Semakan Semula berdasarkan borang JKDM 4 secara atas talian yang lebih sistematik dan efisyen. Sistem ini dibangunkan secara *in-house* bermula September 2020 hingga Mac 2021. Selain dari itu, ia juga menyediakan kemudahan atas talian bagi permohonan semakan semula ke atas keputusan Ketua Pengarah Kastam yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Levi 2019. Pembangunan sistem adalah hasil daripada usaha dan komitmen pasukan pembangunan sistem yang terdiri daripada wakil dari Bahagian Penguatkuasaan dan BTM.



Permohonan Mengikut Jenis Akta

Pilihan Akta 1	Pilihan Akta 2	Pilihan Akta 3	Pilihan Akta 4	Jum
Akta Kastam 1967	Akta Eksais1976			5
Akta Kastam 1967	Akta Eksais1976	Akta Cukai Jualan 2018		12
Akta Kastam 1967	Akta Eksais1976	Akta Cukai Jualan 2018	Akta Cukai Perkhidmatan 2018	1
Akta Eksais1976	Akta Cukai Jualan 2018			2
Akta Cukai Jualan 2018	Akta Cukai Perkhidmatan 2018			16
Akta Kastam 1967	Akta Cukai Jualan 2018	Akta Cukai Perkhidmatan 2018		3
Akta Kastam 1967	Akta Cukai Jualan 2018			30
<i>Null Value</i> (Tiada Akta dipilih)				32
Jumlah				101

Pilihan Akta 1	Jum
Akta Kastam 1967	230
Akta Eksais1976	7
Akta Cukai Jualan 2018	572
Akta Cukai Perkhidmatan 2018	319
Akta Cukai Perlepasan 2019	1
Jumlah	1129

**Jumlah Permohonan
1230**

Jadual 7: Jumlah Permohonan Semakan Semula Mengikut Jenis Akta


Sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (MyGST)

Sistem MyGST mula dilancarkan penggunaannya pada 1 Jun 2014 untuk modul Pendaftaran. Secara rasmi, penggunaan semua modul MyGST bermula 1 April 2015 selaras dengan tarikh perlaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2015 di Malaysia. Penggunaan sistem adalah tinggi tetapi berikutan pemansuhan GST di Malaysia bermula 1 September 2018, penggunaan dan capaian ke atas sistem ini telah menurun secara mendadak. Sepanjang tahun 2021, sistem ini berjalan dengan baik.

Penambahbaikan MyGST

Pembangunan sistem MyExcise yang merupakan penambahbaikan Modul Eksais SMK ke versi web dan penambahan komponen modul untuk pengilang telah dilaksanakan pada tahun 2021. Modul yang ditambah untuk kegunaan pengilang adalah seperti berikut:

Jumlah SQR (Solution Request) Sistem MYGST Pada Tahun 2021




Carta 8: Jumlah SQR (Solution Request) Sistem MyGST pada tahun 2021

Pengguna Sistem Gentax MyGST

Pengurusan ID Pengguna Gentax MyGST yang sistematik amat penting bagi memastikan tahap keselamatan sistem terpelihara di samping mengelakkan berlakunya ketirisan atau pencerobohan ke atas maklumat Orang Kena Cukai (OKT). Oleh itu, pemantauan yang teliti dari segi kawalan akses perlu dilakukan secara berterusan.

Bagi menjaga keselamatan sistem, pengguna yang tidak *login* ke sistem melebihi dua (2) minggu akan dikunci/*lock* daripada mengakses sistem.



Carta 9: Jumlah Pegawai JKDM Sebagai Pengguna MyGST Yang Aktif mengikut Negeri pada Tahun 2021


Transaksi Pembayaran

Transaksi pembayaran dipecahkan kepada dua kategori iaitu secara *Online* dan *Manual*. Pembayaran secara *Online* adalah pembayaran yang dibuat melalui *Taxpayer Access Point* (TAP) dengan menggunakan saluran FPX Paynet atau melalui ejen bank. Pembayaran melalui ejen bank melibatkan beberapa saluran iaitu *Over the Counter*, *Bank Portal* atau *Self Service Terminal* (SST).

Pembayaran secara *Manual* bermaksud Orang Kena Cukai (OKT) menghantar cek secara pos ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC), Kelana Jaya.



Peratusan Cara Pembayaran Online dan Manual Bagi Sistem MYGST Pada Tahun 2021



Carta 10: Pecahan Transaksi Pembayaran Sistem MyGST pada Tahun 2021

Sistem Tourism Tax (MyTTx)

Sistem MyTTx mula dilancarkan penggunaannya pada 1 Ogos 2017 sebagai sistem sokongan kepada perlaksanaan Akta Cukai Pelancongan 2017 di Malaysia. Sistem ini boleh diakses melalui pautan <https://www.myttx.customs.gov.my>. Sepanjang tahun 2021, sistem ini berjalan dengan baik.

Pengguna JKDM Sistem MyTTx

Pengurusan ID Pengguna JKDM MyTTx yang sistematik amat penting bagi memastikan tahap keselamatan sistem terpelihara dan kawalan ke atas sistem ini sentiasa dipantau oleh pentadbir ID MyTTx. Jumlah keseluruhan pendaftaran pengguna JKDM yang mendaftar sistem MyTTx di seluruh negara pada tahun 2021 ialah 238.




Carta 11: Jumlah Pegawai JKDM Sebagai Pengguna MyTTx Yang Aktif mengikut Negeri pada Tahun 2021

Transaksi Pembayaran MyTTx

Terdapat dua (2) kaedah pembayaran yang diterima melalui Sistem MyTTx iaitu secara *Online* dan *Manual*. Pembayaran secara *Online* adalah pembayaran yang dibuat melalui Sistem MyTTx menggunakan saluran FPX Paynet. Manakala pembayaran secara *Manual* bermaksud Pengendali Premis Penginapan menghantar cek secara pos ke *Customs Processing Center* (CPC).

Peratus Cara Pembayaran Online dan Manual Pada Tahun 2021



Carta 12: Pecahan Transaksi Pembayaran Sistem MyTTx pada Tahun 2021

Sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan Perkhidmatan (MySST)

Sistem MySST mula dilancarkan penggunaanya pada 6 Ogos 2018 berikutan pelaksanaan Cukai Jualan 2018 dan Cukai Perkhidmatan 2018 menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2015 berkuatkuasa 1 September 2018. Terdapat empat (4) modul di dalam sistem ini iaitu Pendaftaran, Penyata, Pembayaran dan Pengecualian. Sistem ini boleh diakses melalui pautan <https://www.mysst.customs.gov.my>. Sepanjang tahun 2021, sistem ini berjalan dengan baik.

Pengguna Sistem MySST

Pengurusan ID Pengguna JKDM MySST sentiasa dipantau oleh pentadbir ID MySST bagi memastikan tahap keselamatan sistem terpelihara dan kawalan ke atas sistem ini. Pada tahun 2021, sebanyak 85 pegawai baru telah mendaftar sebagai pengguna bagi sistem MySST.



Carta 13: Jumlah Pegawai JKDM Yang Mendaftar Sebagai Pengguna MySST mengikut Negeri pada Tahun 2021

Transaksi Pembayaran MySST

Dua kaedah pembayaran yang diterima melalui Sistem MYSST adalah secara *Online* dan Manual. Pembayaran secara *Online* adalah pembayaran yang dibuat menerusi Sistem MySST menggunakan saluran FPX Paynet, manakala pembayaran secara Manual bermaksud Pengilang Berdaftar / Orang Berdaftar menghantar cek ke CPC.



Carta 14: Peratus Transaksi Pembayaran Sistem MySST Pada Tahun 2021

Aduan Teknikal MySST

Aduan Teknikal MySST ini dibuat menerusi alamat emel teknikalsst@customs.gov.my. Penggunaan sistem ini bermula 6 Ogos 2018. Pecahan aduan teknikal adalah seperti dalam carta berikut:



Carta 15: Jumlah Aduan Teknikal Sistem MySST Pada Tahun 2021

Sistem Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Digital (MySToDS)


Sistem Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Digital (MySToDS) mula dilancarkan penggunaannya pada 1 April 2020 sebagai sistem sokongan kepada pelaksanaan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019. Sistem ini boleh diakses melalui pautan <https://mystods.customs.gov.my/>. Sistem ini mula dibangunkan pada 9 Februari 2020 dan berjaya dilancarkan penggunaannya pada 1 April 2020.

Pembangunan sistem ini dilakukan secara berperingkat dan merangkumi enam (6) modul seperti berikut:

- i. Modul Pendaftaran (*Registration*)
- ii. Modul Penyata (*Return*)
- iii. Modul Pembayaran dan Terimaan (*Payment and Revenue*)
- iv. Modul Pengurusan Tunggakan (*Debt Management*)
- v. Modul Pulang Balik (*Refund*)
- vi. Modul Pengurusan (*Administration*)

Pengguna Sistem MySToDS

Jumlah pengguna Pemberi Perkhidmatan Asing (PPA) bagi sistem ini adalah merangkumi 375 pengguna PPA yang aktif dan berdaftar pada 2021. Pengguna ini merangkumi 30 negara di seluruh dunia.



Carta 16: Jumlah Pengguna Pemberi Perkhidmatan Asing (PPA) Mengikut Negara

Transaksi Pembayaran MySToDS

Secara keseluruhannya, sistem MySToDS menerima pembayaran 100% melalui atas talian (*online*). Kaedah pembayaran yang disediakan adalah seperti berikut:

i. **Telegraphic Transfer (TT)**

Kaedah pembayaran ini boleh digunakan oleh PPA yang tidak mempunyai bank berdaftar di Malaysia. PPA boleh membuat pembayaran dengan melakukan pindahan pembayaran melalui Bank di Luar Negara kepada JKDM.

i. **Financial Process Exchange (FPX)**

PPA boleh membuat bayaran dalam talian menggunakan (FPX) sebagai *payment gateway*. PPA yang mempunyai akaun perbankan internet dengan mana-mana bank yang menyertai FPX sahaja boleh menggunakan kaedah ini.

Aduan Teknikal MySToDS

Aduan teknikal MySToDS boleh dilakukan menerusi alamat emel teknikalstods@customs.gov.my. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 50 aduan telah diterima berkaitan sistem MySToDS dan pecahan tersebut adalah seperti carta berikut:



Carta 17: Jumlah Aduan Teknikal Sistem MySToDS Pada Tahun 2021

Ketersediaan Pusat Data JKDM

Pada tahun 2021, pusat data JKDM berjaya mencapai 99% tahap ketersediaan (*uptime*) hasil daripada usaha pemantauan yang lebih sistematik, mengemaskini prosedur dan pelaksanaan *preventive maintenance* yang dilaksanakan secara berkala.

Selain itu, pusat data juga telah melaksanakan penggantian (*tech refresh*) beberapa perkakasan yang telah usang iaitu yang telah mencapai *end of service life* (EOSL). Aktiviti ini dilaksanakan bagi mengurangkan risiko kerosakan dan gangguan kepada perkhidmatan di pusat data.

Kesinambungan perkhidmatan bagi sistem-sistem utama adalah amat penting untuk memastikan sistem-sistem utama dapat dicapai ketika berlakunya sebarang gangguan. Sehubungan dengan itu pusat data telah menyediakan persekitaran disaster recovery iaitu dari segi perkakasan dan perisian secara berperingkat bagi sistem-sistem utama jabatan.

Latihan dan Bengkel

BTM telah mengadakan sebanyak lima (5) latihan dan bengkel terdiri daripada Latihan *Microsoft Project Manager*, Latihan Sistem MySToDs, Bengkel Pengujian *Users Acceptance Test* (UAT) Sistem MyExcise, Bengkel Sesi Pengujian IFT MyExcise, Bengkel Pengujian *Users Acceptance Test* (UAT) Sistem MyExcise dan Sesi 2 *Regression Test* Sistem MyExcise kepada pegawai-pegawai JKDM. BTM juga turut mengadakan bengkel dan latihan secara atas talian susulan pelaksanaan PKP semasa pandemik COVID19 ini. Gambar di sekitar sesi latihan dan bengkel adalah seperti di Lampiran A.



Penutup

Secara keseluruhannya, kemudahan/projek-projek ICT yang dirancang telah berjaya dilaksanakan walaupun dalam keadaan yang penuhkekangan terutamanya dari segi peruntukan kewangan. Setiap isu ditangani sebaik mungkin dan BTM akan sentiasa berusaha untuk membuat penambahbaikan dengan kerjasama dan sokongan padu daripada pengurusan Jabatan, setiap warga Jabatan dan pelanggan Jabatan.

LATIHAN MICROSOFT PROJECT MANAGER

SESI 1: 1-3 NOVEMBER 2021
SESI 2: 8-10 NOVEMBER 2021
IVERSON, MID VALLEY CITY,
KUALA LUMPUR



LATIHAN SISTEM MYSTODS

15 – 17 DISEMBER 2021
BILIK LATIHAN NO 4, ARAS -1,
IBU PEJABAT KASTAM



**WORKSHOP ON TECHNICAL
AND SYSTEMS FOR ASEAN
CUSTOMS TRANSIT SYSTEMS
(ACTS)**
6 HINGGA 8 APRIL 2021
AKMAL, MELAKA



WEBINAR ACTS
DIADAKAN SETIAP MINGGU
YANG MELIBATKAN PRINCIPAL
TRADER, CUSTOMS BROKER,
PEGAWAI-PEGAWAI NEGERI
DAN IBU PEJABAT





JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

2021

BAB 9

BAHAGIAN

PERUNDANGAN

Bahagian Perundangan Jabatan Diraja Malaysia

Profil

Bahagian Perundangan diketuai oleh Tuan Saiful Edris bin Zainuddin sebagai Pengarah Bahagian Perundangan (sehingga 15.3.2021) dan kemudiannya diambil alih oleh Puan Nur Izzaini binti Ishak (dari 3.5.2021 sehingga kini). Pada masa ini, Bahagian Perundangan terdiri daripada dua (2) orang Pegawai Undang-Undang Gred L52, empat (4) orang Pegawai Undang-Undang Gred L48, empat (4) orang Pegawai Undang-Undang Gred L44, tujuh (7) orang Pegawai Undang-Undang Gred L41, dua (2) orang Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29, empat (4) kakitangan pentadbiran dan seorang (1) Setiausaha Pejabat Gred N29. Mengikut Senarai Perjawatan 2021, Bahagian ini hanya terdiri daripada dua Cawangan iaitu Cawangan Jenayah dan Cawangan Gubalan sahaja. Namun demikian, tugasan Bahagian ini tidak terhad kepada tugasas Jenayah dan Gubalan sahaja malah Bahagian ini juga mengendalikan kes-kes Guaman (Sivil), tugasan Penasihat dan Hal Ehwal Antarabangsa.

Berhubung dengan kes jenayah dan sivil, Bahagian ini mengendalikan kes-kes perbicaraan, rayuan dan semakan. Bahagian ini juga berperanan untuk mengkaji dan meneliti Kertas Siasatan, menyemak serta meneliti dan memuktamadkan draf perjanjian/kontrak serta memberi nasihat dan pandangan perundangan yang berkualiti. Di samping itu, Bahagian ini juga menyemak draf perundangan utama dan draf perundangan subsidiari bagi pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Visi

Menjadi Bahagian yang berwibawa dalam menegakkan keadilan dan memberikan nasihat perundungan yang berkualiti berkaitan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Misi

Memastikan tindakan perundungan dikendalikan dengan penuh integriti, cekap, dan efisien demi menegakkan keadilan seajar dengan Perlembagaan Persekutuan dan perundungan yang berkaitan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Objektif Bahagian

- i. Memberi perlindungan kepada masyarakat dari aspek perundangan dengan membawa pesalah undang-undang ke muka pengadilan;
- ii. Memastikan kutipan hasil, duti, cukai dan lain-lain bayaran dibayar kepada JKDM;
- iii. Memastikan nasihat perundangan yang diberikan adalah berkualiti menurut kehendak undang-undang;
- iv. Memastikan setiap perjanjian yang melibatkan JKDM dan Kerajaan dengan pihak tempatan atau di peringkat antarabangsa dibuat dengan memberi perlindungan kepada dan/atau memenuhi hasrat kerajaan dan menurut undang-undang, konvensyen/perjanjian dan undang-undang antarabangsa yang sedia ada dan yang diterima pakai oleh Kerajaan;
- v. Mempertahankan kebebasan asasi (fundamental liberties) seseorang itu seperti hak kepada perbicaraan yang adil dan cara kutipan hasil cukai, duti dan apa-apa bayaran lain yang adil dan saksama menurut lunas-lunas undang-undang yang dibenarkan; dan
- vi. Meningkatkan kutipan hasil kerajaan melalui penguatkuasaan undang-undang.

Fungsi Bahagian

- i. Mengendalikan kes-kes perbicaraan, rayuan dan semakan jenayah di mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia;
- ii. Mengendalikan kes-kes perbicaraan dan rayuan sivil serta semakan kehakiman di Mahkamah-Mahkamah di seluruh Malaysia termasuk Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan;
- iii. Mengendalikan Kertas-Kertas Siasatan yang dikemukakan ke Bahagian ini untuk arahan, nasihat, izin untuk mendakwa dan izin untuk kompaun;
- iv. Menyediakan penyataan tuntutan, pembelaan, afidavit jawapan untuk tindakan di mahkamah;
- v. Menyemak dan meneliti perjanjian-perjanjian di antara JKDM dengan pihak tempatan dan perjanjian yang melibatkan JKDM mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa;
- vi. Memberi nasihat dan pandangan perundangan yang berkualiti kepada JKDM;
- vii. Meneliti dan mengkaji semua keputusan mahkamah samada sivil atau jenayah untuk tindakan samada hendak membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat atau sebaliknya; dan
- viii. Menyampaikan ceramah kepada Pegawai-Pegawai Kastam berkaitan dengan perundangan.

Prestasi | Bahagian Perundangan

Perbicaraan dan rayuan jenayah

Prestasi ini merujuk kepada penyelesaian kes-kes pendakwaan di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi serta rayuan dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi seluruh Malaysia yang dijalankan oleh Bahagian ini.

Pada tahun 2021, sebanyak 149 kes pendakwaan jenayah telah selesai yang dikendalikan oleh Bahagian ini. Pengendalian kes pendakwaan yang dijalankan oleh Bahagian ini adalah melibatkan kes-kes di bawah bidang kuasa Jabatan ini seperti Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007 dan Akta Pedagangan Strategik 2010 tetapi terhad kepada kes-kes yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Bahagian ini sahaja. Jumlah kes bukanlah merupakan tahun semasa sahaja tetapi merupakan sejumlah kes yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya.

Perkara	Tahun		
	2019	2020	2021
Bilangan kes pendakwaan yang didaftarkan	169	167	318
Bilangan kes pendakwaan yang selesai	109	52	149
PERATUSAN	64.49%	31.14%	46.86%

Penetapan tarikh perbicaraan dan pendengaran kes-kes jenayah ini serta kaedah pengurusan kes ditetapkan oleh pihak Mahkamah dan bukan di dalam kawalan Timbalan Pendakwa Raya dan peguam. Tambahan juga kes perbicaraan dan rayuan jenayah tidak dapat dijalankan kerana Mahkamah tidak bersidang secara fizikal semasa tempoh PKP/PKPB/PPN (Fasa 1).

Kertas Siasatan

Prestasi ini berlandaskan kepada kuasa di bawah Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding jenayah bagi sesuatu kesalahan.

Di bawah Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah, Peguam Negara hendaklah menjadi Pendakwa Raya dan boleh melantik orang yang patut dan sesuai sebagai Timbalan Pendakwa Raya dimana Timbalan Pendakwa Raya berada di bawah kawalan dan arahan umum Peguam Negara dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang dilaksanakan oleh Peguam Negara oleh atau di bawah Kanun ini kecuali hak-hak atau kuasa-kuasa yang dijalankan oleh Peguam Negara secara peribadi.

Arahan yang dikeluarkan melalui kertas siasatan yang diangkat ke Bahagian ini tidak termasuk kes-kes yang sedang dibicarakan.

Pada tahun 2021, sebanyak 1564 Kertas Siasatan telah diberikan arahan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Bahagian ini. Kertas-Kertas Siasatan yang dikemukakan ke Bahagian ini adalah untuk izin mendakwa dan/atau arahan siasatan lanjut bagi melengkapkan kertas siasatan sebelum ianya dibawa ke Mahkamah.

Perkara	Tahun		
	2019	2020	2021
Bilangan Kertas Siasatan yang agihan	1516	1638	1564
Bilangan Kertas Siasatan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh agihan	1298	1351	1357
PERATUSAN	85.67%	73.36%	86.76%

Pengendalian kes sivil

Prestasi ini merujuk kepada pengendalian kes-kes sivil yang dikendalikan oleh Bahagian ini.

Pengendalian kes-kes sivil ini adalah berdasarkan persetujuan yang telah dicapai bersama Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara berkaitan jenis kes untuk kendalian.

Penyelesaian kes adalah apabila Mahkamah telah membuat keputusan.

Pada tahun 2021, sebanyak 19 kes sivil yang berjaya diselesaikan oleh Bahagian ini.

Perkara	Tahun		
	2019	2020	2021
Bilangan kes sivil yang didaftar dan dikendalikan oleh Bahagian ini	47	31	53
Bilangan kes sivil yang berjaya diselesaikan	33	16	19
PERATUSAN	70.21%	51.61%	35.85%

Tarikh bagi perbicaraan dan rayuan sivil ditetapkan oleh pihak Mahkamah dan bukan dalam kawalan Peguam Kanan Persekutuan/Peguam Persekutuan serta tertakluk kepada permohonan interlokutari yang difaiklan bagi setiap kes.

Peratusan perlupusan yang rendah diakibatkan oleh tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang mana persidangan Mahkamah bagi kes perbicaraan dan rayuan sivil tidak dapat dijalankan.

Pengendalian kes sivil adalah tertakluk kepada tempoh masa di dalam undang-undang berkaitan prosedur dan Mahkamah mempunyai kuasa untuk melanjutkan tempoh masa tersebut.

Memberi nasihat dan pandangan undang-undang

Memberi nasihat dan pandangan undang-undang berkaitan isu perundangan yang dibangkitkan oleh Jabatan.

Nasihat dan pandangan undang-undang diberi secara bertulis bagi memastikan kepentingan Jabatan dan Kerajaan Malaysia terpelihara serta tidak bercanggah dengan polisi Kerajaan. Bilangan nasihat dan pandangan undang-undang yang dikeluarkan berkaitan isu-isu perundangan yang dibangkitkan oleh Jabatan.

Ini adalah bagi membantu Jabatan ini dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab selari dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

Pada tahun 2021, sebanyak 210 nasihat dan pandangan undang-undang yang dikeluarkan oleh Bahagian ini. Nasihat dan pandangan undang-undang adalah berdasarkan isu perundangan yang dibangkitkan oleh Jabatan.

Perkara	Tahun		
	2019	2020	2021
Bilangan nasihat dan pandangan berdasarkan isu yang dimohon	51	66	210
Bilangan nasihat dan pandangan berdasarkan isu yang dikeluarkan	51	66	210
PERATUSAN	100%	100%	100%

Kontrak/Perjanjian

Pada tahun 2021, sebanyak 198 kontrak yang berjaya disemak dalam tempoh 14 hari oleh Bahagian ini. Penyemakan kontrak oleh Bahagian ini bagi memastikan terma kontrak perjanjian melindungi kepentingan Kerajaan dan selari dengan Arahan Perbendaharaan. Kontrak yang disemak melebihi 14 hari oleh Bahagian ini merupakan kontrak-kontrak yang mempunyai kompleksiti yang tinggi dan memerlukan kajian yang mendalam oleh Bahagian ini.

Perkara	Tahun		
	2019	2020	2021
Bilangan kontrak yang diterima	282	129	198
Bilangan kontrak yang disemak dalam tempoh 14 hari dari tarikh yang diterima	275	129	198
PERATUSAN	97.52%	100%	100%

Menyemak draf perundangan utama dan perundangan subsidiari

Prestasi ini merujuk kepada penyemakan draf perundangan utama dan perundangan subsidiari Jabatan bagi memastikan draf perundangan utama dan perundangan subsidiari teratur dari segi perundangan.


Perundangan utama merujuk kepada Rang Undang-Undang baharu atau pindaan kepada Akta manakala perundangan subsidiari merujuk kepada Peraturan, Perintah, Pemberitahuan dan Warta.

Sesuatu perundangan utama dan subsidiari dibuat berdasarkan polisi yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Draf perundangan utama dan draf perundangan subsidiari yang dikemukakan oleh Jabatan untuk semakan Bahagian Perundangan Jabatan adalah bagi memastikan draf perundangan teratur sebelum dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan dan pewartaan.

Bilangan draf perundangan utama dan draf perundangan subsidiari yang disemak dan dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan.

Pada tahun 2021, sebanyak 82 draf perundangan yang disemak oleh Bahagian ini. Semakan ke atas draf perundangan tersebut adalah bertujuan agar draf perundangan berada dalam keadaan teratur dari segi perundangan.

Perkara	Tahun		
	2019	2020	2021
Bilangan draf perundangan yang diterima	81	63	82
Bilangan draf perundangan yang disemak	81	63	82
PERATUSAN	100%	100%	100%



Keratan akhbar

Sepanjang tahun 2021, Bahagian ini telah berjaya mengendalikan dan menyelesaikan lebih 168 kes-kes jenayah dan sivil. Termasuklah beberapa kes yang melibatkan kepentingan awam.

Pendakwa Raya vs LY Frozen Food dan 1 Lagi & Pendakwa Raya vs Chong Kim Kuang dituduh di bawah seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 [kartel daging].



Tertuduh-tertuduh didapati membuat label dan cap palsu yang ditampal pada kotak daging yang dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal. Ia membabitkan rampasan bernilai lebih kurang RM 6.47 juta.

Pendakwa Raya vs Kamaruzzaman bin Hasim & 3 lagi, dituduh di bawah seksyen 137(1)(a) Akta Kastam 1967 iaitu penalti menawarkan atau menerima rasuah.



Tuan Hakim Mahkamah Sesyen (2) Kedah menjatuhkan hukuman ke atas kesemua tertuduh hukuman 24 bulan penjara dari tarikh keputusan bagi kedua-dua pertuduhan.

Pendakwa Raya vs Ahmad Zubir Khalid & 3 yang lain, Pengarah-pengarah bagi Syarikat Seruntun Maju Sdn Bhd telah dituduh untuk lebih 600 pertuduhan kerana melanggar syarat lesen kedai bebas cukai.



Keputusan Kes Sivil yang melibatkan kepentingan awam

Aras Kuasa Sdn Bhd vs KPK, ini adalah rayuan Syarikat ke atas keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi yang menolak rayuan Perayu dan mengekalkan keputusan Pengerusi Tribunal Rayuan Kastam di hadapan Mahkamah Rayuan. Asas tuntutan adalah melibatkan penolakan permohonan cukai input Perayu bagi tiga tempoh yang mana pembekalan adalah melibatkan pengeksportan bauksit oleh pihak Ketiga. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa terdapat isu kepentingan awam dan tuntutan cukai input Perayu adalah tidak sah. Keputusan KPK melalui bil-bil tuntutan yang dipertikaikan adalah dikekalkan. Keputusan ini juga telah dipersetujui oleh pihak-pihak untuk digunakan bagi rayuan One World Mining Sdn Bhd vs KPK & Satu lagi.

Restoran Wong Solo (Shah Alam) Sdn Bhd & Ors vs Kerajaan Malaysia, ini adalah rayuan Syarikat ke atas Penghakiman Terus yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen. YA Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan Syarikat dan menegaskan dalam penghakimannya bahawa walaupun Perayu tidak berdaftar sebagai 'orang yang kena cukai', Perayu adalah bertanggungan ke atas cukai yang dituntut apabila telah melebihi threshold yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975.



Lain-lain Aktiviti



Naziran Melaka



Naziran WP
Kuala Lumpur



Naziran Johor
(Selatan)

Walaupun berdepan dengan kekangan akibat penularan pandemik Covid-19, takwim seperti yang dicadangkan bagi aktiviti-aktiviti tahunan Bahagian

Perundungan pada tahun 2021 tidak dapat dijalankan sepenuhnya kecuali aktiviti berikut:

Naziran

Bahagian Perundungan telah berjaya menganjurkan empat (4) Naziran di empat (4) negeri; iaitu Perlis, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor (Selatan). Hasil daripada naziran tersebut telah bejaya menyelesaikan lebih 1000 kertas siasatan yang tertunggak berdasarkan arahan-arahan yang diberikan. Naziran ini akan bersambung dan bergerak dari satu negeri ke satu negeri lain bagi melengkapkan mengikut jadual yang telah ditakwimkan sepanjang tahun 2022.

Lain-lain aktiviti

Majlis Sambutan Hari Raya Aidifitri




Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan



Sanitasi Pejabat akibat penularan Covid-19



Mesyuarat Bhg. Perundangan secara *hybird*



Majlis keraian bulan kelahiran dan perpisahan kakitangan Bhg. Perundangan



Majlis Sambutan Hari Deepavali



Majlis Sambutan Hari Deepavali Gotong-royong di rumah kakitangan Bhg. Perundangan yang terjejas akibat banjir kilat Disember 2021 serta pemberian sumbangan



Majlis Makan Tengah Hari Bhg. Perundangan 2021



Secara keseluruhannya, tahun 2021 juga merupakan tahun yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran akibat pandemik yang melanda yang secara tidak langsung menghadkan aktiviti yang dianjurkan oleh Bahagian Perundangan. Pengarah Bahagian Perundangan akan terus mengatur aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2021 dan dilaksanakan dengan kerjasama yang penuh daripada semua warga Bahagian Perundangan.



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



www.customs.gov.my



03-8882 2100/2300



KastamMalaysia



cpa@customs.gov.my



Jabatan Kastam Diraja Malaysia



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)